

BAB TIGA

PERJUANGAN PERGERAKAN ISLAM DI MALAYSIA

3.0. Pengaruh PAS Dalam Kelahiran Pergerakan Sosial Islam Di Malaysia.

Satu hakikat yang nyata dalam perkembangan sejarah sosial di Malaya, ialah politik perkauman mula menguasai politik negara. Pilihanraya umum pertama bulan Julai 1955, ketara sekali memperlihatkan pola aspirasi pengundi yang cenderung dengan parti-parti politik perkauman, dengan asas sokongan mereka tidak lain, iaitu laungan kemerdekaan.

Sebagai pergerakan Islam yang menceburkan diri dalam wadah politik, PAS tidak dapat mengelak dari menghadapi kenyataan tersebut.¹ Ketika itu meskipun perjuangan berlandaskan Islam diterima, terutama di kalangan Bumiputra, tetapi PAS gagal memperoleh hasil yang memuaskan. Perikatan yang didominasi UMNO ternyata lebih unggul. Keberkesanan Perikatan menyampaikan mesej tentang kemerdekaan dengan janjinya untuk memerdekaakan Tanah Melayu dalam masa 4 tahun dari tarikh pilihanraya itu telah berhasil memikat pengundi, meskipun UMNO baru sahaja mengalami perpecahan yang amat parah.² Dalam pilihanraya itu, Perikatan memenangi 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan, dan prestasinya yang cemerlang juga boleh dibuktikan kerana berjaya memungut 80 peratus dari keseluruhan undi. Keghairahan untuk merdeka juga jelas kelihatan di kalangan rakyat apabila peratus yang mengundi cukup tinggi, iaitu 80.8 peratus dan 129 orang bertanding mewakili 7

¹ Lihat Muhammad Shukri bin Hussin, “ Pengaruh PAS dan Kesanannya Terhadap Kebangkitan Perkembangan Islam di Malaysia”. Tesis, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Bangi : UKM, 1980/1981.

² G. P. Means, *Malaysian Politics*, London : University of London Press, 1970, hal. 226.

parti politik.³ 6 parti lain yang turut mengambil bahagian adalah Parti Buruh Malaya, Persatuan Kebangsaan Perak, Parti Negara, People's Progressive Party, Perak Malay League dan PAS.

PAS memenangi satu kerusi dalam pilihanraya ini. Walaupun kemenangannya di kawasan Krian Perak hanya dengan majoriti 450 undi, tetapi mungkin boleh dianggap bermakna kerana paling tidak mencerminkan kesetiaan ahli dan pengaruhnya di Perak, sebagai pusat pertumbuhan dan perkembangan pergerakan-pergerakan berlandaskan Islam di peringkat awal. Sebenarnya, kegagalan PAS memenangi lebih banyak kerusi dalam pilihanraya itu tidak harus diberi penafsiran semata-mata bahawa masyarakat menolak perjuangan yang berlandaskan Islam. Ia lebih ketara berpunca dari kelemahan mengatur strategi dan sumber kewangan yang terhad. Sebaliknya, selain keberkesanan manifesto 'Menuju Kemerdekaan' (*Road to Independence*), kejayaan Perikatan secara langsung berkait dengan kemudahan kuasa yang dibekalkan Inggeris, kemudahan kewangan yang dibekalkan MCA, dan *konservativisme* pengundi yang memberi sokongan padu kepada UMNO.

PAS kemudiannya berusaha untuk memperbaiki kelemahannya, dan usaha-usahanya itu telah membawa hasil yang agak menggembirakan bilamana pengaruhnya, terutama di pantai timur bertambah dominan selepas pilihanraya kedua pada tahun 1959. Pada dasawarsa 60-an, tokoh-tokoh dan para simpatisan PAS adalah antara yang memainkan peranan untuk melahirkan pergerakan-pergerakan Islam yang tidak bercorak politik.

³ *NSTP Research and Information Services*, 1990, hal. 32.

Dalam konteks Malaysia, wujudnya kepelbagaiannya aliran dan pendekatan politik adalah fenomena yang tidak boleh dinafikan, hasil perbezaan sistem dan prinsip perjuangan. Lantaran itu, kehadiran PAS dalam medan politik di negara ini memang wajar, terutama untuk merealisasikan prinsip para pendukungnya ataupun memberi pilihan kepada masyarakat (Islam) yang bercita-cita ingin melihat tegaknya pemerintahan Islam seperti yang dituntut agama mereka. Parti-parti politik lainnya, terutama UMNO sebagai tunggak Perikatan sedar akan hakikat itu, dan malah melihat peranan dan sumbangan parti tersebut bagi memperkuatkan 'Ketuanan Melayu' di negara ini. Kenyataan-kenyataan ini adalah di antara sebab dipelawanya PAS untuk menganggotai parti campuran Barisan Nasional selepas negara dilanda tragedi pergaduhan kaum 13 Mei 1969. Untuk pertama kali dalam sejarah, UMNO dan PAS bersatu tenaga menghadapi pilihanraya kebangsaan tahun 1974 di bawah kelolaan Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak.

Bagaimanapun gabungan antara kedua parti dalam kerajaan campuran Barisan Nasional itu tidak kekal, kerana krisis berhubung dengan penerimaan Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan. Walaupun beliau ahli PAS, tetapi perlantikannya sebagai Menteri Besar bukan kerana parti tersebut, tetapi atas kehendak Perdana Menteri ketika itu, iaitu Tun Abdul Razak⁴. Krisis itu sebenarnya berkaitan langsung dengan konfrontasi di antara Menteri Besar itu dengan Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Mohd Asri Haji Muda. Pertikaian itu menyebabkan kerajaan persekutuan pimpinan Perdana Menteri ketiga Datuk Hussein Onn mengisytiharkan darurat untuk negeri Kelantan pada 13 Disember 1977 sesudah parlimen menyetujuinya. Langkah itu sekaligus menghancurkan kerjasama antara PAS dan UMNO yang terjalin hampir lima

tahun. Darurat yang dikuatkuasakan selama 96 hari di negeri itu, nyata sekali meninggalkan kesan, iaitu melemahkan pengaruh parti itu. Buktinya bilamana diadakan pilihanraya pada 11 Mac 1978, PAS hanya menang dua dari 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan menamatkan pemerintahan parti itu selama 17 tahun di Kelantan. Tetapi, jurang perpecahan Melayu kian melebar, terutamanya dari perspektif politik dengan lahirnya parti Barisan Jemaah Islam Malaysia (BERJASA) yang diasaskan oleh Datuk Mohamad Nasir.

Selepas keluar dari Barisan Nasional, kedudukan PAS dalam arus utama politik kebangsaan agak tersisih, khususnya bila ada usaha pihak lawan untuk terus memencilkannya. Dalam waktu yang sama, unsur-unsur *radikalisme* semakin ketara resapannya, apalagi sesudah terjadinya revolusi Islam di Iran pada tahun 1979. Satu lagi fenomena yang boleh dilihat ialah jurang generasi yang semakin jelas dan Datuk Asri gagal mewujudkan arus dominan yang diinginkan nya dalam parti pimpinannya itu.

Pada awal dasawarsa 80-an, usaha-usaha untuk menggulingkan kepimpinan 'moderat' dalam parti ini sudah tidak dapat dibendung lagi. Akhirnya, menjelang Muktamar Agung parti pada tahun 1982, Datuk Asri bersama beberapa orang pemimpin yang seangkatan dengannya terpaksa meletakkan jawatan. Maka bermulalah era kepimpinan ulama dengan pendekatan yang dianggap lebih radikal. Sikap tersebut ternyata sekali merugikan parti ini, terutama jika dinilai dari sudut prestasi dalam pilihanraya kebangsaan pada tahun 1982 dan 1986.

Tetapi selepas itu, dengan sikapnya yang lebih terbuka dan pendekatannya yang mengambil kira realiti masyarakat majmuk di negara ini, memberi harapan baru kepada

⁴ *Utusan Melayu*, 19 Ogos 1977.

parti ini.. Kita optimis mengatakan bahawa tidak mustahil untuk parti ini mendapat simpati dan sokongan dari lebih ramai anggota sosial di Malaysia, selari dengan kenyataan berhubung kesedaran baru orang-orang Melayu (Islam), yang lebih perihatin untuk meletakkan Islam sebagai landasan bagi memenuhi kehendak rohani dan jasmani.

Pilihanraya tahun 1955 merupakan ujian politik pertama yang dihadapi oleh parti ini. Komitmennya dalam pilihanraya itu boleh dikatakan manifestasi dari rasa tanggungjawabnya untuk mengambil bahagian dalam proses membebaskan Tanah Melayu dari belenggu penjajahan. Bagaimanapun, kejayaan PAS yang hanya memenangi satu kerusi dalam 11 kawasan yang ditandinginya, menggambarkan betapa pentingnya jentera parti diperbaiki bagi keberkesanan perjuangannya di masa hadapan. Pertukaran kepimpinan adalah antara faktor yang mempercepatkan proses reformasi di dalam parti ini.

Muktamar parti ini yang kelima pada 23 Disember 1956, telah memilih seorang tokoh yang berkarisma, iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai pemimpinnya. Beliau berusaha menggerakkan parti ini ke arah yang lebih dinamis dengan dibantu oleh beberapa orang sahabat seperjuangannya seperti Professor Zulkifli Mohammad, Mohammad Asri bin Haji Muda, Abu Bakar Hamzah, Amaluddin Darus, Othman Haji Abdullah dan Khadijah Sidek.

Antara langkah yang dilaksanakan termasuklah meningkatkan usaha-usaha memperkenalkan parti kepada masyarakat, terutama dalam suasana parti ini tidak dapat lari dari dibayangi oleh perjuangan tokoh-tokoh dan kumpulan-kumpulan yang dianggap kiri oleh penjajah Inggeris. Dalam hal ini, institusi pendidikan bertambah ketara sebagai pusat kegiatan dan perkembangan parti. Ratusan sekolah pondok dan

madrasah, khususnya di Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu dan Perak menjadi medan untuk menyalur dan mengembangkan pengaruh parti ini.

"Hal ini sangat menarik guru-guru agama kerana PAS dipimpin oleh mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan cita-cita untuk mendirikan hukum-hukum Islam yang selama ini banyak tidak menyenangkan guru-guru agama dan pelajar-pelajarnya."⁵

Di Kelantan misalnya, minat masyarakat terhadap Islam semakin ketara antaranya kesan dari sistem pendidikan Islam yang sebatی dengan citarasa masyarakat. Ulama-ulama yang berperanan besar untuk menyuburkan pengaruh PAS adalah golongan yang '*dipercayai*' oleh masyarakat, dan pandangan serta pendapat mereka, dengan senang sahaja diterima oleh masyarakat Kelantan.⁶

PAS juga ketika ini mengambil pendekatan yang lebih khusus, iaitu membela kepentingan bangsa Melayu. Ini boleh dilihat dari tiga (3) tuntutan yang diutarakan oleh Dr. Burhanuddin. Pertama kewarganegaraan yang lebih ketat bagi bukan Melayu, di mana mereka perlu bermastautin selama 15 tahun sebagai langkah pertama ke arah '*naturalisas*'. Kedua, ayat yang menyebut '*Malaya adalah milik orang Melayu*' perlu ada dalam perlumbagaan. Ketiga, polisi imigrasi pekerja Cina dan India perlu diberhentikan kerana ia cuba membantu memperkuuhkan kepentingan British⁷.

PAS turut mendesak agar Islam dijadikan agama rasmi negara dan keengganan Suruhanjaya Lord Reid yang menggubal Perlumbagaan Persekutuan Tanah Melayu merdeka, amat mengecewakan parti ini. Memahami isu itu adalah besar dan

⁵ Ahmad Kamar, *Islam Tercabar*, Kuala Lumpur : Penerbitan Ilmu, 1979, hal. 78

⁶ Abdul Rasyid Hj. Ahmad, *Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Kelantan*, Latihan Ilmiah . Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1966, hal. 39

⁷ G. P. Means, op. cit., 1970, hal. 228.

kemungkinan akan dieksplotasi oleh PAS untuk mendapat sokongan daripada orang-orang Melayu, maka UMNO telah menasihati Majlis Raja-raja supaya bersetuju menjadikan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan sebagaimana yang dilihat dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Malaysia.

Parti ini juga memberi pandangan mengenai erti dan pengisian kemerdekaan negara yang diisyiharkan pada 31 Ogos 1957. Menurut Dr. Burhanuddin;

"Kemerdekaan ini hanya memulakan tingkat baru dalam perjuangan politik kaum Melayu, dan PAS telah membuktikan diri untuk melanjutkan perjuangan tersebut bagi mencapai 'cita-cita Islam' dan menegakkan lagi Malaya sebagai negeri Melayu. PAS juga menegaskan bahawa Islam dan politik adalah tidak dipisahkan sama sekali dalam kehidupan".⁸

Di samping itu, PAS yang mendukung faham kesempurnaan Islam sebagai 'Din' dan 'Dawlah' turut mengemukakan komitmennya bagi melaksanakan hukum Allah. Ini diungkapkan oleh Dr. Burhanuddin dalam perutusannya sebagai Presiden PAS sempena genapnya setahun kemerdekaan Tanah Melayu;

"Perjuangan kita jauh lagi dibandingkan dengan semua ideologi perjuangan yang ada di tanah air kita hari ini, perjuangan kita dari pangkal hingga ke hujungnya adalah berdasarkan perjuangan dan jihad hendak menegakkan hukum Allah supaya berjalan, dihormati dibumi pusaka kita ini dan mencapai keredhaan Allah. Kita percaya dan berpegang bahawa perjuangan kita menuju cita-cita akhir menegakkan hukum Allah dan keredhaanNya itu adalah wajib, maka segala yang menyampaikan kita kepada wajib juga kita lalui dan kita perjuangkan dengan nama jihad 'Fi Sabili'Llah', kerana itu sepanjang-pantjang perjuangan kita mestilah berpedoman dan menjunjung perintah Allah".⁹

⁸ K. J. Ratnam, *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, Kuala Lumpur : University of Malaya Press, 1969, hal. 193-194

⁹ *Suara Islam*, September 1958 , hal. 13

Pilihanraya kebangsaan tahun 1959, merupakan ujian politik kedua parti ini. PAS yang banyak menonjolkan isu hak bumiputera, telah mengejutkan arena politik kebangsaan dengan menawan negeri Kelantan dan Terengganu. 28 dari 30 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan berhasil dimenangi oleh parti ini, sementara dari 23 kerusi, PAS menang 13 di Terengganu. PAS juga memenangi satu kerusi di Perak dan Kedah dan dari 58 kerusi Dewan Rakyat, parti ini memenangi 13 kerusi.

Kejayaan PAS pada waktu itu ada kaitan dengan pola sokongan pengundi yang berubah jika dibandingkan dengan pilihanraya 1955. Terdapat semacam '*polarity*' dalam pola pengundian Melayu-Cina pada pilihanraya 1959 ini. Parti-parti yang menentang Perikatan seperti PAS dan Parti Negara pimpinan Dato' Onn Jaafar, cuba mencari tapak baru di negeri-negeri Pantai Timur, khususnya di Kelantan dan Terengganu. Bagaimanapun, Parti Negara yang berpindah dari Johor ke Pantai Timur, khususnya Terengganu tidak mendapat sambutan. Di Terengganu, Parti Negara hanya memperolehi 11.9 peratus dari keseluruhan undi berbanding dengan Perikatan 37.4 peratus dan PAS 47.6 peratus.¹⁰ Secara umumnya dapat dikatakan bahawa 'undi protes' Melayu terhadap proses 'tawar-menawar' (*the bargain*) UMNO dengan parti-parti bukan Melayu dalam Perikatan telah dipinggirkan.

Disamping menggunakan agama sebagai '*platform*' perjuangan, PAS tidak ketinggalan membangkitkan sentimen bangsa Melayu dengan mengetengahkan beberapa isu pokok seperti isu Bahasa, Dasar Pelajaran Kebangsaan, isu kerakyatan yang masih longgar, kemiskinan, kemunduran Melayu, terutama yang berkaitan dengan '*survival*' bangsa.

Tentang isu agama yang boleh dilihat membantu kejayaan PAS dalam pilihanraya 1959 ini, iaitu berkait rapat dengan hakikat Islam sebagai agama sempurna yang dapat menyelesaikan masalah ummah dan mengangkat martabat bangsa. Alternatif yang diberikan oleh Islam seperti yang diterangkan oleh parti itu, dilihat oleh pengundi sebagai jalan keluar terutamanya untuk mengatasi kemelut politik semasa. Isu yang dibangkitkan misalnya, bagaimana orang Melayu telah 'dianak-tirikan' oleh Perikatan yang telah 'menggadai' maruah bangsa kepada orang bukan Melayu.

Isu-isu yang dibangkitkan memang diterima baik oleh para penyokong terutamanya di Pantai Timur. Apa yang menarik, selain sambutan hangat dari kalangan elit agama di sekolah agama dan pondok-pondok, PAS juga mendapat sambutan dari guru-guru sekolah Melayu, terutama dari Persatuan Guru-guru Sekolah Melayu Semenanjung yang beribu pejabat di Kota Bharu.¹¹ Tidak ketinggalan penyokong-penyokong parti ini adalah golongan petani, nasionalis Melayu yang radikal dan kumpulan intelek. R. S. Milne dan D. K. Mauzy membuat kesimpulan bahawa,

"In specific terms the party was staunchly Malay nationalist while in more symbolic and ideological terms the party combined Islamic modernist traditions with element of socialism. Islam served as the unifying force of the party".¹²

Sementara itu, dalam menyimpulkan pandangan mengenai kemenangan PAS di Kelantan ketika itu, Clive S. Kessler menyatakan bahawa parti itu telah menggambarkan penghidupan Islam dan nasionalis Melayu, dengan cara mengembangkan ideologi parti melalui elit-elit di kampung yang merasa terancam dengan alat-alat politik baru yang

¹⁰ *New Straits Times Research and Information Services*, op. cit., hal. 37-39.

¹¹ G. P. Means, op. cit., 1970, hal. 143

¹² R. S. Milne dan D. K. Mauzy, *Politics and Government in Malaysia*, Singapore : Federal Publications, 1978.

dulunya berpusat pada UMNO dan secara terang-terangan menunjukkan kecurangan kepada masyarakat Kelantan ketika itu.¹³

PAS adalah diantara parti yang tidak terkecuali mengalami pasang surut perjuangan yang antara lain dapat dilihat dalam bentuk pergolakan. Misalnya, pada tahun 1962 dikatakan terdapat komplot untuk menjatuhkan kerajaan PAS di Terengganu. Kejadian itu boleh dianalisa sebagai peristiwa penting kerana hanya mulai 1959, kira-kira 3 tahun sebelum peristiwa itu berlaku, baru berdiri kerajaan negeri yang diperintah oleh parti yang menjadikan Islam sebagai dasarnya. Datuk Haji Mohd Asri Haji Muda menyifatkan peristiwa itu sebagai satu komplot yang telah dijalankan oleh UMNO.¹⁴ Menurut Amaluddin Darus,

"UMNO telah berusaha dengan keras untuk menjatuhkan kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu dan akhirnya UMNO telah berjaya di Terengganu"¹⁵

Dalam hubungan ini, pergolakan di dalam PAS Terengganu sendiri harus dilihat sebagai faktor gagalnya PAS untuk terus mentadbir negeri Terengganu. Antara puncanya iaitu perbezaan pendapat yang berkaitan dengan kepimpinan di peringkat negeri, yang akhirnya membawa kepada perpecahan. Keadaan menjadi bertambah rumit bila pemimpin PAS di Terengganu, iaitu Ustaz Ahmad Azam Napiah merasa dirinya dikebelakangkan oleh pemimpin PAS pusat yang cuba menyelesaikan krisis tersebut¹⁶. Sementara itu, parti ini mendapat tamparan hebat ketika Malaya

¹³ Clive S. Kessler, *Islam and Politics in a Malay State*, United States : Cornell University, 1978.

¹⁴ Mohd Asri Haji Muda, *Cubaan dan Cabaran*, Kuala Lumpur : Penerbitan PENA, 1978, hal. 4

¹⁵ Amaluddin Darus, *Lintasan Politik Malaysia*, Kuala Lumpur : Abad Enterprise, 1978, hal. 4

¹⁶ Alias Muhammad, *Kelantan : Politik dan Dilemma Pembangunan*, Kuala Lumpur : Utusan Melayu, 1978, hal. 83.

berkonfrantasi dengan Indonesia kerana Sukarno menentang gagasan pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Beberapa orang pemimpinnya, termasuk Yang Dipertuanya, Dr.Burhanuddin ditahan atas tuduhan terlibat dalam usaha-usaha menggulingkan kerajaan, menyokong Sukarno dan memainkan peranan dalam menubuhkan kerajaan buangan di Karachi, Pakistan.

Tidak dapat dinafikan bahawa penentangan PAS terhadap pembentukan Malaysia , terutama oleh kerajaan pimpinannya di Kelantan adalah berdasarkan alasan bahawa mereka tidak diajak bersama-sama berperanan. Pada 10 September 1963, kes tersebut dibawa ke Mahkamah Persekutuan dan PAS meminta mahkamah agar mengisytiharkan '*Malaysian Act*' tidak sah. Bagaimanapun, gagasan pembentukan Malaysia akhirnya menjadi kenyataan pada 16 September 1963, setelah hasil pungutan suara yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Cobbold mendapati majoriti penduduk di Sabah dan Sarawak ingin merdeka melalui Malaya. Penahanan Dr. Burhanuddin, kemalangan jalan raya yang meragut nyawa timbalannya, Prof. Zulkifli Mohammad pada 11 Mei 1963, dan melompatnya ke dalam UMNO salah seorang pengasas parti, iaitu Ustaz Othman Abdullah, adalah di antara yang memberi impak kepada kesinambungan perjuangan PAS. Datuk Asri Haji Muda¹⁷ yang mengantikan Dr.

¹⁷Datuk Muhammad Asri Hj. Muda dilahirkan di Kampung Masjid, Kota Bharu, Kelantan pada 10 Oktober 1923. Dalam usia 22 tahun , beliau bersama beberapa orang pemimpin di Kelantan menubuhkan persetujuan Persetiaan Melayu Kelantan dan kemudian menyertai Angkatan Pemuda Insaf (API) di samping pernah menentang Malayan Union di Perak pada tahun 1947. Cabarannya bermula ketika menyertai PAS pada tahun 1953 dan mengetuai parti ini selama 17 tahun sehingga meletakkan jawatan pada tahun 1983. Beliau pernah menjadi Menteri Besar Kelantan (1964-1972), Ketua Pembangkang di Parlimen (1972-1973). Setelah membawa PAS menyertai Barisan Nasional (1974-1977),beliau dilantik sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Galian serta tugas-tugas khas (1973-1977). Beliau keluar dari PAS pada tahun 1983 dan menubuhkan Hizbul Muslimin (1983). Beliau telah meletakkan jawatan secara individu untuk menyertai UMNO (1988) sehingga beliau pulang ke Rahmatullah pada hari Jumaat 28 Ogos 1992. Beliau diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah tahun 1991 dan telah dianugerahkan gelaran Tan Sri sempena hari keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. (*Dewan Budaya*, Oktober 1992, hal. 46-47). Beliau merupakan pemidato handal dan di sifatkan sebagai 'The finest Malay orator of his generation' (*Asia Week*, 18 November 1977).

Burhanuddin berusaha menghadapi tribulasi tersebut, dan membawa PAS menghadapi satu lagi ujian besar, iaitu pilihanraya kebangsaan tahun 1964.

Dalam pilihanraya itu, prestasi PAS merosot kerana hanya menang 9 dari 59 kerusi Dewan Rakyat yang ditandinginya, dan hanya memenangi 25 kerusi Dewan Undangan Negeri dari 158 yang ditandinginya. 21 kerusi Dewan Undangan Negeri dimenangi di Kelantan, 3 di Terengganu dan 1 di Perlis. PAS gagal untuk membentuk kerajaan di Terengganu, tetapi boleh membentuk kerajaan di Kelantan.

Ada beberapa penafsiran mengenai punca merosotnya prestasi PAS dalam pilihanraya 1964 itu. Antaranya apa yang boleh dilihat sebagai faktor luaran, tetapi menguntungkan pihak '*establishment*' (kerajaan yang memerintah). Faktor ini sebagai penggugat yang boleh mengalihkan pandangan pengundi kepada isu lain dan sekali gus kurang memberi perhatian kepada pemasalahan dalam negara. Dalam hal ini faktor tekanan dari luar itu adalah konfrontasi yang dilancarkan Indonesia¹⁸. Meningkatnya pengaruh Perikatan juga dikaitkan dengan keupayaan parti ini mengeksplorasi beberapa isu, termasuk mendedahkan kelemahan-kelemahan kerajaan PAS dan apa yang dianggap penyelewengan,

"...that PAS state government had mortgaged 375, 000 acres of land to a Chinese firm at minimal cost".¹⁹

Selain itu, pengundi juga bimbang bahawa kerajaan negeri tidak dapat berkerjasama dengan kerajaan persekutuan, sedangkan bantuan kewangan telah

¹⁸ Perlu difahami bahawa faktor luaran yang dipersepsikan sebagai gugatan hanya boleh berfungsi sebagai faktor penyatu sementara masyarakat. Banyak masalah dalam masyarakat yang melibatkan hubungan kaum telah diselesaikan dengan cara mudah iaitu 'menyorokkannya di bawah permaidani'. Masalah-masalah yang berkaitan dengan ekonomi, bahasa dan kebudayaan yang terkumpul secara kumulatif akhirnya meledak dalam bentuk rusuhan kaum 13 Mei 1969, sebaik sahaja keputusan pilihanraya kebangsaan diumumkan.

dijanjikan untuk negeri itu. Perlu dijelaskan bahawa sejak awal dasawarsa 60-an, arus politik di Malaysia ketara mengalir dengan deras ke arah polarisasi kaum. Usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan kaum selalu ditangani dengan langkah pencegahan yang kemudiannya terbukti bersifat sementara. Sikap tersebut ternyata mengundang masalah, kerana ini digunakan oleh kumpulan tertentu untuk membangkitkan isu-isu asas, terutamanya untuk dijadikan modal kempen pilihanraya kebangsaan pada 11-12 Mei 1969. Sebagai pembangkang, PAS tidak terkecuali menggunakan isu-isu yang sesuai untuk menambahkan pengaruhnya. Namun Perikatan juga tidak berdiam diri. Pada tahun 1968 misalnya, ada usaha-usaha untuk menggulingkan kerajaan PAS di Kelantan, yang terkenal dengan peristiwa '*Turn about tum*'. Ketika mengulas peristiwa itu, Datuk Asri menulis;²⁰

".... di mana perlanungan terhadap manusia politik dilakukan oleh pihak parti berkuasa, satu peristiwa yang menjadi ingatan kepada rakyat di seluruh negara. Kejadian itu tidak mudah dilupakan kerana beberapa orang ahli Dewan Undangan Negeri PAS diculik dan dibawa ke Kuala Lumpur, lalu dihadapkan di hadapan kaca televisyen dan radio supaya membuat pengakuan dengan bersumpah meninggalkan PAS dan menyokong pihak lawan. Bagaimanapun, berkat keimanan masing-masing mereka telah menyeberang pulang ke pengakuan PAS menjelang sidang Dewan Undangan Negeri di Kota Bharu pada 20 September 1968".

Antara modal PAS dalam kempen menjelang pilihanraya tahun 1969 ada kaitan dengan sentimen kebangsaan Melayu atas berbagai isu yang kebetulannya pihak Perikatan tidak begitu tegas dalam permainan politiknya²¹. Kesannya PAS menang 12 kerusi parlimen (dari 59 kawasan yang ditandinginya), dan 40 kerusi Dewan Undangan

¹⁹ R. S. Milne and D. K. Mauzy, op. cit., 1978, hal. 159

²⁰ Mohd Asri Haji Muda, op.cit., 1978, hal. 4-5

²¹ Ahmad Kamar, op.cit., 1979, hal. 76

Negen iaitu 19 di Kelantan (hilang 2 kerusi dari yang diperolehnya pada tahun 1964), 8 di Kedah, 1 di Perlis, 11 di Terengganu dan 1 di Perak.

Memang tidak dapat dinafikan , matlamat Penkatan, PAS mahupun parti-parti lain yang mengambil bahagian dalam pilihanraya adalah untuk memperolehi seberapa banyak kerusi Dewan. Tetapi dalam konteks negara ini, hakikat yang tidak harus dilupakan, bahawa undi kaum Melayu selalunya berpecah dan kerap merugikan Misiadinya, pertandingan antara PAS dan UMNO yang mewakili Penkatan dalam kawasan tertentu, nyata menyukarkan Penkatan untuk menang.²² Justifikasi dan langkah kedua parti tersebut dianggap mengecewakan kerana ia menyangkut 'survival bangsa' dan bercanggah dengan aspirasi umumiah.

" bagi PAS setiap kemenangan bagi UMNO adalah kemenangan yang tidak menguntungkan orang Melayu. Oleh yang demikian tumpuan mereka adalah untuk melihat calon UMNO kalah ia lebih senang melihat seorang calon bukan Melayu dari pembangkang menang dan mengalahkan calon Melayu dan UMNO".²³

Perlu diutarakan bahawa hubungan antara kaum sampai ke paras yang amat genting menjelang pilihanraya pada 10 Mei 1969 itu. Dalam sepanjang masa lima minggu kempen pilihanraya , jelas menunjukkan pemimpin Penkatan kurang memberi tumpuan terhadap perasaan kecawa dan prasangka terutama di kalangan orang-orang bukan Melayu. Masyarakat Melayu juga tidak kurang rasminya 'memberi' Penkatan,

²² Lihat jadual di mana calon-calon Penkatan kalah dalam pilihanraya 1969 akibat penyerahan PAS

Kawasan	Jumlah Undi				Majoriti
	PERIKATAN	GERAKAN	PPP	PAS	
Brunei	7,900	.	8,368	4,304	468
Larut Selatan	10,774	15,641	.	4,962	4,867

Sumber: R. K. Vassil, *The Malaysian General Election of 1969*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1972

²³ Subky Latif, *Politik Siapa Gantikan Aksi*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1978, hal. 31

dan akhirnya mengundi pembangkang. Tidak dinafikan parti-parti pembangkang dapat memperbaiki kedudukan mereka, tetapi rentetan perarakan-perarakan kemenangan, terutama yang dianjurkan DAP dan Gerakan, maka terjadilah pergaduhan kaum yang paling buruk dalam sejarah negara ini.²⁴

Peristiwa itu memang banyak hikmahnya yang tersembunyi (*blessing in disguise*). Paling tidak ia memberi ilham tentang perlunya disediakan formula baru yang boleh mengurangkan konflik politik dan sekali gus memberi ruang untuk penumpuan yang lebih besar terhadap usaha-usaha membangunkan negara. Penubuhan kerajaan campuran di beberapa buah negeri adalah diantara langkah susulan yang dilaksanakan. Beberapa buah parti politik yang sebelum ini seringkali berkonfrontasi sekarang telah menjadi teman seperjuangan dan pada lahirnya *trend* perkauman mulai dipertahankan.²⁵

Sementara itu, walaupun timbul reaksi dari beberapa pemimpin utama PAS berhubung kenyataan mengenai kerajaan campuran, tetapi Datuk Asri Haji Muda sebagai Yang Dipertua parti tidak menunjukkan sebarang reaksi, meskipun Tun Abdul Razak membuat jemputan terbuka dalam ucapan dasamya di Perhimpunan Agong UMNO ke 23 pada 24 Jun 1972, dengan membayangkan sikap UMNO sedia bekerjasama dengan PAS untuk kepentingan negara.

Menurut pengakuan Datuk Asri, beliau mula yakin dengan kesungguhan UMNO untuk bekerjasama bila Tan Sri Hamzah (bekas Menteri Undang-undang) menemui

²⁴ Lihat Tunku Abdul Rahman, *May 13 Before and After*, Kuala Lumpur : Utusan Melayu Press, 1969; Goh Cheng Teik, *The May 13th Incident and Democracy in Malaysia*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971; Democratic Action Party, *Who Lives If Malaysia Dies*, Selangor : Petaling Jaya, 1969; Mat Salleh (pseud. Leon Comber), *Malays and Chinese Brothers?*, Eastern : London, 1962.

²⁵ Mohammad Abu Bakar, 'Kebangkitan Islam dan Proses Politik di Malaysia.' Kertaskerja, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Kuala Lumpur , 8-9 September 1979, hal. 9.

beliau semasa membawa perutusan Tun Razak.²⁶ Ini diikuti dengan pertemuan pertama antara Datuk Asri dan Tun Razak di bangunan Parlimen. Tun Razak kemudian melawat Kelantan dan bertanya masalah besar yang dihadapi oleh pentadbiran PAS di Kelantan. Ketika itu masalah besar ialah hutang kerajaan Kelantan kepada bank kerana pembinaan jambatan di Kota Bharu. Kerajaan Persekutuan akhirnya menyelesaikan masalah tersebut.

Datuk Asri juga mengakui bahawa Datuk Abdul Samad Idris, Sulaiman Alias dan Datuk Harun Idris turut menemuinya untuk kerjasama antara PAS dengan UMNO. Kesungguhan beberapa kalangan di dalam UMNO nampaknya tidak dikecewakan bilamana Datuk Asri dalam ucapan dasarnya di Kongres (Muktamar) PAS pada bulan Julai 1972 membayangkan komitmennya dengan menegaskan '*kerajaan campuran*' yang hendak dibentuk mesti meliputi semua peringkat hingga kerajaan pusat dan sebarang perkembangan melibatkan penubuhan kerajaan campuran mesti diluluskan oleh kongres khas parti.

Dalam kongres yang sama, para perwakilan memberi mandat kepada Jawatankuasa Kerja Agong untuk menjalankan perundingan bagi menubuhkan kerajaan campuran. Suatu pengundian berhubung perkara ini dibuat dengan 114 perwakilan bersetuju, 50 menentang dan 50 berkecuali.²⁷ Menurut Datuk Asri, mesyuarat bagi kerjasama antara UMNO dan PAS, dipengerusikan oleh Encik Ghaffar Baba, yang mencadangkan dacing sebagai lambang parti, sementara nama 'Barisan Nasional' dicadangkan oleh beliau sendiri. Menurutnya, nama baru ini penting kerana ini bererti

²⁶ Pertemuan perulis dengan Datuk Asri di IBKKM, UKM (sekarang dikenali sebagai ATMA) pada 25 September 1991.

²⁷ *New Straits Times*, 29-30 Julai 1972.

PAS bukan masuk Perikatan, tetapi penyertaannya dalam parti baru. Ertinya 'PAS masuk rumah baru walaupun ia rumah lama yang dicat'.²⁸ Perkara kemasukan PAS dalam kerajaan campuran kemudian telah dibawa ke dalam satu Muktamar Khas, pada bulan Disember 1972 untuk dibincangkan dan meminta persetujuan ramai. Sidang khas itu telah membahaskan dengan panjang lebar dan akhirnya perwakilan telah memberi persetujuan kepada penubuhan kerajaan campuran PAS dan Perikatan. Seramai 190 orang perwakilan menyokong, 94 menentang dan 94 berkecuali.

Pada 21 Disember 1972, Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa kerajaan campuran Perikatan dan PAS akan mula berjalan dengan rasminya pada 1 Januari 1973.²⁹ Pada 28 Disember 1972, suatu kenyataan bersama (*Joint Communique*) dibuat bagi mengisyiharkan dengan rasmi pembentukan kerajaan campuran, di antara Datuk Asri dengan Tun Abdul Razak. Di antara butir-butir perjanjian yang telah dicapai ialah sebuah kementerian, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas akan diperuntukkan kepada PAS. Menteri tersebut juga akan dilantik menjadi Timbalan Pengurus Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Jawatan-jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Politik, Setiausaha Parlimen dan sebagainya akan diperundingkan untuk mendapat persetujuan dari Perdana Menteri. Perdana Menteri juga akan menimbangkan calon-calon yang ditunjukkan oleh PAS bagi menjadi Anggota Dewan Negara apabila ada kekosongan dan juga akan menimbang mana-mana ahli PAS yang difikirkan sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan yang telah dan akan

²⁸ Pengakuan Datuk Asri dalam seminar mengenang ketokohan beliau anjuran IBKKM di bilik Canselor UKM , akhir September 1991 dengan para pembicara, Dr. Firdaus Abdullah, Kamaluddin Mohammad, Sayyid Othman Kelantan, A.Samad Ismail dan Wan Zahidi Wan Teh. Penulis mengikuti seminar ini.

²⁹ *New Straits Times*, 23 Disember 1972.

ditubuhkan oleh kerajaan. Dua orang ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan daripada Parti Perikatan dan dua orang ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dan Terengganu akan dilantik menjadi ahli EXCO negeri. Berhubung dengan jawatan menteri, Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Asri telah dilantik sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas. Sehingga tahun 1977, PAS mendapat 2 jawatan menteri, 2 jawatan timbalan menteri dan 2 jawatan setiausaha parlimen.

Kerajaan campuran PAS dan Perikatan ialah sebuah kerajaan yang dibentuk bersama dengan tidak terdapat paksaan, di atas suatu persamaan cara yang tertentu, bagi suatu jangka masa yang tertentu, dalam mana masing-masing parti tetap diakui memiliki kedaulatan dan keperibadiannya sebagai sebuah parti politik yang bebas serta bersendirian.³⁰

Dalam membuat penjelasan terhadap beberapa pertanyaan tentang kerajaan campuran pada 20 Disember 1972, Setiausaha Agung PAS ketika itu, Ustaz Haji Abu Bakar Hamzah telah membuat penghuraian bahawa penubuhan kerajaan campuran menurut hukum syarak adalah 'harus'³¹ Penubuhan kerajaan campuran Perikatan dan PAS telah menimbulkan pertentangan terbuka antara golongan yang menentang dan menyokong.³² Manifestasi penentangan terhadap permuafakatan Perikatan dan PAS, dapat dilihat dengan adanya undi-undi menentang yang agak besar dalam kongres dan Muktamar Khas yang telah diadakan menjelang pembentukan kerajaan campuran, Subky Latif berpendapat;

³⁰ Alias Muhammad, op. cit., 1975, hal. 90.

³¹ Ibid.

³² Mohd Asri Haji Muda, op. cit., 1978, hal. 4

"... dengan adanya percantuman itu nanti, maka PAS terpaksa menelan sama segala kelemahan dan kesilapan Perikatan selama ini. PAS selama ini telah mengecam segala kepincangan itu, dan bagaimana pula ia terpaksa menelannya sekarang. Lebih dari itu ia terpaksa pula menerima sama segala beban itu untuk sama-sama dipikul".³³

Ramai penyokong PAS yang kurang senang dengan permuafakatan kedua parti dan antara alasannya seperti yang diulas oleh Bachtiar Djamily ialah;

"Beberapa pihak pula berpendapat, pengalaman PAS sebagai pihak oposisi selama 16 tahun, membuat PAS lebih matang berpolitik, apakah keuntungan boleh dicapai oleh PAS, kalau dia duduk dalam kerajaan?".³⁴

Penentangan yang agak keras dan terbuka atas kemasukan PAS dalam kerajaan campuran dan seterusnya Barisan Nasional dapat dilihat apabila dilaporkan tumbuhnya Angkatan Revolusi 14 Mac di Kelantan yang dikhabarkan hendak menggulingkan Datuk Mohd Asri. Kemudian Senator Amaluddin Darus telah keluar dari PAS atas alasan PAS sudah menyimpang dari perjuangan asalnya yang berteraskan kelslaman. Penubuhan Barisan Bebas Bersatu menjelang pilihanraya 1974 di Kelantan juga merupakan manifestasi sikap penentangan konsep kerajaan campuran dan Barisan Nasional. Bagi UMNO terdapat juga tentangan terhadap permuafakatannya dengan PAS khususnya di negeri Kelantan tetapi tentangan tidaklah begitu besar.

Lazimnya dalam sebuah negara demokrasi, kerajaan campuran diwujudkan apabila keputusan pilihanraya menunjukkan tidak ada parti memperolehi kemenangan yang jelas untuk membentuk kerajaan. Tetapi, ternyata ketika ini Perikatan mempunyai

³³ Subky Latif, op. cit., 1978, hal. 4

³⁴ Bachtiar Djamily, *Kenapa PAS Boleh Menjadi PAS*, Kuala Lumpur : Cerma Raffleswoty, 1976, hal. 68

majoriti yang besar dan boleh membuat keputusan dan juga mentadbir negara. Mengikut Alias Muhammad;

"...kerajaan campuran PAS-Perikatan bukanlah untuk maksud-maksud mencipta majoriti dalam legislatur, keanggotaan Perikatan dalam legislatur hari ini adalah lebih dari dua pertiga, sekalipun tanpa PAS dalam campuran yang disarankan itu".³⁵

Suasana baru akibat permuafakatan politik itu telah menampakkan pergolakan politik berkurangan, tentangan dari parti lawan sudah tidak begitu ketara, sebarang dasar yang hendak dibentangkan sudah tidak banyak lagi tentangan. Walaupun kerajaan campuran sudah terbentuk di antara Gerakan, PPP dan Perikatan, tetapi penyertaan PAS adalah lebih penting dan lebih bererti. Parti-parti lain yang menyertai permuafakatan dengan Perikatan tidak mempertikaikan sangat nama Perikatan, tetapi bila PAS menyertai kerajaan campuran itu disebut kerajaan campuran Perikatan-PAS dan selagi Barisan Nasional atau apa nama juga dicipta, maka nama PAS akan terus terukir bila kerajaan campuran itu disebut-sebut.³⁶

Signifikan daripada kerajaan permuafakatan PAS dan Perikatan ialah wujudnya perpaduan di kalangan orang-orang Melayu yang sebelum ini mengalami hubungan yang kritis akibat perbezaan politik. Terdapat penafsiran yang menyatakan bahawa ikatan yang terjalin antara UMNO dan PAS adalah satu titik bersejarah dalam perkembangan nasionalisme Melayu, kerana dapat memperkuatkan perjuangan orang-orang Melayu dan semangat nasionalisme Melayu dapat digembelingkan. Kecondongan baru ini merupakan titik-titik pertemuan yang boleh menjaminkan *survival* orang-orang Melayu di tanah air mereka sendiri.

³⁵ Alias Muhammad, op. cit., 1975, hal. 95

³⁶ Subky Latif, op.cit., 1978, hal. 1

Sementara itu, pengkaji-pengkaji politik juga berpendapat bahawa motif Perikatan dan UMNO khasnya, yang berusaha membawa PAS masuk dalam gabungan politik ini berkait rapat dengan kemerosotan pengaruhnya dalam pilihanraya tahun 1969. Kedudukan Perikatan agak tergugat dan sokongan orang Melayu kepada Perikatan menurun. UMNO melihat perkembangan pengaruh PAS sebagai suatu tenaga politik yang penting dan kuat, serta dapat menggugat kedudukan politik UMNO.³⁷

Selepas peristiwa 13 Mei 1969, PAS dan UMNO mempunyai pendapat yang sama dalam beberapa hal. Menurut R. S. Milne dan D.K. Mauzy;

"However there was a change in PAS attitude towards the Federal Government in the post May 13th period. The PAS Kelantan Government appeared willing to be cooperative and PAS was favourable to the NOC rule, supported the Constitution (Amendment) Act 1971, and generally avoided political confrontation".³⁸

Dari persamaan pendapat inilah seterusnya membawa kepada kejayaan konsep kerajaan campuran dan Barisan Nasional yang didaftarkan pada 1 Jun 1974, kira-kira 80 hari menjelang pilihanraya.³⁹ Semasa mengumumkan pembentukan kerajaan campuran Perikatan - PAS pada 22 Disember, Tun Abdul Razak menganggap detik sejarah itu merupakan detik penting ke arah Barisan Nasional. Dr. Mahathir Mohamad dalam satu

³⁷ R. S. Milne and D. K. Mauzy, op.cit., 1978, hal. 187

³⁸ Ibid, hal. 185

³⁹ Anggota-anggota Barisan Nasional pada waktu pilihanraya 1974 adalah seperti berikut:

- i) Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)
- ii) Persatuan Cina Se Malaysia(MCA)
- iii) Kongres India Se Malaysia (MIC)
- iv) Parti Pesaka Bumiputra Bersatu
- v) Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP)
- vi) Gerakan Rakyat Malaysia
- vii) Parti Kemajuan Rakyat (PPP)
- viii) Parti Islam Se Malaysia (PAS)
- ix) Perikatan Sabah (mengandungi USNO dan SCA)

ceramah politik bertajuk '*Parti-parti Politik di Malaysia dan Program Perjuangan*', yang diadakan dibangunan UMNO pada 31 Disember 1972, telah merestui pembentukan ke arah '*national front*' dan pada pendapatnya, UMNO dapat memimpin parti-parti yang menyertai kerajaan campuran ke arah '*national front*'.⁴⁰

Dengan wujudnya kerjasama itu, semangat permuafakatan yang tinggi di antara PAS dan UMNO dapat memperkuuhkan lagi *bargaining power* politik orang-orang Melayu. Dalam bulan Mei 1974, Tun Abdul Razak pernah menegaskan bahawa kerjasama orang-orang Melayu dalam kerajaan campuran dapat menjadi teras kepada pembentukan bangsa yang kuat dan bersatu padu⁴¹ dan beliau pernah juga membayangkan yang sebuah kerajaan Melayu boleh dibentuk. Ini kerana 70 peratus daripada calon-calon dalam pilihanraya 1974 ialah dari UMNO dan PAS⁴². Dalam satu rapat umum Barisan Nasional pada 10 Ogos 1974 di Petaling Jaya, Tun Abdul Razak sekali lagi membayangkan yang UMNO dan PAS dengan mudah boleh membentuk sebuah kerajaan Melayu sama ada orang Cina dan India menyokong ataupun tidak menyokong Barisan Nasional.⁴³ Dari kenyataan-kenyataan ini ternyata penyatuan dan kerjasama politik UMNO dan PAS dapat memperkuuhkan kedudukan politik orang Melayu. Dalam pilihanraya 1974, dua pertiga kerusi yang diperuntukkan kepada UMNO dan PAS adalah diputuskan secara perundingan keluarga, iaitu antara UMNO dan PAS dan bukanlah diputuskan oleh Jawatankuasa Barisan Nasional.

⁴⁰ Hasrom Haron, 'Barisan Nasional : Selayang Pandang Tentang Konsep dan Perkembangannya'. *JEBAT*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hal. 94

⁴¹ *Utusan Melayu*, 10 Mei 1974

⁴² *Utusan Malaysia*, 8 Ogos 1974

⁴³ *Sunday Times*, 11 Ogos 1974

Datuk Haji Mohd Asri, Yang Dipertua Agong PAS dalam ucapannya di kongres 20 PAS, pada bulan Jun 1974 menyatakan;

"Yang sebenarnya Barisan Nasional dari segi semangat telah wujud semenjak wujudnya kerajaan campuran dulu lagi, walaupun secara *legal* Barisan Nasional sebagai organisasi konfederasi baru saja didaftarkan".⁴⁴

Dalam kongres yang sama, perkara kemasukan PAS dalam Barisan Nasional telah dibincangkan dan akhirnya 275 perwakilan mengundi menyokong dan 19 menentang dan dengan ini PAS telah mendapat mandat dari perwakilan untuk menyertai Barisan Nasional.⁴⁵

Berhubung dengan pilihanraya umum 1974, Tun Abdul Razak telah membuat satu kenyataan pada 28 Julai bahawa pembahagian kerusi di antara parti komponen telah siap dan Barisan Nasional bersedia untuk menghadapi pilihanraya itu.⁴⁶ Beberapa hari selepas kenyataan Tun Abdul Razak, Parlimen telah dibubarkan dan pada 24 Ogos 1974 diisyiharkan sebagai tarikh mengundi bagi merebut 154 kawasan Parlimen, iaitu pertambahan 10 kerusi, berbanding dengan 144 kawasan pada tahun 1969. Pilihanraya untuk Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dijalankan serentak kecuali pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah. Hari penamaan calon ialah pada 8 Ogos 1974.

Pada hari penamaan calon tersebut, 47 calon Barisan Nasional menang tanpa bertanding untuk kerusi Dewan Rakyat dan 43 orang menang tanpa bertanding untuk

⁴⁴ Lotfi Ismail, 'Membina Tapak Politik Lebih Besar'. *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur : DBP, 15 Ogos 1974, hal. 10.

⁴⁵ *Utusan Melayu*, 14 Jun 1974.

⁴⁶ Ibid. 29 Julai 1978.

kerusi Dewan Undangan Negeri. Peruntukan kerusi bagi Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia ialah 360 kerusi. Antara calon Barisan Nasional yang menang tanpa bertanding ialah 4 orang calon PAS bagi kerusi Dewan Undangan Negeri dan 3 untuk Dewan Rakyat. Dengan lahirnya Barisan Nasional maka pilihanraya 1974 merupakan pilihanraya yang bersejarah dan suasana pilihanraya berjalan dengan lancar dan tenteram. Tidak terdapat lagi ugutan dan tangkapan oleh pihak berkuasa sebagaimana yang berlaku pada beberapa pilihanraya sebelumnya.⁴⁷.

Satu perkembangan penting terhadap PAS dalam pilihanraya 1974 ialah penyertaan calon-calon Barisan Bebas Bersatu di Kelantan menentang Barisan Nasional dan PAS khasnya. Barisan Bebas Bersatu dipelopori oleh Mohamad Fakaruddin Abdullah, bekas tokoh PAS, bersama-sama beberapa orang tokoh muda yang berpendidikan tinggi. Barisan Bebas Bersatu ataupun juga dikenali sebagai Angkatan 48, dikatakan lahir untuk memenuhi aspirasi satu golongan anak negeri Kelantan yang mempunyai semangat untuk mengubah tradisi kepimpinan di Kelantan. Mengikut mereka kebanyakannya pemimpin atau tokoh yang diketengahkan oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya 1974 di Kelantan adalah tidak berkaliber dan berkemampuan dan jika dilantik tidak akan dapat menjalankan tugas dengan baik untuk negeri dan rakyat.

Oleh itu, beberapa isu penting yang digunakan oleh Barisan Bebas Bersatu tidak dapat meyakinkan orang ramai, maka akhirnya ia gagal untuk memenangi sebarang kerusi baik bagi Dewan Undangan Negeri maupun Dewan Rakyat. Seperti yang diduga, Barisan Bebas Bersatu tidak akan mencapai kejayaan dan ini kerana

⁴⁷ Mohd Asri Hj. Muda, op.cit. hal. 4

permufakatan PAS dan UMNO terlalu kuat dan mengikut Haji Dasuki Haji Ahmad,

"... angkatan ini tidak mungkin menang, kerana pergabungan PAS dan UMNO terlalu kuat dan dakapannya Tun dengan Datuk Asri pula terlalu erat, seekor semut pun tidak dapat menembusi dicelah-celah pelukan kedua-dua pemimpin itu".⁴⁸

Keputusan pilihanraya 1974 pada keseluruhannya telah memberikan kemenangan besar (*a landslide victory*) kepada Barisan Nasional. PAS menang semua 14 kerusi Dewan Rakyat yang diperuntukkan kepadanya dan 50 dari 51 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya.⁴⁹ Pada 8 September 1974, Tun Abdul Razak telah mengumumkan kabinet baru Barisan Nasional. Di antara tokoh PAS yang menyertai kabinet ialah Datuk Haji Mohd Asri Haji Muda yang dilantik menjadi Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas, Haji Hassan Adli menjadi Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan Haji Abu Bakar Umar menjadi Timbalan Menteri Kesihatan. Beberapa orang tokoh PAS di antaranya Ustaz Wahab Yunus, Zahari Awang dan Mustapha Ali juga dilantik menjadi Setiausaha Parliment untuk beberapa kementerian.

⁴⁸ Dasuki Haji Ahmad, 'Angkatan 46 Menggugat Barisan Nasional'. *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur: DBP, 1974, hal. 16.

⁴⁹ Keputusan Pilihanraya 1974 - Kedudukan Kerusi

PARTI	PARLIMEN			NEGERI		
	Calon	Menang	Kalah	Calon	Menang	Kalah
Barisan Nasional	154	135	19	360	318	47
Parti Tindakan Demokrat (DAP)	46	9	37	119	23	96
Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS)	36	1	35	89	1	88
Parti Nasional Sarawak (SNAP)	24	9	15	48	18	30
Kaum Insaf Tanahair (KITAB)	4	-	4	11	-	11
Parti Progresif Rakyat Bebas (IPPP)	1	-	1	5	-	5
Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM)	22	-	22	108	-	108
Bebas	41	-	41	177	5	172
Bisomah	-	-	-	4	-	4

Sumber: *Dewan Masyarakat*, September 1974.

Selain daripada peringkat pusat, PAS juga diberikan peluang bersama-sama menjalankan pentadbiran negeri. Di samping PAS mempunyai ramai excoya di Kelantan, Kedah dan Terengganu, PAS juga mendapat satu kerusi Exco di Perak. Dalam pilihanraya 1974, PAS telah diberikan kawasan-kawasan tambahan di antaranya di Negeri Sembilan dan Pahang, yang sukar ditembusi oleh parti ini pada waktu sebelumnya. Wakil-wakil PAS juga dipilih untuk menyertai rombongan-rombongan rasmi ke luar negeri dan juga jawatan-jawatan perkhidmatan diluar negeri. Haji Yusof Rawa seorang tokoh terkenal PAS telah dilantik menjadi Duta Besar Kerajaan Malaysia di Iran. Terdapat juga wakil-wakil PAS yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah ataupun menyertai Lembaga Penasihat kepada agensi-agensi dan badan-badan berkanun yang telah ditubuhkan oleh kerajaan.

Sementara itu, komitmen dan peranan PAS di dalam Barisan turut dipersoalkan. Antara yang dibangkitkan ialah keupayaannya untuk melaksanakan aspirasi Islam dan kesinambungan perjuangannya untuk kepentingan bangsa Melayu. Misalnya, dalam Simposium Kepimpinan Melayu anjuran bersama Jabatan Pengajian Melayu dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya pada 8-15 Disember 1976, pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Mahathir Mohd Khir mempersoalkan arah perjuangan PAS;

"Dulu PAS bertugas mengawasi arus politik UMNO. Tetapi dengan wujudnya Barisan Nasional, arus PAS dan arus UMNO bersatu ibarat kiambang yang bertaut setelah biduk lalu. Dan sekarang kita bertanya, setelah arus (PAS dan UMNO) itu tercantum ke manakah ia hendak mengalir"⁵⁰

⁵⁰ Firdaus Abdullah, *Analisa Simposium Kepimpinan Melayu : Dari Mana Ke Mana*, Kuala Lumpur : Pustaka Zakry Abadi, 1977, hal. 15.

Encik Mustapha Ali, Ketua Dewan Pemuda PAS dalam majlis yang sama telah cuba mengemukakan rasional dan kepentingan penyertaan PAS dalam Barisan Nasional. Beliau menegas dan mengingatkan bahawa kedudukan anggota-anggota Dewan Rakyat berbangsa Melayu ketika itu masih tidak sampai dua pertiga, setelah dicampurkan anggota-anggota dari PAS dan juga bumiputera Sabah dan Sarawak. Dengan ini orang-orang Melayu sudah tidak mempunyai kuasa lagi untuk meminda perlembagaan negara jika timbul perkara-perkara yang mengancam kedudukan orang Melayu. Encik Mustapha Ali juga mengemukakan perangkaan penduduk-penduduk Semenanjung Malaysia yang berjumlah 10.3 juta dan dari bilangan ini hanya 53 % orang Melayu. Ditegaskannya juga bahawa kadar pertambahan penduduk bukan Melayu jauh lebih pesat daripada kadar pertambahan penduduk Melayu. Kecenderungan ini katanya akan membuktikan kebenaran ramalan Encik Lee Kuan Yew, semasa Singapura masih dalam Malaysia, bahawa kepimpinan politik Malaysia akan berada di tangan orang Melayu untuk selama 30 tahun daripada masa itu (1964).⁵¹ Mesej yang hendak disampaikan oleh wakil PAS itu ialah PAS dan UMNO, sebagai parti *dominant* orang-orang Melayu haruslah bersatu bagi memperkuuhkan kedudukan politik orang Melayu dan konflik antara kedua parti ini amat merugikan.

Semasa PAS di dalam Barisan Nasional, khususnya pada zaman Tun Abdul Razak, perkara-perkara yang memerlukan perhitungan dari segi agama Islam seringkali dikemukakan kepada PAS bagi mendapatkan pertimbangan dan pendapat. Yahya Ismail mencatatkan satu peristiwa yang diceritakan oleh seorang tokoh Pas, Haji Taha Kalu yang menyebutkan bahawa beliau pernah memperkenalkan seorang pialang (broker) Melayu yang menjadi orang perantaraan kepada sebuah sindiket judi Australia

⁵¹ Ibid, hal. 19.

kepada Datuk Asri. Sindiket perjudian ini merancang hendak membina sebuah kasino di Gunung Ledang dan rancangan ini pernah dikemukakan kepada Tun Abdul Razak. Oleh kerana soal ini berkaitan dengan sensitiviti orang-orang beragama Islam, Tun Abdul Razak tidak mahu memberi kata putus dan beliau telah mengarahkan sindiket ini menemui Datuk Asri. Walaupun sindiket tersebut membuat tawaran sejuta ringgit kepadanya atau PAS, tetapi pihak sindiket tersebut gagal untuk meyakinkan Datuk Asri dan akhirnya rancangan sindiket ini terpaksa dibatalkan setelah Datuk Asri menolak rancangan tersebut.⁵²

Dalam satu wawancara khas antara seorang pemberita akhbar *Berita Harian* dengan Yang Dipertua Agung PAS Datuk Haji Mohd Asri, selepas Muktamar PAS yang ke 25 pada bulan Oktober, beliau telah ditanya mengapa tidak diwujudkan negara Islam setelah lapan belas tahun PAS menguasai Kelantan. Datuk Asri telah memberi penjelasan bahawa Kelantan atau mana-mana negeripun dalam Malaysia merupakan 'Negara Bahagian' yang tunduk di bawah perlombagaan pusat. Untuk mewujudkan negara dalam negara adalah mustahil kerana sudah tentulah kerajaan pusat tidak dapat mengizinkan mana-mana negeri bahagiannya mempunyai hak otonomi yang kuat dan luas dan oleh itu menurut beliau lagi bahawa soal kenapa PAS tidak menegakkan pemerintahan Islam di Kelantan adalah soalan yang kebudak-budakan.

Dalam wawancara ini juga, beliau memberitahu bahawa semasa PAS berada di dalam Barisan Nasional, konsep dan prinsip PAS tidak pernah ditinggalkan, bahkan soal-soal yang menyentuh pendekatan kepada cita-cita negara Islam sentiasa dikeluarkan. Menurut beliau, PAS pernah mengemukakan tentang perlunya diadakan

⁵² Yahya Ismail, *Bulan Purnama Gerhana di Kelantan*, Kuala Lumpur : Dinamika Kreatif, 1978, hal. 78

suatu undang-undang jenayah mengenai perzinaan dan bersekedudukan ataupun berkhawat antara Muslim dengan bukan Muslim. PAS mencadangkan supaya dipinda beberapa undang-undang jenayah negara sedikit demi sedikit sehingga sampai kepada satu peringkat undang-undang Islam dapat dilaksanakan.

Menurut Datuk Asri, keputusan bagi mewujudkan undang-undang jenayah dalam undang-undang negara supaya boleh menghukum semua orang yang bersalah dalam hal itu, telah diterima ketika beliau menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan. Perkara itu telah diamanahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk dikaji, tetapi hingga masa ini masih tidak dilaksanakan. Satu lagi contoh sumbangan PAS ialah perlaksanaan pakaian murid-murid perempuan Islam di sekolah menengah yang diusulkan oleh satu jawatankuasa penyelaras yang dianggotai bersama oleh wakil-wakil PAS dan UMNO dan dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Perlu disebutkan bahawa semasa PAS berada di dalam Barisan Nasional, parti itu dilaporkan berjaya menambahkan jumlah ahlinya, khususnya di kalangan generasi muda. Dengan kebangkitan golongan muda yang mula mendekati Islam, PAS telah mendapat kelebihan daripada parti-parti Melayu yang lain, khasnya UMNO. Lebih ketara, perjuangan PAS yang berlandaskan Islam mernbuat ia lebih diminati. Dilaporkan bahawa;

"Party officials say more and more intellectuals - a definition encompassing anyone with a university degree - are joining the party which now claims a membership of 150,000, since it joined the National Front four years ago, the party has been attracting about 2,000 applications each month".⁵³

⁵³ *Asia Week*, 6 Ogos 1977.

Pada tahap ini, yang paling *signifikan* berhubung dengan penyertaan PAS dalam Barisan Nasional ialah perpecahan dalam masyarakat Melayu akibat perbezaan pegangan ideologi dapat dikurangkan. Secara umum, masyarakat Melayu merasa gembira atas bercantumnya PAS dan UMNO dan mereka meletakkan harapan yang besar kepada Barisan Nasional untuk meninggikan lagi pembangunan jasmani dan rohani.

Walau bagaimanapun, keputusan PAS bekerjasama dengan UMNO di bawah payung Barisan Nasional telah menimbulkan berbagai tanggapan pro dan kontra. Kumpulan yang merasa tidak puas hati telah mengemukakan bantahan dalam muktamar pada bulan Julai 1975, agar dikaji kedudukan parti itu di dalam Barisan Nasional. Sehubungan dengan itu, majlis tertinggi parti telah diberi mandat untuk membuat apa saja keputusan;

"The Convention gave the PMIP's supreme council a full mandate to review the party position and to decide steps it should take in this issue from time to time".⁵⁴

Beberapa faktor telah dikemukakan berhubung dengan sebab timbulnya desakan agar parti ini mengkaji semula kedudukannya sebagai anggota komponen Barisan Nasional, antaranya;

"PAS leaders at division and state levels were inclined to see the coalition as an obstacle to the expansion of the party's influence and, therefore a hindrance to the advancement of their political careers".⁵⁵

"PMIP's growing dissatisfaction with the front's adamant attitude towards PMIP's demands to participate in government bodies and committees agreed during the formation of the front".⁵⁶

⁵⁴ Ibid, 27 Mei 1976

⁵⁵ Ismail Kassim, *Race , Politics and Moderation*, Singapore : Times Books, 1979, hal. 20

⁵⁶ Alias Mohamed, op. cit., 1975, hal. 177

Datuk Haji Mohd Asri selaku Presiden PAS turut mengungkapkan sebab keruhnya hubungan antara PAS dan UMNO dalam muktamar khas parti pada 25 Disember 1977. Antaranya kerana Perdana Menteri Tun Abdul Razak menolak calon PAS untuk menjadi Menteri Besar Kelantan selepas pilihanraya 1974 dan terbitnya buku '*Kelantan : Politik dan Dilema Pembangunan*' yang dianggap PAS untuk kepentingan UMNO dan menghina mereka. Subky Latif memberi pandangan tentang buku ini;

"Mungkin UMNO tidak bersekutu dengan Datuk Abdullah dalam usaha menerbitkan buku itu, tetapi kerana UMNO tidak membuat apa-apa sikap yang boleh membaiki hubungan, maka bolehlah dianggap UMNO membiarkan keadaan. Dengan itu hubungan yang tidak ikhlas mulai berjalan dari tarikh itu".⁵⁷

Sementara itu, dalam UMNO sendiri timbul sikap tidak puas hati terhadap PAS. Akhbar bulanan UMNO, '*Suara Bersatu*' mempersoalkan keikhlasan PAS bilamana kerap timbul desakan agar PAS menarik diri dari Barisan Nasional. Menurut akhbar itu, semua ahli BN kecuali PAS menerima konsep BN dan bagi parti-parti komponen tersebut tidak pernah timbul perkara mengkaji kedudukan mereka dalam BN⁵⁸ UMNO juga dikatakan agak bimbang dengan meluasnya pengaruh PAS kerana;

"It suspected, correctly that the Islamic Party was using its term on the government benches to broaden its political base beyond Kelantan and Terengganu".⁵⁹

Usaha bagi memperluaskan pengaruh PAS turut dilaksanakan di beberapa buah negeri yang sebelum ini tidak begitu menerima kehadirannya, seperti di Johor, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Malah yang meresahkan UMNO bila PAS

⁵⁷ Subky Latif, op. cit., 1978, hal. 34.

⁵⁸ Ismail Kassim, op. cit., 1979, hal. 20.

⁵⁹ *Asia Week*, 26 Mei 1978.

membuka cawangannya di kawasan Parlimen Datuk Hussein Onn di Sri Gading.⁶⁰ Asia

Week melaporkan;

"In the five years since the PMIP growing support in areas that not too long ago was considered strong-holds of the organisation.Today there are fifteen PMIP branches in Datuk Hussein 's Johore parliamentary constituency, three years ago there was none".⁶¹

Usaha-usaha PAS untuk memperluaskan pengaruhnya kepada golongan muda dan pegawai-pegawai kerajaan turut membimbangkan UMNO dan mengikut Alias Muhammad;

"It is widely believed that PMIP leaders had been making relentless attempts to inject PMIPism into the government bureaucratic life blood, especially among the Malayan Civil Service (MCS) officers, the Malay senior civil servants as well as military personnel".⁶²

Sementara itu, perlantikan bukan calon yang dikehendaki oleh PAS sebagai Menteri Besar Kelantan, telah menyebabkan berlakunya krisis politik. Krisis politik ini telah mula mendapat perhatian masyarakat umum pada 14 September 1977 apabila akhbar *Utusan Melayu* pada hari itu melaporkan bahawa satu kumpulan 16 orang ahli Dewan Undangan Negeri PAS, Kelantan telah dibentuk bagi mendesak Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Mohamad Nasir meletakkan jawatannya. Sepucuk surat telah dikirimkan kepada Datuk Haji Mohamad Nasir menggesa beliau meletakkan jawatannya secara terhormat sebelum 20 September 1977 dan jika beliau enggan, satu tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas beliau. Ketika dihubungi oleh *Utusan Melayu*, Datuk

⁶⁰ Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia ketiga menggantikan Tun Abdul Razak yang meninggal dunia di London pada 11 Februari 1976.

⁶¹ Op. cit., 23 Disember 1977

⁶² Alias Muhammad, op. cit., 1978, hal. 177

Haji Mohamad Nasir mendakwa kumpulan tersebut dipengaruhi oleh dua orang dalang dari Kuala Lumpur yang terdiri dari Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS dan beliau menegaskan bahawa beliau tidak akan tunduk kepada permintaan kumpulan enam belas orang itu. Sejak terbitnya berita itu, krisis di antara Datuk Haji Mohamad Nasir dengan majoriti pemimpin PAS Kelantan sudah tidak menjadi rahsia lagi Boleh dikatakan setiap hari akhbar-akhbar di negara ini membuat laporan dan menyiaran detik-detik perkembangan krisis politik Kelantan dengan agak meluas.

Faktor-faktor yang dipercayai menyebabkan rasa tidak puas hati ahli-ahli Dewan Undangan PAS Kelantan yang menamakan diri mereka kumpulan 20 (mula-mula dikenali dengan kumpulan 16, tetapi kemudiannya diketahui jumlah anggota kumpulan itu sebenarnya 20 orang) bersama-sama dengan penyokong mereka, ialah oleh kerana mereka kurang senang dengan sikap dan tindak tanduk Datuk Haji Mohamad Nasir yang dikatakan mempunyai pendirian sebagai Menteri Besar Barisan Nasional bukan Menteri Besar PAS dan hubungan beliau yang erat dengan tokoh-tokoh terkemuka UMNO Kelantan. Sikap beliau ini dianggap merugikan perjuangan politik PAS.

Sehingga 20 September 1977, Datuk Haji Mohamad Nasir masih tetap dengan pendirian untuk tidak meletakkan jawatannya. Kumpulan 20 mahu Datuk Haji Mohamad Nasir meletakkan jawatannya secara terhormat tanpa dipaksa selewatnya pada 20 September tetapi semenjak krisis ini bermula, Datuk Haji Mohamad Nasir telah beberapa kali membuat kenyataan bahawa beliau tidak akan berganjak dari keputusannya untuk tidak meletakkan jawatan. Kenyataan yang dapat mencerminkan sikap Datuk Haji Mohamad Nasir berhubung dengan perkara ini ialah;

"Jika saya menyerah kerajaan yang diberi amanat oleh rakyat kepada saya menurut kehendak nafsu jahat beberapa orang, maka ini bukanlah terhormat dan haram di sisi agama serta dikutuk oleh Tuhan. Saya tetap tidak akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar selagi rakyat memerlukan saya".⁶³

Dengan sikap dan pendirian seperti ini maka kumpulan 20 tidak ada alternatif lain selain mengambil keputusan untuk mengemukakan usul undi tidak percaya pada bulan Oktober apabila Dewan Undangan Negeri Kelantan bersidang. Dalam satu kenyataan akhbar, Datuk Haji Mohamad Nasir menyebutkan bahawa sebab rasa tidak puas hati di kalangan 20 orang ahli Dewan Undangan Negeri PAS itu adalah berikutan dari tindakan beliau mengambil semula tanah balak seluas 350, 000 ekar yang diberikan kepada sebuah syarikat, dan rasa tidak puas hati memuncak apabila beliau membekukan kawasan kayu balak antara Kelantan dengan Perak serta meminta mahkamah menyelesaikan kes syarikat tembakau. Mengikut Lotfi Ismail, terdapat 4 faktor punca berlakunya krisis politik itu.

Pertama, setelah Datuk Haji Mohamad Nasir meminta mahkamah menyelesaikan kes syarikat Perusahaan Pertanian Sdn. Bhd., yang meminjam wang bank dengan jaminan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan sebanyak RM 2.8 juta dengan syarat dibayar balik sejuta ringgit setahun, tetapi syarikat itu telah gagal untuk menyempurnakan bayaran tersebut. Kedua, tindakan kerajaan negeri terhadap tanah "Timber Mine" seluas 350, 000 ekar, yang diambil semula oleh kerajaan Kelantan kerana tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian yang menyebabkan golongan tertentu tidak puas hati. Ketiga, tanah seluas 240,000 ekar di sempadan Kelantan dan Perak yang diberi pajakan selama 40 tahun telah dibekukan atas sebab-sebab keselamatan dan tidak menguntungkan rakyat. Keempat, berhubung dengan kedudukan Nilam Puri

⁶³ *Utusan Melayu*, 17 September 1977

yang dicadangkan menjadi sebahagian daripada Universiti Kolej Islam, Universiti Malaya.⁶⁴

Jelas, bahawa dalang yang dimaksudkan oleh Datuk Haji Mohamad Nasir ialah Datuk Haji Mohd Asri dan dalam satu kenyataan akhbar , Datuk Mohd Asri menyifatkan dakwaan Datuk Haji Mohamad Nasir melibatkan beliau dalam krisis politik Kelantan sebagai tidak adil dan tidak berasas. Dalam kenyataan yang sama, Datuk Haji Mohd Asri mengumumkan bahawa Jawatankuasa Kerja Agung PAS akan mengadakan sidang tergempar pada 26 September, khusus bagi membincangkan krisis politik Kelantan berikutan usaha untuk menggulingkan Datuk Haji Mohamad Nasir.⁶⁵

Daripada beberapa kenyataan yang telah dibuat, terbukti bahawa krisis politik Kelantan telah berputik sejak tahun 1974 lagi. Menurut Datuk Asri ;

"...memang benar PAS tidak memilih Datuk Haji Mohamad Nasir untuk menjadi Menteri Besar selepas pilihanraya umum 1974 lalu. Tetapi secara kebetulan Allahyarham Tun Abdul Razak mahukannya. Untuk menjaga perpaduan, PAS dengan luhur hati bersetuju dengan kemahanan itu sedangkan Allahyarham tidak dapat berbuat apa-apa jika PAS terus menolaknya, ...".⁶⁶

Sebenarnya, selepas pilihanraya 1974, PAS telah mengemukakan calonnya Haji Wan Ismail untuk menjadi Menteri Besar Kelantan, tetapi calon yang dikemukakan oleh PAS telah ditolak oleh Tun Haji Abdul Razak dan calon Menteri Besar yang dapat diterima oleh Tun Haji Abdul Razak ialah Datuk Haji Mohamad Nasir. Semenjak perlantikan Datuk Haji Mohamad Nasir, perhubungan beliau dengan beberapa pemimpin

⁶⁴ Lotfi Ismail, *Detik Mula Konfrontasi Nasir-Asri*, Petaling Jaya : Karangkraf Sdn. Bhd., 1978, hal. 5

⁶⁵ *Utusan Melayu*, 17 September 1977.

⁶⁶ Ibid, 19 September 1977

PAS Pusat dan Negeri, khususnya Datuk Asri dan kumpulan 20 dalam keadaan yang kurang baik dan bertambah meruncing dengan berlakunya krisis politik Kelantan.

Semenjak kumpulan 20 memberi kata dua kepada Datuk Haji Mohamad Nasir pada 14 September 1977, beliau telah berjaya mengumpulkan sejumlah besar rakyat Kelantan untuk berdiri teguh dibelakangnya. Nasir dalam pandangan majoriti rakyat Kelantan adalah simbol kejujuran. Mereka mengaitkan beliau dengan pentadbiran yang bersih dan tidak rasuah. Gelombang sokongan rakyat Kelantan terus menerus memihak kepada beliau, disebabkan anggapan bahawa kumpulan 20 mempunyai kepentingan peribadi.

Walaupun kumpulan 20 dan Datuk Asri cuba membersihkan namanya dari tuduhan Datuk Haji Mohamad Nasir, tetapi simpati rakyat Kelantan tetap kepada Datuk Haji Mohamad Nasir. Satu tamparan hebat kepada kumpulan 20 dan penyokong-penyokong mereka dalam usaha menjatuhkan Datuk Haji Mohamad Nasir ialah sikap Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Hassan Adli yang telah menyatakan pendirian terbuka, tidak bersetuju sebarang usaha untuk memecat dan menyingkirkan Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan.⁶⁷ Risalah-risalah mengecam kumpulan 20 telah disebarluaskan dengan meluasnya oleh penyokong-penyokong Datuk Haji Mohamad Nasir, bagi mendedahkan kepincangan mereka.

Turut disebarluaskan ialah risalah yang menyeru orang ramai turut serta dalam satu tunjuk perasaan membantah tindakan dan sikap kumpulan 20. Pada 24 September dilaporkan, 80,000 orang telah berhimpun di Padang Merdeka, Kota Bharu bagi menunjukkan sokongan mereka kepada Datuk Haji Mohamad Nasir. Datuk Haji

⁶⁷ *Utusan Melayu*, 20 September 1977.

Mohamad Nasir dalam ucapannya di perhimpunan ini terus membidas dan mendedahkan penyelewengan yang menurutnya telah lama dilakukan oleh kumpulan 20.⁶⁸

Pada 29 September 1977, kes Datuk Mohamad Nasir telah dibawa untuk dibincangkan oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS Pusat. Datuk Mohamad Nasir yang juga seorang anggota turut hadir untuk mempertahankan mengapa beliau tidak patut dipecat. Dalam sidang ini, pihak yang mengemukakan usul pemecatan, diwakili oleh Datuk Ishak Lotfi, Pesuruhjaya PAS Kelantan, yang telah mengemukakan kira-kira 100 tuduhan mengapa Datuk Haji Mohamad Nasir patut dipecat. Datuk Mohamad Nasir datang tanpa persediaan dan tidak menyangka yang tuduhan-tuduhan itu akan dibentangkan dengan tiba-tiba. Walau bagaimanapun, pada hari itu mesyuarat telah bersetuju dengan permintaan Datuk Mohamad Nasir supaya menangguhkan keputusan tentang masalahnya bagi membolehkan beliau menyediakan jawapan untuk membela diri.

Pada 29 September, Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah mengadakan mesyuarat pusingan kedua dan telah membuat keputusan memecat Haji Mohamad Nasir. Menurut Datuk Asri, pemecatan itu dibuat berdasarkan fasal-fasal 13 (3a), 35 (3) dan 75 (7) perlumbagaan parti. Ia adalah bagi menjamin keutuhan Barisan Nasional dan juga bagi mengekalkan perpaduan dalam parti.⁶⁹ Di samping masyarakat menerima tuduhan-tuduhan yang dikemukakan oleh kumpulan 20 Kelantan, faktor lain yang mendorong pemecatan itu kerana Datuk Haji Mohamad Nasir dikatakan tidak

⁶⁸ *Utusan Malaysia*, 25 September 1977.

⁶⁹ *Berita Harian*, 30 September 1977

menunaikan janji dan ikrar untuk sama-sama menghadiri mesyuarat pada 29 September dan juga ikrar damai yang diputuskan dalam sidang 26 September. Datuk Haji Mohamad Nasir dalam tempoh ikrar damai telah membuat kenyataan-kenyataan terbuka mengecam kumpulan 20 dan Datuk Asri di akhbar-akhbar, di Universiti, termasuk di Pengkalan Chepa dan dalam satu rapat umum di Pasir Mas.

Di samping itu beliau juga telah mengirimkan jawapan rasmi kepada Setiausaha Agung PAS, Haji Hassan Shukri menyatakan beliau tidak akan meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar dan juga tidak akan hadir dalam mesyuarat pada 29 September. Berhubung dengan pemecatan ini, Ustaz Ali Taib, seorang pensyarah di Universiti Malaya, juga seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah mengisyiharkan dirinya keluar dari PAS kerana membantah keputusan tersebut, yang disifatkannya sebagai tidak adil dan tidak berdasarkan lunas-lunas Islam.

Dalam krisis yang begitu meruncing, tiba-tiba pada 4 Oktober 1977, Jawatankuasa Kerja Agung PAS membuat suatu kenyataan bahawa pemecatan Datuk Mohamad Nasir pada 29 September adalah satu kesilapan teknik dan dengan itu keahlian Menteri Besar Kelantan itu masih diakui sah. Jawatankuasa Kerja Agung akan mengadakan satu sidang lagi pada 10 Oktober bagi membincangkan masalah teknikal dan seterusnya membetulkannya. Walaupun keputusan ini boleh menjernihkan keadaan, tetapi sebaliknya keadaan terus meruncing dan mesyuarat yang telah ditetapkan pada 10 Oktober adalah dijangka sebagai usaha seterusnya untuk sekali lagi memecat Datuk Haji Mohamad Nasir. Kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah pada 6 Oktober bahawa kumpulan 20 tetap akan mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Datuk Haji Mohamad Nasir

dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15 dan 16 Oktober⁷⁰, turut meruncingkan lagi suasana politik ketika itu.

Seperti yang dijangkakan, pada 10 Oktober 1977, Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah mengambil keputusan memecat semula Datuk Haji Mohamad Nasir. Seramai 13 undi menyokong pemecatan, 7 menentang dan 2 berkecuali. Dalam soal pemecatan ini bermakna sidang telah menolak keputusan Dewan Ulama PAS, yang bersidang sehari sebelum sidang pemecatan pada 10 Oktober 1977, yang telah menentang pemecatan tersebut. Mengikut Subky Latif;

"Datuk Asri tidak memakai keputusan itu kerana biasa Dewan itu memberikan nasihat tentang soal hukum, sedang yang mereka bimbangkan ketika itu ialah soal politik. Dan kedua Haji Nik Aziz, Ketua Dewan Ulama yang berasal dari Kelantan mengundi bagi pihak pemecatan".⁷¹

Berikutan dari pemecatannya, Datuk Haji Mohamad Nasir telah membawa kesnya ke mahkamah. Usaha beliau berjaya apabila Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah mengeluarkan satu perintah sementara melarang Jawatankuasa Agung PAS dari memecat Datuk Haji Mohamad Nasir sebagai anggota parti. Sama ada mahkamah mengisyiharkan Mohamad Nasir masih kekal sebagai ahli PAS atau tidak, tindakan kumpulan 20 hendak menggulingkan beliau terus dijalankan juga. Pada 15 Oktober 1977, setelah Dewan Undangan Negeri mengadakan sidangnya pada hari pertama, Datuk Haji Mohamad Nasir telah dihadapkan dengan satu undi tidak percaya. Usul undi tidak percaya itu telah diluluskan dengan 20 undi menyokong. Ketua pembangkang UMNO dan MCA Encik Hussain Ahmad, membangkang usul undi tidak percaya.

⁷⁰ *Watan*, 7 Oktober 1977

⁷¹ Subky Latif, op. cit., 1978, hal. 34

Kumpulan itu juga gagal dalam permohonannya untuk mendapatkan persetujuan Raja bagi membubarkan Dewan Undangan Negeri.

Pada 19 Oktober 1977, satu tunjuk perasaan besar-besaran untuk menyokong Datuk Haji Mohamad Nasir telah bertukar menjadi rusuhan. Perintah berkurung 24 jam telah dikeluarkan. Pada 22 Oktober, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir telah pergi ke Kelantan untuk menemui beberapa pihak yang terlibat khususnya pemimpin-pemimpin PAS negeri untuk mengemukakan satu formula bagi merintis jalan kearah memulihkan suasana yang kritikal. Tetapi, malangnya usaha-usaha beliau gagal. Bagi pihak PAS, formula yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri itu merugikan parti dan banyak menguntungkan UMNO.⁷²

Usaha-usaha yang seterusnya yang dijalankan bagi menjernihkan keadaan ialah perjumpaan di antara Datuk Hussein Onn dengan pemimpin-pemimpin PAS yang diketuai oleh Datuk Asri. Dalam perjumpaan itu, Datuk Hussein Onn mengemukakan cadangannya mahu menjalankan pentadbiran ala-Mageran di Kelantan. Pemimpin-pemimpin PAS diberi tempoh selama tiga hari untuk menjawab cadangan beliau. Dalam masa tiga hari itu, telah keluar kenyataan dari Perdana Menteri tentang hasratnya mahu mengadakan pemerintahan ala-Mageran. Surat-surat memanggil sidang khas Parlimen diedarkan dan mesyuarat khas kabinet diadakan. Jawatankuasa Agung PAS yang bermesyuarat pada hari Ahad 6 November telah mengambil keputusan untuk menentang terus cadangan hendak mewujudkan akta darurat di Kelantan serta mengarahkan menteri-menteri kabinet dari PAS menentangnya dalam sidang kabinet. Jika akta itu dibawa ke Parlimen, maka ahli-ahli PAS yang menjadi Menteri, Timbalan

⁷² Mohd Asri Haji Muda, op. cit., hal. 27

Menteri dan Setiausaha Parlimen akan meletakkan jawatan masing-masing. Demikian juga semua ahli Parlimen dan Dewan Negara akan menentang.

Hari Selasa 8 Oktober 1977 adalah hari yang ditunggu-tunggu oleh seluruh negara. Selepas satu sidang khas kabinet, Datuk Asri dan dua orang Timbalan Menteri serta dua orang Setiausaha Parlimen dari PAS telah meletakkan jawatan. Pada petang itu, Perdana Menteri telah membentangkan Akta Darurat Kelantan. Setelah itu, Yang Di Pertuan Agong telah mengisytiharkan pemerintahan darurat di Kelantan. Selepas bersidang selama tujuh jam di sebelah malamnya, akhirnya Parlimen meluluskan Rang Undang-undang Darurat. Seramai 118 orang ahli Parlimen termasuk Haji Hassan Adli, Timbalan Yang DiPertua Agung PAS menyokong dan 6 orang dari DAP menentang. Haji Hassan Adli yang enggan meletakkan jawatannya sebagai menteri dan juga sokongannya kepada rang undang-undang akta darurat itu telah dipecat dari PAS.

Pada 5 Disember 1977, Dewan Tertinggi Barisan Nasional telah membuat keputusan bahawa PAS hendaklah memecat ahli-ahlinya yang menentang *whip* Barisan Nasional. Pada 9 Disember, UMNO mengadakan sidang khasnya untuk menentukan sikap dan tindakan yang patut diambil terhadap PAS. Pada 13 Disember, Dewan Tertinggi Barisan Nasional sekali lagi bersidang dan kali ini mesyuarat telah mengambil keputusan muktamad untuk menyingkir PAS dari Barisan Nasional kerana enggan memecat anggota Parlimennya yang menentang *whip* parti.

Dengan penyingkiran PAS, bererti berakhirlah babak muafakat PAS dalam Barisan Nasional dan permuafakatan dengan UMNO khususnya yang telah berjalan selama lima tahun. Mengikut Subky Latif;

"13 Mei selalu dianggap celaka dalam sejarah demokrasi negara kerana peristiwa itu menggugat keamanan dan kesejahteraan negara dan rakyat, dan sekarang lahir pula 13 Disember , dan ini pula nampaknya tercatat juga dalam sejarah sebagai saat yang mengasingkan PAS dari Barisan Nasional".⁷³

Berhubung dengan krisis politik Kelantan, ada pendapat yang menyatakan bahawa UMNO turut memainkan peranan penting dalam krisis ini, khususnya dalam memberi sokongan kepada Datuk Haji Mohamad Nasir. UMNO merasakan bahawa keadaan ini merupakan peluang yang paling baik untuk mengeksplotasi kelemahan PAS dan dengan ini UMNO akan dapat mencapai cita-citanya dalam politik Kelantan. Kumpulan 20 mendakwa kononnya ada kalangan tertentu dalam UMNO yang sanggup membelanjakan setengah juta ringgit untuk menyelamatkan Datuk Mohamad Nasir. UMNO Kelantan dan nama Tengku Razaleigh telah dikatakan terlibat secara langsung dalam usaha hendak menyelamatkan kedudukan Datuk Haji Mohamad Nasir.⁷⁴

Menurut Subky Latif;

"Apabila mereka sendiri mengetahui bahawa Datuk Mohamad Nasir tidak begitu baik dengan Datuk Asri dan lain-lain pemimpin PAS Kelantan, maka ini akan memberi peluang kepada UMNO untuk melumpuhkan politik dan pimpinan Datuk Asri dan juga PAS sendiri. Dengan ini juga maka bolehlah UMNO mengembangkan pengaruhnya semula di Kelantan".⁷⁵

Dalam ucapan Datuk Haji Mohamad Nasir pada muktamar PAS yang ke 23 pada 25 Disember 1977, beliau juga menyentuh bahawa;

⁷³ Subky Latif, op.cit., Januari 1978

⁷⁴ *Watan*, 18 September 1977.

⁷⁵ Subky Latif, op.cit., 1977, hal. 98

"Negeri Kelantan secara kebetulan dijadikan medan perjudian kerana ada di antara pemimpin UMNO yang berasal dari Kelantan dikatakan mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin negara pada suatu masa kelak. Dengan erti kata lain, gelanggang Kelantan boleh menentukan masa depan pucuk pimpinan negara Malaysia".⁷⁶

Walaupun ada dakwaan dan pendapat yang menyebut tentang penglibatan UMNO, tetapi terdapat juga golongan lain yang merancang berbagai-bagai tindakan serta mengatur strategi politik untuk Datuk Haji Mohamad Nasir. Menurut Yahya Ismail;

"...bahawa orang-orang dari Bebas Bersatu yang terdiri dari tokoh-tokoh PAS yang menentang PAS alias Barisan Nasional dalam pilihanraya tahun 1974 adalah perancang strategi politik untuk Menteri Besar itu".⁷⁷

Setelah 96 hari Kelantan di bawah pemerintahan ala- Mageran, pada 12 Februari Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah membuat satu pengumuman mengisyiharkan penarikan balik akta darurat. Serentak dengan itu pada 13 Februari 1978, Dewan Undangan Negeri Kelantan dibubarkan oleh Pemangku Raja di bawah kuatkuasa perlembagaan negeri Kelantan Bab 16 ceraian (6). Penamaan calon dilakukan pada 23 Februari 1978 dan pilihanraya diadakan pada 11 Mac 1978. Dalam pilihanraya ini, PAS hanya memenangi 2 kerusi daripada 36 kerusi yang dipertandingkan, sementara Barisan Nasional memenangi 23 kerusi dan Parti Berjasa, yakni sebuah parti serpihan PAS, telah memenangi 11 kerusi. Kekalahan PAS dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan itu adalah setback dalam perjuangan politik PAS. Berhubung dengan kekalahan itu, Ahmad Kamar telah mengemukakan faktor yang pada pendapatnya adalah menjadi punca kekalahan PAS. Di antaranya ialah;

⁷⁶ Mohd Asri Haji Muda , op.cit., 1978, hal. 10

⁷⁷ Yahya Ismail, op. cit., 1978, hal. 106

"PAS tidak dapat menjamin harapan rakyat bukan sahaja kedudukan pemimpin PAS dengan pola-pola yang begitu rupa tetapi juga tidak mampu menjawab segala macam kepincangan yang ditanya kepadanya ... tentu sahaja dalam ruang lingkup pembangunan (Dasar Ekonomi Baru) dan keamanan PAS sudah tidak bebas melarikan diri dari issue yang telah diterima dan diperkembangkan selama ini".⁷⁸

Kerajaan darurat di bawah pimpinan Hashim Aman juga telah berjaya mengekalkan reputasi yang tinggi di kalangan rakyat. Imej *development-oriented* telah menawan hati rakyat jelata dan imej inilah juga yang menarik pengundi-pengundi untuk menyokong Barisan Nasional dan Berjasa pada 11 Mac 1978. Datuk Asri dalam satu majlis perasmian cawangan PAS di Pantai Halt, Kuala Lumpur pada 19 Mac 1978, telah memberi 4 faktor yang menyebabkan kekalahan PAS. Pertama, penaburan fitnah yang meluas oleh Barisan Nasional sejak lama dahulu terhadap PAS semasa kerajaan negeri di bawah pemerintahan Mageran sehingga PAS tidak dapat membasuhnya. Kedua, janji-janji pembangunan yang melampaui hadnya yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional. Ketiga, kerana intimidasi yang hebat, iaitu ugutan-ugutan yang sungguh dahsyat sehingga menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat, dan faktor keempat ialah rasuah politik yang digunakan oleh parti lawan begitu hebat.⁷⁹

Pilihanraya yang diadakan pada 11 Mac 1978 memberi tamparan yang hebat kepada PAS, kerana mereka gagal untuk memerintah Kelantan sesudah menguasai negeri tersebut selepas pilihanraya 1959. Sebaliknya, UMNO yang bergabung tenaga dengan parti Berjasa yang ditubuhkan menjelang pilihanraya 1978, berjaya menguasai negeri tersebut.

⁷⁸ Ahmad Kamar., op. cit., 1979, hal. 72

⁷⁹ *Watan*, 20 Mac 1978.

Walaupun PAS hanya dapat bersama UMNO untuk jangkamasa yang singkat, tetapi banyak pengalaman dan pengajaran yang diperolehinya. PAS memang mengakui kenyataan bahawa ia memperjuangkan '*nasionalisme sempit*'. Tetapi setelah berada dalam Barisan Nasional, mereka telah membina '*infrastruktur baru*' yang dapat memulihkan imej mereka dan tidak lagi berfahaman sempit.⁸⁰ Namun begitu, pertentangan antara UMNO dan PAS selepas mereka berpecah, ternyata banyak menjaskannya kredibiliti PAS sebagai '*Harakah Islamiyyah*' dan parti politik Islam yang utama.

Seperti yang dimaklumi bahawa pada waktu itu, pemimpin-pemimpin PAS didominasi oleh mereka yang berpendidikan Melayu dan Arab (agama). Namun, beberapa orang yang berpendidikan Inggeris dan berkelulusan Universiti turut dimasukkan dalam barisan pemimpin, meskipun mereka belum begitu lama dalam politik dan tidak mempunyai akar umbi yang kukuh dalam organisasi parti atau di kalangan rakyat. Hadirnya pemimpin-pemimpin seperti ini akhirnya telah menimbulkan konflik, iaitu bentuk penentangan terbuka oleh ahli-ahli yang dianggap 'radikal'.

Kebangkitan Islam di dunia yang riaknya turut dirasakan di negara ini, terutamanya selepas Revolusi Islam Iran pada tahun 1979, menimbulkan suasana bergelora yang lebih ketara di dalam PAS. Kepimpinan Datuk Asri mulai dipersoalkan secara terbuka, sehingga beliau dan beberapa orang rakannya terpaksa meletakkan jawatan dalam Muktamar Agung PAS pada tahun 1982.⁸¹ Kejatuhan Datuk Asri

⁸⁰ Mohd Asri Haji Muda, op. cit., 1978.

⁸¹ Ada yang mempersoalkan kelayakan beliau memimpin sebuah parti politik Islam sedangkan beliau tidak hafal AL-Quran. (Wawancara dengan Ustaz Abu Bakar Hamzah di UKM, Bangi pada 28 Februari 1989)

menandakan bermulanya era kepimpinan Ulamak di bawah pimpinan Haji Yusof Rawa . Eksperimen penting yang dihadapi kepimpinan ulamak ini ialah mengambil bahagian dalam pilihanraya kebangsaan pada tahun 1982 menghadapi kerajaan Barisan Nasional pimpinan Perdana Menteri ke 4, Dr. Mahathir Mohamad. Usaha-usaha PAS untuk memperbaiki kedudukannya dalam arena politik kebangsaan kelihatan gagal. Ini sedikit sebanyak ada hubungannya dengan slogan 'Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Malaysia' yang menjadi isu penting dalam kempen pentadbiran Dr. Mahathir dan kemasukan Presiden ABIM Anwar Ibrahim untuk menjadi calon UMNO dalam pilihanraya tersebut.

Memang harus diakui bahawa menjelang pertengahan dasawarsa 80-an, pengaruh politik PAS menurun, terutamanya di negeri-negeri yang secara tradisinya bukan merupakan kubu kuat mereka. Tetapi satu perkembangan baik untuk kepentingan masa depan parti ini ialah meningkatkan pengaruh PAS di kalangan generasi muda, terutamanya yang belajar di peringkat tinggi. Misalnya pertentangan antara kumpulan nasionalis, pendokong ABIM dan PAS dalam beberapa pilihanraya MPP di Universiti tempatan, kemenangannya adalah berpihak kepada pendokong PAS.

Sebagai sebuah parti politik berlandaskan Islam, kehadiran parti ini adalah penting, terutamanya untuk memberi alternatif kepada orang-orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini. Tetapi, persaingan antara kedua-dua parti yang keterlaluan nyata merugikan mereka sendiri. Suasana tentu akan bertambah rumit apabila kumpulan serpihan yang meninggalkan parti-parti itu menubuhkan parti baru seperti penubuhan parti Hizbul Muslimin (HAMIM) oleh Datuk Asri selepas meninggalkan PAS. Demikian juga pertentangan antara PAS dengan beberapa gerakan Islam di negara ini, hanya akan memperlambatkan penghayatan Islam seutuhnya di semua peringkat

kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dengan itu, jalan yang terbaik ialah mengambil sikap lebih terbuka, iaitu mencari persamaan dan memperkecilkan jurang perbezaan.

3.1. Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia(PKPIM) : Perintis Kesedaran Islam Di Kalangan Pelajar.

3.1.1. Sejarah Penubuhan.

Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) adalah satu-satunya gerakan pelajar Islam terkemuka yang menaungi seluruh persatuan pelajar Islam dalam semua peringkat pelajar di negara ini. Seperti yang telah disentuh, kesedaran Islam yang tersemat di sanubari generasi muda sudah dapat dikesan jauh sebelum merdeka dan ini terus diwarisi oleh kumpulan muda yang membesar selepas Perang Dunia Kedua. Tetapi, kerana badan belia atau pertubuhan pelajar yang ada ketika itu kurang memberi tumpuan kepada soal-soal Islam di kalangan para pelajar, maka pada 4 Disember 1960, dibentuklah sebuah jawatankuasa untuk merangka perlembagaan dengan tujuan untuk menujuhkan satu persatuan pelajar Islam.

Jawatankuasa tersebut telah menganjurkan satu seminar pelajar-pelajar Islam se Malaya yang terdiri dari para pemimpin pelajar dari lima pusat pengajian tinggi, iaitu Universiti Malaya, Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur, Maktab Pertanian Serdang, Maktab Teknik, dan Kolej Islam Malaya. Antara tujuan seminar yang turut dihadiri oleh para wakil dari Brunei, Sabah, Sarawak, Filipina dan Ceylon (Sri Lanka) itu adalah bagi membincangkan peranan yang harus dimainkan oleh para pelajar Islam dalam memajukan bidang pelajaran mereka dan sumbangan yang akan diberikan terhadap pembangunan negara yang berasaskan lunas-lunas Islam. Antara resolusi yang dihasilkan dalam seminar tersebut;

1. Perlunya wujud Persatuan Islam peringkat nasional di Persekutuan Tanah Melayu.
2. Perlunya PTM menubuhkan institusi pengajian tinggi Islam (bertaraf universiti) bagi memenuhi keperluan pengajian Islam di negara ini.
3. Memberi mandat kepada ahli jawatankuasa seminar untuk membentuk jawatankuasa penaja pembukaan PKPIM.

Hasilnya, terbentuklah satu jawatankuasa perancang penubuhan PKPIM yang telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bermula pada 2 Oktober 1960 bertempat di Asrama Pertama dan Kedua, Universiti Malaya. Tujuannya bagi membincangkan usaha membentuk persatuan dengan sebuah perlembagaan yang sesuai. Pada tanggal 31 Mac 1961, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Tanah Melayu (PKPIPTM) telah ditubuhkan di Asrama Kedua Universiti Malaya dengan lima gabungan. Tiga bulan kemudian, pendaftaran badan itu telah diluluskan tetapi dengan memakai nama PKPIM.⁸² Memang tidak dapat dinafikan, sebelum lahirnya PKPIM, terdapat beberapa persatuan yang cuba mewakili aspirasi pelajar, misalnya Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia (PKPM) yang ditubuhkan pada 15 Mac 1958. Walau bagaimanapun, kedua persatuan pelajar tersebut kurang mendapat penyertaan, khususnya oleh pelajar-pelajar yang mewakili visi Islam. Akibatnya PKPM hanya tinggal nama sahaja, meskipun GPMS mampu terus bernafas.

⁸² Lihat buku cenderamata *Jawatankuasa Perancang Seminar Pelajar-pelajar Kebangsaan Islam se Malaya*, kenyataan yang terdapat di dalam rang perlembagaan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaya, 1961, hal. 1 dan *Laporan Pendaftaran PKPIM*, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (tanpa halaman).

Perlu diterangkan bahawa penubuhan PKPIPTM pada awalnya turut direstui oleh GPMS, kerana persatuan yang wujud di atas dasar Melayu itu, mengharapkan agar PKPIM dapat memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan lagi syiar Islam di kalangan pelajar-pelajar Malaya. Sokongan itu telah diputuskan di Persidangan Agung GPMS ke 13 yang diadakan di Johor Baharu pada 1961. Persefahaman ini wujud kerana ada beberapa orang kuat GPMS turut sama menganggotai jawatankuasa perancang penubuhan PKPIPTM yang kemudiannya turut menduduki PKPIM.

Walau bagaimanapun, hubungan baik PKPIM dan GPMS hanya wujud di peringkat permulaan sahaja. Mulai pertengahan dasawarsa 60an, kedua persatuan itu tidak lagi sekata, kerana masing-masing mempunyai pandangan yang berbeza berhubung dengan beberapa isu kontroversial seperti isu Telok Gong (1967), isu Tunku (1969), isu autonomi Universiti (1971), isu anti rejim Thanom Kitikachorn di Thailand (1971) dan beberapa isu nasional lainnya.

3.1.2. Organisasi PKPIM

Sejak awal penubuhannya, PKPIM amat peka dengan usaha-usaha untuk memperkuatkan organisasinya, kerana dengan kekuatan organisasi akan memungkinkan segala program yang telah, sedang dan yang akan dirancang berjalan dengan baik dan teratur. Secara mudah dapat disimpulkan bahawa sistem pentadbiran PKPIM mempengaruhi bentuk organisasinya.⁸³ Sistem pentadbiran yang dimaksudkan berbentuk seperti berikut:

1. Majlis Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam (MKPI).

⁸³ Rokiah Ibrahim, “PKPIM : Analisis Tentang Organisasi dan Kegiatannya”. Tesis. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982/1983.

Ini merupakan majlis tertinggi, di mana lima orang wakil dari tiap-tiap badan gabungan menanggotai majlis ini. Anggota majlis ini berhak mengundi dalam Persidangan Agung Tahunan (Muktamar). Di antara tanggungjawab terpenting majlis ini termasuklah melantik jawatankuasa kerja, jawatankuasa tetap dan jawatankuasa khas yang secara langsung bertanggungjawab menggerakkan PKPIM.

2. Jawatankuasa Kerja

Ini merupakan suatu badan yang secara langsung bertanggungjawab kepada MKPI, disamping menggerakkan segala kegiatan yang telah dirancangkan.⁸⁴

3. Jawatankuasa khas

Jawatankuasa ini dilantik oleh MPKI atau oleh jawatankuasa kerja apabila ada program-program yang memerlukan ahli-ahli jawatankuasa. Biasanya, jawatankuasa kerja yang melantik jawatankuasa khas ini.

Perlu dijelaskan bahawa PKPIM menyedari kekuatan organisasinya bergantung kepada sejauhmana kemampuannya untuk menggunakan tenaga-tenaga yang ada bagi mencapai matlamatnya yang sebenar. Bertolak dari kesedaran tersebut, PKPIM turut

⁸⁴ Jawatankuasa kerja ini terdiri daripada:

1. Yang DiPertua
2. Timbalan Yang DiPertua
3. Naib Yang DiPertua Antarabangsa
4. Setiausaha Agung
5. Bendahari
6. Setiausaha Tadbir
7. Setiausaha Pendidikan
8. Setiausaha Penerangan
9. Setiausaha Perhubungan
10. Setiausaha Kebajikan
11. Setiausaha Penerbitan
12. Setiausaha Penyelidikan
13. Setiausaha Daerah
14. Setiausaha Hal Ehwal Wanita.

memberi penekanan tertentu yang juga dapat dikatakan sebagai syarat utama dalam pengukuhan organisasinya. Untuk itu, aspek-aspek berikut tetap diberi perhatian:

- i. Pimpinan dan kepimpinan
- ii. Struktur pentadbiran
- iii. Dasar perjuangan
- iv. Hubungan luar
- v. Perancangan
- vi. Percetakan
- vii. Kewangan.⁸⁵

3.1.3.Dasar Perjuangan

Sejak ditubuhkan, dasar pergerakan PKPIM tetap berlandaskan kepada *Al-Amru bi al-Ma'ruf dan an-Nahyu 'an al-Mungkar*. Ini selaras dengan tujuan kenapa manusia dicipta dan hal ini turut diperincikan dalam ayat al-Quran dan hadith Nabi SAW seperti berikut;

"Hendaklah ada segolongan umat yang membuat kebaikan, menyeru kepada ma'ruf dan mencegah yang mungkar. Mereka adalah orang-orang yang berjaya".⁸⁶

"Barangsiapa yang melihat sesuatu kemungkaran dilakukan, hendaklah dia mencegah dengan tangan (kuasanya), jika tidak mampu, maka dia hendaklah mencegah dengan lisannya (nasihat yang baik) dan jika dia masih tidak berjaya, maka dia hendaklah membenci perbuatan itu di dalam hatinya. Sesungguhnya cara yang terakhir ini menunjukkan selemah-lemah iman".⁸⁷

⁸⁵ Temubual dengan Tuan Syed Abu Bakar Syed Abdul Kadir, bekas Exco dan Setiausaha Kerja yang melibatkan diri lebih dari 25 tahun dalam PKPIM, pada 3 April 1986 di pejabat PKPIM Jalan Daud, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Lihat juga Rokiah binti Ibrahim, op. cit.

⁸⁶ Surah Ali Imran (2:103)

⁸⁷ Hadis riwayat Bukhari Muslim

Dalam perlembagaan PKPIM secara tidak langsung juga terdapat petunjuk dan arah yang hendak dicapainya. Misalnya, dalam bab tiga (3), pergerakan PKPIM dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Mengadakan pertemuan-pertemuan dengan seluruh pimpinan dan ahli-ahli ahli badan gabungan dalam bentuk simposium, seminar, kongres, latihan-latihan kepimpinan dan lain-lain dalam rangka untuk memberi kefahaman Islam yang seutuhnya.
2. Mengadakan latihan-latihan kepimpinan untuk melahirkan tenaga-tenaga pemimpin di semua sektor pada suatu masa nanti.
3. Mengadakan dalam bentuk apa sahaja perhubungan dengan pertubuhan pelajar, belia dan politik di dalam dan luar negeri, asalkan tidak bertentangan dengan Syariat Islam.
4. Mengadakan program-program yang menuju ke arah tercapai matlamat perjuangan PKPIM, iaitu Islam yang *syumul* (lengkap) serta *kamil* (sempurna)

Dengan itu, perjuangan PKPIM tidak terbatas hanya kepada golongan pelajar, malah melampaui ruang lingkupnya yang melibatkan ummah dan kepentingan sejagat. Ia juga dapat dilihat sebagai faktor yang membuktikan PKPIM adalah sebuah pergerakan Islam.

3.1.4.Tahap Perkembangan dan Kegiatan PKPIM

PKPIM adalah sebuah pertubuhan pelajar yang agak unik kalau dibandingkan dengan yang lain kerana asas penyatuan dan kegiatannya dilandaskan kepada Islam. Justeru itu, penyatuan dan kegiatannya adalah melebihi batas-batas kebajikan dan

sejajar dengan tuntutan Islam yang menjangkau soal nilai, sistem hidup, sistem masyarakat, soal kepercayaan malah apa saja yang menyangkut kehidupan manusia.⁸⁸

Matlamat asas PKPIM adalah untuk menegakkan Islam dalam masyarakat pelajar dan bukan pelajar atau dengan kata lain perjuangannya berpaksi kepada usaha untuk menjadikan Islam sebagai '*Nizam al-Hayah*' sesuai dengan taraf Islam sebagai agama sejagat. Sejajar dengan kedudukan PKPIM sebagai organisasi pelajar yang berdaftar, maka cara perjuangannya tertakluk kepada kaedah yang dibenarkan dan tahap perkembangannya. Sekurang-kurangnya terdapat dua faktor yang mempengaruhi perkembangan dan perubahan PKPIM dari satu tahap kepada tahap lain, iaitu faktor dalaman dikaitkan dengan sikap, kefahaman, kewibawaan dan kegigihan para penyokongnya, sementara faktor luaran dapat dilihat dalam bentuk tekanan, sekatan dan undang-undang serta peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak '*establishment*'.

Sehubungan dengan itu, perkembangan PKPIM dapat dibahagi kepada lima tahap, iaitu sejaar dengan perkembangannya dan cabaran lingkungan yang dihadapi. Tahap-tahap yang dimaksudkan ialah:

1. Sesi 1961/1962 hingga sesi 1964/1965.
2. Sesi 1964/1965 hingga sesi 1968/1969.
3. Sesi 1968/1969 hingga sesi 1974/1975.
4. Sesi 1974/1975 hingga sesi 1978/1979.
5. Sesi 1978/1979 dan seterusnya.

⁸⁸ Lihat aktiviti PKPIM sejak 1967-1985 yang dirmuatkan dalam beberapa penerbitan berkala seperti *Nadi*, *Berita PKPIM*, *Al-Hayat (Suara Hal Ehwal Wanita)*, dan *Al-Fitrah*, *Pusat Sumber PKPIM*, Kuala Lumpur.

3.1.5. Perkembangan dan Kegiatan Dalam Tahap Pertama (1961-1965)

Ini merupakan tahap di mana PKPIPTM baru ditubuhkan dengan lima badan gabungan. Justeru itu, usaha-usaha banyak ditumpukan untuk memberi penerangan dan memperkenalkan organisasi ini kepada persatuan-persatuan Islam di pusat-pusat pengajian tinggi dan menghimbau mereka agar menggabungkan diri demi kepentingan pelajar-pelajar Islam. Usaha tersebut tidak berjalan lancar kerana maktab-maktab khususnya belum mempunyai persatuan Islam. Jadi PKPIPTM mendorong dan menolong menukuhan persatuan Islam.

Walau bagaimanapun, program-program yang dianjurkan di peringkat ini masih terhad kerana kekurangan tenaga kerja, pengalaman dan kewangan. Namun begitu, PKPIPTM sempat mengadakan kegiatan untuk membantu para pelajar Islam terutama menyelesaikan masalah biasiswa dan yang berkaitan dengan kedudukan akademik. Percubaan juga telah diadakan untuk membuat lawatan ke Indonesia pada tahun 1964, tetapi dibatalkan kerana konfrantasi.

3.1.6. Perkembangan dan Kegiatan dalam Tahap Kedua (1965-1969)

Pada tahap ini kedudukan PKPIM lebih teguh, terutamanya kerana keahliannya telah bertambah. Menjelang persidangan tahunan sesi 1964/1965, keanggotaan badan gabungan telah bertambah menjadi sebelas, iaitu dianggotai oleh badan gabungan yang baru seperti;

1. Persatuan Pelajar-pelajar Islam Maktab Perguruan Kelantan
2. Majlis Pelajar-pelajar Maktab Latihan RIDA (sekarang MARA)
3. Gabungan Pelajar-pelajar Agama Terengganu (GPAT)
4. Persatuan Pelajar-pelajar Islam Maktab Perguruan Teknik , Kuala Lumpur

5. Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor (KPIJ).⁸⁹

Mengenai aktiviti, sejak tahun 1965 kegiatannya telah mula memberi perhatian terhadap kegiatan sosial dengan megadakan program yang turut disertai oleh masyarakat tempatan dan juga ahli-ahli badan gabungan yang berhampiran. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat PKPIM pada masa itu, iaitu untuk meluaskan tali persaudaraan, bersatu padu dan bekerjasama dengan persatuan-persatuan lain.

Sementara itu, pada tahap ini penekanan terhadap Islam sudah mulai ketara. Misalnya, Persatuan Pelajar-pelajar Kolej Islam Malaya telah menganjurkan satu persidangan pada tahun 1965, iaitu 'Persidangan guru-guru dan Pelajar-pelajar Agama Islam Persekutuan Tanah Melayu' bagi membincangkan masalah masa depan pelajar-pelajar sekolah agama dan mencadangkan agar disamakan sukanan pelajaran yang ada di sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah kerajaan.

Walau bagaimanapun, trend keislaman masih tidak dapat ditonjolkan seutuhnya dalam perjuangan PKPIM kerana suasana pada waktu itu, khususnya di kampus-kampus sedang dilanda oleh tiupan bayu semangat nasionalisme. Jiwa pelajar kebanyakannya sedang berkobar dengan isu memperjuangkan bahasa kebangsaan. Secara tidak langsung PKPIM sedikit sebanyak terhimbau dan turut membangkitkan isu itu, apatah lagi aktiviti kampus pada saat itu didominasikan oleh para pemimpin pelajar yang juga pemimpin PKPIM.

Ismail Daud yang menjadi Presiden PKPIM sesi 1967/1968 misalnya juga merupakan Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) sesi

⁸⁹ Lihat *Laporan Tahunan PKPIM*, sesi 1964/1965

1966/1967. Dalam perjuangannya ia lebih cenderung mengutarakan isu yang ada kaitannya dengan politik nasional.⁹⁰ Namun begitu, trend kelslaman mulai ketara dalam perjuangan PKPIM pada tahap akhir peringkat ini. Sekurang-kurangnya tiga program besar yang dilaksanakan pada tahap itu telah meninggalkan kesan mendalam kepada kesinambungan perjuangan PKPIM seterusnya.

Misalnya, pada tahun 1966, PKPIM telah menganjurkan satu kongres terbesar selama 4 hari di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya. Dalam Kongres 'Kemajuan Islam se Malaya' itu, sekitar tiga ribu tokoh agama termasuk para pelajar, pensyarah dan pihak yang berkaitan dengan bidang agama mengikuti seminar tersebut bagi membincangkan masalah yang dihadapi berkenaan dengan kemajuan umat dan agama Islam. Seterusnya, PKPIM juga telah menjadi tuan rumah penyelenggara konferensi Pelajar-pelajar Islam se Asia Tenggara. Ekoran dari itu, Persatuan Pelajar-pelajar Islam Asia Tenggara (PEMIAT) telah dibentuk pada 14 November 1967. PEMIAT adalah gabungan tiga persatuan pelajar-pelajar yang terkemuka di Asia Tenggara, iaitu PKPIM, Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) di Indonesia dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Singapura (PMIUS).

PKPIM juga telah melancarkan 'Projek Kempen Kesedaran' pada tahun 1968 ketika Anwar Ibrahim mula menerajui PKPIM. Projek itu kemudiannya dijadikan program tahunan yang secara tidak langsung digunakan sebagai forum untuk menyampaikan arah yang diperjuangkan PKPIM kepada masyarakat. Projek itu juga telah dijadikan saluran berkesan untuk mengorientasikan pelajar-pelajar dengan fahaman Islam dan seterusnya untuk menjadikan pelajar-pelajar betul-betul '*committed*' dengan kegiatan-

⁹⁰ Mohamad Abu Bakar, *Mahasiswa Mengugat*, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1973,hal. 40

kegiatan penghayatan Islam. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa PKPIM pada tahap ini sedang membina identitinya, iaitu yang berorientasikan Islam, yang sekali gus membezakannya dengan persatuan-persatuan lainnya.

3.1.7. Perkembangan dan Kegiatan Pada Tahap Ketiga (1968-1975)

Pada tahap ini PKPIM boleh dianggap berada pada masa yang sibuk, aktif dan mencabar. Badan-badan gabungan PKPIM, khususnya PMIUM, PMUUKM dan KSITM telah berperanan dengan aktif dan sering menonjolkan isu-isu besar yang mengambang di dalam maupun di luar negeri. Isu yang hangat disentuh dan tampaknya mendapat reaksi yang kurang menyenangkan dari pihak pemerintah termasuklah isu penindasan masyarakat Islam di Selatan Thailand oleh rejim Thanom (1971), isu Akta Universiti, isu penglibatan Amerika dalam perang Timur Tengah (1973), isu pembalakan Bangi (1971) dan termasuklah isu kelaparan di daerah Baling (1974).

Satu suasana yang dapat dikesan pada ketika ini ialah bahawa trend PKPIM boleh dikatakan terikat dan berpegang teguh dengan dasar-dasar perjuangan, iaitu Islam. Pada tahap ini PKPIM mula dianggap sebagai '*anti-establishment*' dan pendekatannya semakin berkembang, iaitu dari '*action oriented*' mencakup '*mission oriented*'. Penubuhan ABIM dan desakan keras agar ditubuhkan Universiti Islam pada waktu itu adalah gambaran bagaimana PKPIM pada tahap ini telah merangka program yang menekankan soal '*mission*'.

Mengenai sikap dan konsep perjuangan PKPIM ketika itu dapat dilihat dalam kertas kerja presidennya yang dibentangkan dalam seminar kepimpinan PKPIM yang kedua yang diadakan pada tahun 1969 di ITM. Dalam kertas kerja yang bertajuk '*Konsep Perjuangan Pelajar-pelajar Dalam Konteks Pembangunan Negara*' yang diulas

oleh Ahmadani G. Martha dari Indonesia, Anwar Ibrahim menulis mengenai sikap dan landasan perjuangan:

"Kita perlu menyedari bahawa ketidakseimbangan antara spiritual (rohani) dan material (jasmani), duniaawi dan ukhrawi telah menggagalkan perjuangan kita untuk mencapai ide-ide yang murni itu. Ini adalah penting, kerana masalah itu semua adalah berhubung rapat dengan nilai-nilai akhlak dan soal-soal pokok umpamanya soal kebajikan (*hasanah*), kemanusiaan (*insaniah*) dan sebagainya. Dari itu penyatuan tenaga kita adalah mempunyai pengertian yang lebih dari apa yang didapati dari pertubuhan-pertubuhan pelajar yang lain dengan kebajikan biasa. Ideal yang kita pegang sekarang ke arah '*efficiency*' dan keadilan tidak harus merupakan isu penting yang sengaja hendak disesuaikan dengan semangat yang membawa, tetapi mestilah disesuaikan dengan ajaran yang hak dan sempurna, membentuk keutuhan peribadi sebagai *insan-ul kamil*".⁹¹

Di antara pembaharuan penting sesudah Anwar Ibrahim menerajui PKPIM mulai sesi 1968/1969 ialah pindaan perlembagaan PKPIM kali kedua yang melibatkan soal keahlian. Sebelum sesi 1968/1969, taraf keahlian kepada badan induk PKPIM cuma wujud di peringkat badan gabungan sahaja, tetapi setelah pindaan, keahliaan telah digolongkan kepada tiga, iaitu peringkat badan gabungan, badan cawangan dan badan bersekutu. Dengan itu, sehingga sesi 1968/1969, keahlian PKPIM meningkat kepada 29 persatuan, iaitu 18 badan gabungan, 6 cawangan dan 5 badan bersekutu dengan keahlian sekitar 16 ribu orang..

Di samping itu, pada tahap ini PKPIM turut menangani permasalahan yang dianggap mengancam '*survival*' pelajar. Contohnya pada tahun 1972, pelajar-pelajar Sekolah Arab, yakni Maktab Mahmud di Kedah telah melancarkan mogok membantah kenaikan yuran sekolah dari tiga ringgit menjadi enam ringgit. Para pelajar telah merayu,

⁹¹ Anwar Ibrahim, 'Konsep Perjuangan Pelajar-pelajar Dalam Konteks Pembangunan Negara', Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar PKPIM ke 2, di ITM pada tahun 1969.

tetapi tidak dilayan. PKPIM sebagai wadah yang mengambil berat tentang kebajikan pelajar cuba campur tangan dengan menghantar rombongan yang diketuai oleh Presidennya untuk sesi 1972/1973, iaitu Saudara Ramli Ibrahim. Malangnya, pihak yang berkenaan, iaitu Menteri Besar Kedah, Pengurus dan Pengetua sekolah tersebut enggan menerima rombongan PKPIM. Sekembalinya ke ibu pejabat, PKPIM telah menghubungi semua badan gabungan dan cawangan agar menghantar telegram kepada pihak kerajaan, mendesak supaya masalah itu diselesaikan dengan adil. PKPIM memberi amaran akan mengadakan demonstrasi secara besar-besaran di Kuala Lumpur untuk mendedahkan sikap cuai dan zalim kerajaan Kedah yang diharapkan akan menjatuhkan martabat kerajaan Kedah dan Menteri Besar, kalau permintaan itu diabaikan.

Kesannya masalah itu telah diselesaikan dengan baik dimana para pelajar sekolah tersebut dikecualikan sama sekali membayar yuran. Apa yang penting usaha PKPIM ini adalah antara komitmennya yang dapat dilihat untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai pertubuhan belia yang prihatin terhadap permasalahan generasi muda.

Perlu dijelaskan bahawa Universiti Malaya adalah pusat kegiatan pelajar pelajar yang utama pada dasawarsa 60-an dan awal 70-an. Selepas penubuhan Persatuan Bahasa Melayu (PBMUM), gerakan pelajar tampaknya mulai mendapat perhatian umum. Ini antara lain disebabkan dengan banyaknya aktiviti yang diatur untuk membicarakan persoalan-persoalan kebangsaan;

"Mulai tahun tersebut PBMUM lebih banyak mementingkan forum-forum mengenai politik, ekonomi dan pelajaran dan bukan hanya kesusteraan sahaja. Forum-forum itu termasuklah forum-forum 'soal ekonomi Bumiputera', 'faham Nasionalisme Malaysia', 'Peranan intelektual Melayu', dan 'mengenai Bangsa'

Melayu mundur'....dan di antara isu penting pernah diperbahaskan ialah masalah penubuhan Universiti Kebangsaan...⁹²

Namun begitu, pada tahap ini kegiatan pelajar Islam belum menonjol. Kebanyakan persatuan pelajar pada waktu itu dipengaruhi oleh ide-ide nasionalis dan sosialis, yang diterajui oleh beberapa orang pemimpin pelajar seperti Nordin Selat, Syed Hamid Ali, Sanusi Osman dan Rustam A. Sani.⁹³ Tetapi selepas peristiwa 13 Mei 1969, cabar mencabar antara pemimpin mahasiswa dan pihak kerajaan semakin hangat. Misalnya, bantahan terhadap kepincangan yang didakwa berlaku dalam pentadbiran Tunku Abdul Rahman telah diadakan.

Sudut pidato menjadi tumpuan pelajar. Akibatnya, pada 29 Ogos 1969 beberapa orang pelajar ditahan di bawah Undang-undang Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1969. Antaranya termasuk Hanafiah Ishak, Aziz Deraman, Yusuf Embi dan Syed Hamid.⁹⁴ Trend kelslaman mula mewarnai kegiatan pelajar apabila Anwar Ibrahim menjadi Presiden PBMUM sesi 1969 - 1970.⁹⁵ Beliau yang juga Presiden PMIUM dan PKPIM sesi 1968 - 1969, dengan menggunakan ketiga-tiga wadah tersebut, melancarkan program-program bercorak kemasyarakatan dan kelslaman. Perjuangan mereka yang paling menonjol ialah dalam 'operasi ganyang' untuk mengecat papan-papan tanda yang ditulis dalam Bahasa Inggeris.

⁹² Mohamad Abu Bakar, op. cit., 1973, hal. 12

⁹³ Ibid, hal. 38-83

⁹⁴ Op. cit., hal. 97-98.

⁹⁵ Beliau terkenal bukan sahaja kerana menjadi pemimpin utama persatuan-persatuan tersebut, tetapi kerana kelebihan semulajadi. Jabatan Sains Politik UKM mengakui bahawa beliau adalah tokoh karismatik, selain Dr. Mahathir dan Musa Hitam.

Peranan pelajar Islam tidak terbatas setakat itu. Mereka telah menganjurkan projek masyarakat yang besar melalui 'Gerakan Kempen Kesedaran atau GKK'. Tindakan itu tidak mendapat restu PMUM, lantas berlakulah cabar mencabar dan krisis antara keduanya yang membawa kepada konfrantasi terbuka. Pada 7 Oktober, pemimpin kedua persatuan mengadakan debat atas isu tuduhan '*vandalism*' PMUM terhadap PBMUM. Ketegangan ini membawa kepada masalah perkauman dan mendorong dikuatkuaskan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.⁹⁶ Menurut Mohamad Abu Bakar;

"Ia lahir dari anggapan pihak pemerintah bahawa tanpa apa-apa sekatan ke atas kegiatan politik pelajar, maka suasana di kampus akan menjadi lebih teruk - politik perkauman antara mahasiswa boleh membahayakan kedudukan masyarakat dan penentangan oleh pelajar-pelajar terhadap kerajaan boleh membahayakan kedudukan pemerintah sendiri".⁹⁷

Reaksi mereka ketika itu ialah bantahan dan menganjurkan tunjuk-tunjuk perasaan dalam usaha menegakkan visi perjuangan untuk keadilan sosio-ekonomi dengan nilai-nilai Islam. Antara demonstrasi yang besar, iaitu pad 14 Jun 1971 menentang lawatan Perdana Menteri Thailand Thanom Kittikachorn kerana membantah penindasan terhadap umat Melayu di Pattani, demonstrasi menentang campur tangan imperialis Amerika dalam Perang Arab Israel pada 13 Oktober 1973 dan demonstrasi berhubung dengan kelaparan di Baling. Akibatnya, AUKU 1971 dipinda dan diluluskan oleh parlimen pada 8 April 1975.

⁹⁶ Ada kalangan yang berpendapat bahawa masalah perkauman telah dijadikan asas mengapa diperkenalkan AUKU (Pindaan 1975). Persatuan Bahasa Tionghua UM, misalnya dikatakan mempunyai hubungan dan dijadikan landasan untuk mengembangkan ideologi komunis di kampus. Bagaimanapun, tidak ada bukti yang kukuh. (Temu bual dengan En. Basroh Hassan, Setiausaha Agung PMUKM 1973-74) di Maktab Sains MARA Kuala Lumpur, pada 17 Mac 1993.

⁹⁷ Mohamad Abu Bakar, op. cit., 1973, hal. 135.

Dalam seksyen 49-50 AUKU (Pindaan 1975) termaktub larangan persatuan-persatuan pelajar mengadakan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan luar kampus, khususnya pertubuhan politik. Memang diakui bahawa akta persatuan ini sedikit sebanyak memberi kesan ke atas hubungan ABIM dengan persatuan-persatuan mahasiswa sama ada di dalam atau di luar negeri. Gerakan-gerakan pelajar di kampus-kampus ada yang terpaksa menyisihkan diri dari kegiatan ABIM kerana sekatan-sekatan AUKU. Kegiatan mereka hanya tertumpu kepada seminar-seminar tertutup dan hubungan antara pelajar-pelajar yang berlainan universiti juga disekat.

3.1.8. Perkembangan dan Kegiatan Dalam Tahap Keempat (1974-1979)

Dalam era ini, PKPIM boleh dikatakan berada dalam suasana yang agak muram kesan dari dikuatkuasakan Akta Universiti dan Kolej (1975) ke atas semua persatuan di kampus-kampus mulai bulan Mei 1975. Dengan adanya larangan bagi badan-badan dan persatuan-persatuan di kampus menggabungkan diri dengan organisasi luar, badan-badan gabungan PKPIM di kampus-kampus yang selama ini menjadi tulang belakang keutuhan PKPIM telah digugurkan secara halus dari menjadi badan gabungan. PKPIM juga tidak dapat mengumpul wang sebagaimana yang dilakukan sebelum adanya akta.

Untuk menyambung perjuangan para pelajar, PKPIM telah mengambil inisiatif menujuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Hasrat ini telah cuba dihalang oleh pihak-pihak tertentu dan ini diakui oleh pengurus jawatankuasa penaja ABIM,

"...walau ada pihak tertentu yang cuba mendesak supaya penubuhan ABIM ditangguhkaan ..., tetapi penubuhan ABIM tidak harus disekat, kerana di negara ini banyak pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan Belia Kristian, Hindu dan lain-lain".⁹⁸

⁹⁸ Lihat Minit Mesyuarat Penubuhan PKPIM, hal. 2.

Namun demikian, ABIM akhirnya dirasmikan penubuhannya pada 8 Ogos 1971 oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan ketika itu, iaitu Datuk Sri Hamzah Abu Samah. Antara faktor yang mempengaruhi para pemimpin PKPIM untuk menubuhkan ABIM ialah kerana kesedaran para pelajar mengenai perlunya bersatu demi kepentingan umat Islam di negara ini. Menurut Anwar Ibrahim,

"Sebenarnya tidaklah semuanya mudah dalam masyarakat kita seperti yang digembar-gemborkan (oleh pihak pemerintah) dan hanya generasi muda, khususnya mahasiswa dan pelajar sebagai elemen yang sedar dalam masyarakat berkewajipan menyuarakan dengan tegas dan berani aspirasi majoriti umat Islam".⁹⁹

Di samping itu, penubuhan ABIM juga dimaksudkan agar dapat bersama-sama PKPIM memperjuangkan aspirasi belia Islam demi kepentingan ummah. Penubuhan ABIM pada mulanya tidak menggugat citra PKPIM sebagai wadah tunggal para pelajar Islam untuk menyalurkan aspirasi dan permasalahan yang dihadapi. Walau bagaimanapun, apabila Akta Universiti dan Kolej Universiti dipinda dan dikuatkuasakan pada tahun 1975, PKPIM semakin tersisih dari arena dan medan kegiatan pelajar. Sebaliknya ABIM semakin rancak berperanan dan karismatik pemimpin utamanya telah membantu ABIM menjadi wadah unggul dan menaungi persatuan-persatuan di kampus-kampus tempatan dan luar negeri.

Sebenarnya, tidak salah untuk dikatakan bahawa dikuatkuasakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975, ada hubungan dengan usaha untuk melemahkan pengaruh PKPIM, terutamanya di institusi pengajian tinggi. PKPIM adalah antara persatuan pelajar yang mempelopori demonstrasi paling besar dalam sejarah penentangan pelajar terhadap ketempangan di pihak pentadbiran negara pada 3

⁹⁹ *Buku Cenderamata Mesyuarat Agung PKPIM ke-10*, hal. 5.

Disember 1974. Pada hari itu, sekitar 8 ribu pelajar dari Universiti Malaya, UPM, UKM, dan ITM mengambil bahagian dalam demonstrasi yang sebenarnya bukan menentang Dasar Ekonomi Baru (DEB), tetapi membantah penyelewengan dalam perlaksanaannya.

Menurut PKPIM, unsur moral tidak diberi perhatian dalam dasar tersebut. Lantaran itu, PKPIM mengemukakan 12 tuntutan. Di antaranya;

- i. Supaya Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, termasuk Setiausaha Politik dan Wakil Rakyat berkhidmat dengan jujur dan berhati-hati menggunakan amanah rakyat.
- ii. Menghentikan semua projek membazir dan
- iii. Menghapuskan semua setinggan, buruh serta pekerja kilang mendapat pembelaan yang adil dan mengambil tindakan terhadap majikan yang mengeksplorasi pekerjanya.¹⁰⁰

Di samping itu, demonstrasi tersebut juga secara terbuka menyokong siri perarakan kelaparan yang ditunjukkan oleh sekitar 13 hingga 30 ribu penduduk Baling yang bermula pada 19 November 1974. Dalam hal ini, penderitaan petani-petani di Baling itu memanggil simpati pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi di Kuala Lumpur sehingga mereka turut berdemonstrasi pada 3 Disember 1974. Penentangan tersebut sudah pasti tidak diingini oleh pihak pemerintah kerana secara tidak langsung ia menunjukkan terdapatnya 'paradoks' terhadap kedudukan ekonomi rakyat di negara ini. Kesannya seramai 13 orang pemimpin pelajar, belia dan pensyarah termasuk

¹⁰⁰ *Risalah*, Disember 1974.

Presiden ABIM, Anwar Ibrahim bersama 1,128 penunjuk perasaan lainnya telah ditangkap.¹⁰¹

Berikutan dari peristiwa tersebut yang sebelumnya telah didahului oleh beberapa peristiwa demonstrasi,¹⁰² maka pihak kerajaan beranggapan bahawa tindakan itu perlu dibendung kerana tidak memberi faedah dan sumbangan untuk kerajaan. Sebaliknya, ia dianggap merosakkan negara dan masyarakat. Dengan itu, secara tergesa-gesa rang undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibentangkan untuk dipinda di mana ahli-ahli Dewan hanya diberi tempoh lima hari (3-8 April 1975) untuk mengkaji, membincang dan meluluskan pindaan itu.

Dengan kelulusan pindaan tersebut jelas memberi kesan yang amat nyata terhadap perjuangan gerakan pelajar yang didokong oleh para pelajar di menara

¹⁰¹ Untuk makluman dalam demonstrasi itu, risalah-risalah disebarluaskan antaranya berisi:

i. Dari tahun 1971-1976 sahaja jumlah modal yang mengalir keluar dari Malaysia ditaksirkan berjumlah 3,017 juta iaitu 3 kali lebih banyak dari jumlah perbelanjaan negara yang berjumlah 1.007 juta bagi Rancangan Malaysia Pertama. Dalam tahun 1969 sahaja, imperialis British telah merampas kekayaan negara kita sebanyak 2.2 juta. Jadi dalam suasana rampasan dan pemerasan yang belum pernah berlaku sebelum ini, mengapa kamu (pihak kerajaan) sibuk menjemput pelaburan asing dengan faedah dan keuntungan untuk mereka yang begitu banyak? Dengan eksloitasi secara terang-terangan terhadap pekerja dan petani kita? Dengan membebaskan pula perusahaan asing itu daripada membayar cukai. (Lihat *Far Eastern Economic Review*, Januari 1975, hal. 30).

¹⁰² Demonstrasi yang menggemparkan, iaitu pada 14 Jun 1971 sewaktu lawatan Perdana Menteri Thai, Thanom di mana lebih 1,000 pelajar dari UM-UKM mengambil bahagian kerana simpati dengan penindasan terhadap masyarakat Islam di Pattani. Sebelum itu, dalam keluaran bil. 2 Disember 1970, majalah *Suara Siswa* telah memuatkan berita-berita tentang penderitaan orang-orang Islam di Selatan Thailand, dengan tajuk : "Pattani : Bagaimana Penyelesaiannya?", telah memuatkan berita-berita perjuangan rakyat Pattani menentang kezaliman kerajaan Thailand. Permit KDN majalah itu kemudian ditarik balik dengan alasan untuk mengelakkan keretakan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Thailand. Kemudian pada tanggal 13 Oktober 1973, PKPIM telah menganjurkan demonstrasi di hadapan kedutaan Amerika di Jalan Ampang. Sekitar 500 pelajar yang menyertai demonstrasi itu telah membakar patung Menteri Pertahanan rejim Tel Aviv, Moshe Dayan yang disalut oleh bendera Amerika. Surat bantahan juga telah dihantar kepada Duta Amerika membantah campur tangan mereka serta bantuannya kepada Israel.

gading.¹⁰³ Paling ketara kesannya ialah pola aktivisme pelajar dengan pihak pentadbiran berubah menjadi bentuk hubungan pekerja-majikan.¹⁰⁴ PKPM, iaitu sebuah gerakan pelajar yang terulung di negara ini terus terkubur, sementara PKPIM dapat bertahan walaupun dalam suasana seperti 'nazak'. Memang benar bahawa akta tersebut merupakan cabaran tugas besar yang secara langsung atau tidak mengugat keberkesanan PKPIM. Tetapi, tidak salah lagi PKPIM berhasil mengatasi dugaan itu bilamana ia dapat berdikari hingga dewasa ini.

Walaupun tertekan dan pengaruhnya dilitupi oleh keberkesanan ABIM, namun pada tahap ini PKPIM tetap menjalankan aktiviti tahunannya seperti Latihan Angkatan Pendakwah-pendakwah Islam Malaysia (LAPPIM). Pada tahun 1978, satu program tahunan yang baru, iaitu 'Simposium Pimpinan Pelajar-pelajar Islam' telah dimulakan dengan tujuan menyelaraskan kegiatan-kegiatan badan gabungan PKPIM di semua peringkat negeri. Dengan adanya program itu, identiti kelslamatan PKPIM dapat dipertahankan, meskipun namanya tidak begitu menonjol kalau dibandingkan dengan suasana sebelum adanya akta.

¹⁰³ Di antara peruntukan dalam akta itu yang mengugat kesinambungan PKPIM ialah:

- a. **Seksyen 15(2):**
Melarang pelajar-pelajar universiti sebagai satu kumpulan atau badan sama ia ditubuhkan di bawah satu perlombagaan atau tidak , dapat bergabung, bersekutu atau mempunyai sebarang hubungan dengan mana-mana persatuan badan atau kumpulan orang perseorangan yang ditubuhkan di bawah undang-undang atau tidak/parti politik, kesatuan sekerja dan lain-lain pertubuhan.
- b. **Seksyen 15 A(1):**
Melarang pelajar-pelajar universiti sebagai orang perseorangan dan juga sebagai satu badan atau kumpulan daripada memungut wang atau lain-lain harta.

¹⁰⁴ Muhammad Nur Anuar, *Ledakan Ubudiyah Dalam Budaya Politik Pelajar*, Alor Setar : Pustaka Ikhwan, 1986, hal. 17.

3.1.9. Perkembangan dan Kegiatan Dalam Tahap Kelima (1979 dan seterusnya)

Dalam tiga tahun pertama pada tahap ini, perkembangan dan kegiatan PKPIM masih terpengaruh dengan suasana muram yang dapat kita saksikan dalam bahagian akhir tahap perkembangannya yang keempat. Terdapat beberapa usaha untuk kembali menaikkan reputasi PKPIM, tetapi hal itu terhalang, di antaranya kerana kedudukan ABIM yang semakin teguh. Di samping itu, PKPIM turut menghadapi masalah kewangan dan kekurangan tenaga penggerak sama ada kerana para pemimpin masih terbelenggu dengan beban akademik atau kerana beban kerja di pejabat.

Suasana kebangkitan Islam yang bahangnya turut dirasakan di Malaysia menjelang dekad 70-an turut menaikkan semangat para pendokong dan pemimpin PKPIM untuk terus mempertahankan '*survival*' gerakan pelajar Islam ini. Bagaimanapun, suasana yang mulai sihat itu menerima tamparan hebat dan kembali tergugat bilamana ABIM menghadapi krisis kepercayaan kesan daripada kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO (lama) pada tahun 1982. Suasana itu boleh wujud di antaranya kerana PKPIM semacam terikat dan seolah-olah merupakan 'anak buah' ABIM. Dalam suasana tersebut, PKPIM turut berusaha untuk memulihkan imejnya dan pendekatan utamanya ialah menyusun kembali pentadbiran PKPIM.

Perbezaan pendapat antara ABIM dengan beberapa gerakan Islam tempatan, khususnya dengan PAS mengenai cara (*wasilah*) untuk mencapai matlamat yang sebenarnya, turut sama mengikis pengaruh PKPIM. Malah selepas kelompok Islam yang dipengaruhi dan terpengaruh dengan perjuangan PAS mendominasi beberapa persatuan mahasiswa di kampus-kampus tempatan, terdapat usaha daripada golongan tertentu untuk menguasai PKPIM. Walaupun usaha untuk 'merampas kuasa' itu dapat dikesan dan dipatahkan, tetapi perpecahan antara kelompok-kelompok Islam seperti

Angkatan Tindakan Mahasiswa (ATMA) dengan Islam Penyelamat Ummah (IPU) di UKM misalnya, sudah tidak dapat dibendung.

Tentang pembabitan wanita dalam PKPIM cukup nyata kerana kelompok ini sebenarnya yang menjadi penggerak, terutamanya dibelakang tabir sehingga memungkinkan pemimpin-pemimpin PKPIM menonjol di institusi tempat mereka belajar. Walaupun pada peringkat awalnya wanita yang melibatkan dirinya dalam PKPIM, ramai yang bukan dari aliran pendidikan agama, ini tidak bererti sumbangan mereka terhad dalam ruang lingkup pentadbiran sahaja. Memang diakui perkara yang berkaitan dengan pakaian seperti pemakaian tudung, jubah atau purdah dan soal interaksi di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim, bukan isu yang paling penting pada ketika itu. Namun, peranan bahagian Hal Ehwal Wanita (HEWI) PKPIM dalam meningkatkan komitmen wanita terhadap apa yang diperintahkan Islam memang tidak dapat dinafikan. Malah merekalah yang mempelopori pemakaian pakaian menutup aurat yang pada hari ini sudah diterima dan dicontohi oleh majoriti anggota masyarakat.¹⁰⁵

3.1.10. Kesimpulan

Sejak pertengahan dekad 80-an, kedudukan PKPIM semakin mantap dan mungkin tidak salah kalau dikatakan PKPIM memasuki era kebangkitan semula.¹⁰⁶ Atas kerjasama pihak tertentu dan sejajar dengan dasar kerajaan yang memberi ruang untuk kegiatan Islam, PKPIM telah berhasil menembusi kelompok sasar yang selama ini terbelenggu dengan peraturan ciptaan manusia. Kelahiran Universiti Islam

¹⁰⁵ Pandangan bekas aktivis wanita PKPIM yang tidak mahu namanya disebutkan pada 12 November 1989 di UKM Bangi. Beliau kini seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Antarabangsa dan timbulnya fenomena pengangguran, pada dekad 80-an kesan daripada kemelesetan ekonomi adalah di antara faktor besar yang membantu bertambahnya tenaga penggerak PKPIM.

Walaupun sejarahnya penuh dengan kenyataan '*pasang surut*', tetapi tidaklah keterlaluan jika dikatakan PKPIM telah bergerak sebagai sebuah pergerakan Islam yang mencetuskan kesedaran Islamiyyah di mana kesannya dapat dirasakan hingga kini.

3.2. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) : Wadah Penggerak Belia Islam Dan Pelopor Pembebasan Ummah

3.2.1. Sejarah Penubuhan.

ABIM telah dirasmikan penubuhannya pada 6 Ogos 1971 oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Hamzah Abu Samah di Fakulti Pengajian Islam, UKM di Kuala Lumpur.¹⁰⁷ ABIM sebagai sebuah gerakan Islam telah diluluskan pendaftarannya oleh Pejabat Pertubuhan pada 17 Ogos 1972. PKPIM adalah penaja

¹⁰⁶ Pengakuan Abdul Manaf Haji Deraman, Presiden PKPIM sesi 1985/1986 di Pejabat PKPIM, Jalan Daud, Kuala Lumpur pada 15 Januari 1990.

¹⁰⁷ *Buku cenderamata Mesyuarat Agung PKPIM Ke-10*, op. cit., hal. 26

kepada gerakan ini.¹⁰⁸ ABIM diilhamkan oleh sekumpulan belia Islam yang telah menjalani dan menghadapi persediaan yang lama dan lengkap sebagai pekerja-pekerja Islam (*da'i*) di universiti-universiti dan maktab-maktab dalam dan luar negeri. Pergerakan ini bermaksud menyediakan landasan baru agar aktivis-aktivis PKPIM yang akan meninggalkan alam kampus dapat melanjutkan kegiatan Islam mereka. Ini juga berkaitan dengan hakikat bahawa belum ada lagi satu persatuan belia Islam yang benar-benar dapat mewakili belia-belia Islam di Malaysia ketika itu.¹⁰⁹

¹⁰⁸ Ibid., hal. 3. Antara ahli jawatankuasa penajanya, iaitu:

Pengerusi	:	Anwar Ibrahim
Setiausaha	:	Fauzi Abdul Rahman
Bendahari	:	Sanusi Junid
Jawatankuasa	:	Mohd Zain Haji Hamzah
	:	Dasuki Haji Ahmad
	:	Mahmod Kitom
Jawatankuasa (dijemput)	:	Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin (Penasihat Undang-Undang)
	:	Abdullah Malim Baginda (Wakil KKBS)

Ahli Jawatankuasa Penaja Rasmi 1971.

Presiden	:	Wahab Abdullah
Timbalan Presiden	:	Sulaiman Nor
Timbalan Presiden	:	
Antarabangsa	:	Wan Ismail Wan Ibrahim
Setiausaha Agung	:	Fauzi Abdul Rahman
Setiausaha Kewangan	:	Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman
Naib Setiausaha Agung	:	Ahmad Ismail Ridzuan Halim
Setiausaha Kebajikan	:	Mahmood Kitom
Setiausaha Perhubungan	:	Anwar Ibrahim
Setiausaha Dakwah	:	Sanusi Junid
Setiausaha Wanita	:	Faridah Tan Sri Hussein

(Lihat "Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1976) : Senarai 25 Tahun Pimpinan ABIM Pusat", *Buku Cenderadura Menghimbau 25 tahun Perjuangan ABIM*, Kuala Lumpur, 1996, hal. 2.)

¹⁰⁹ *Majalah Dialog*, 1975, hal. 60

Perlu dijelaskan bahawa ada beberapa isu yang telah dibincangkan sebelum penubuhan ABIM. Menurut Sanusi Junid,¹¹⁰ beliau asalnya mencadangkan supaya pertubuhan ini dinamakan sebagai Angkatan Dakwah Malaysia (ADAM). Bagaimanapun Anwar Ibrahim selaku Presiden PKPIM pada waktu itu, dan beberapa orang sahabat mereka yang lain tidak setuju dengan cadangan tersebut, sebab ini akan menyekat peluang mereka untuk bergiat dan memimpin ABIM, ketika mereka mencapai status belia selepas tidak lagi menjadi pelajar.

Satu perkara lagi ialah siapakah yang patut dipilih untuk menjadi Presiden ABIM yang pertama. Menurut Sanusi Junid lagi, mereka telah bertemu dengan Ustaz Usman El-Muhammady dan meminta beliau supaya memimpin ABIM, tetapi permintaan itu tidak dapat dipenuhi atas alasan beliau belum bersedia.¹¹¹ Para penaja ini kemudian menemui Syed Muhd Naquib al-Attas.¹¹² Memandangkan reaksinya yang 'kurang positif', maka Razali Nawawi yang baru balik sesudah menamatkan pengajian di London telah dipilih sebagai Presidennya yang pertama.¹¹³

¹¹⁰ Pengakuan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid sewaktu memberi ucapan alu-aluan dalam jamuan yang diadakan di Dewan Besar Institut Perguruan Danul Aman (IPDA), Jitra ,Kedah sempena Muktamar Sanawi ABIM ke 26 pada 10-13 September 1997.

¹¹¹ Pendakwah bebas dari Kelantan dan sekarang Fellow Kehormat di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

¹¹² Dalam ABIM, beliau menjadi orang yang bertanggungjawab mengasaskan landasan dan hala tuju intelektualnya melalui siri ceramah dan diskusi ilmu. Beliaulah orang yang mengilhamkan logo ABIM dan mencetuskan ide penerbitan dan penamaan risalah ABIM. Sekarang Prof. Dr Syed . Muhd Naquib ialah pengasas ISTAC.

¹¹³ Pada tahun 1971, beliau kembali ke Malaysia dan ketika itu ABIM baru sahaja ditubuhkan tetapi belum didaftarkan. Apabila didaftarkan pada tahun 1972, dalam mesyuarat pertama beliau telah dilantik sebagai presiden dan Anwar Ibrahim(sekarang ini YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia) sebagai setiausaha Agung. Lihat Razali Nawawi, "Penubuhan Sebuah Gerakan" dalam *ABIM (1971-1976)*, Ibid, hal. 15.

Penubuhan ABIM besar maknanya kerana ia memberi ruang untuk menampung dan memenuhi keperluan yang mendesak bagi mengadakan sebuah organisasi untuk belia-belia Islam dan pelajar-pelajar. Selain itu, ia juga berperanan untuk menambah dan melengkapkan institusi-institusi Islam dan aktiviti-aktiviti Islam dengan lebih giat lagi untuk faedah umat Islam di Malaysia dan dirantau ini. ABIM berusaha memberi kesedaran bahawa Islam itu ialah satu 'al-Din' yang merangkumi segala aspek kehidupan supaya insan insaf dan sedar akan amanahnya, sebagai Khalifah Allah dibumi ini dan untuk mencapai kejayaan di dunia serta akhirat. Ringkasnya, ABIM berusaha dan berjuang bagi membina satu masyarakat yang berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

ABIM adalah sebuah wadah belia yang berbeza dengan persatuan-persatuan belia yang lainnya ketika itu. Walaupun terdapat beberapa badan belia yang aktif, termasuk Majlis Belia Malaysia yang telahpun wujud sebelum merdeka lagi, namun penekanan terhadap aspek spiritual dan dakwah ternyata kabur. Bekas Presiden ABIM yang pertama, Razali Nawawi pernah menyentuh kenyataan itu;

"Gerakan ABIM ini memang bertujuan untuk memenuhi kekosongan yang telah tidak diperjuangkan oleh mana-mana pertubuhan di Malaysia".¹¹⁴

Memang harus diakui bahawa generasi muda dasawarsa pertama selepas merdeka terdedah dengan persatuan-persatuan yang aktivitinya tertumpu di sekitar budaya, sukan dan kegiatan-kegiatan sosial lainnya, sedangkan kegiatan bercorak kerohanian tidak begitu jelas. Hakikat itu diakui oleh Presiden ABIM kedua, Saudara Anwar Ibrahim;

¹¹⁴ *Risalah*, Ogos/September 1974, hal. 10.

"In early 1960's, almost all the activities of youth organizations were confined to youth games and sport, youth festivals, work-camps, cultural performances, etc. These activities of course, received strong support from the government through the Ministry of Culture, Youth and Sport".¹¹⁵

Berdasarkan realiti tersebut, kelahiran ABIM dapat dilihat sebagai suatu usaha murni untuk menyebarkan benih dakwah kepada masyarakat dengan cara teratur dan menggunakan wadah yang diiktirafkan kewujudannya sebagai sebuah pergerakan Islam. Gerakan yang dimaksudkan mempunyai ciri-ciri gerakan Islam yang sebenar dalam konteks memperjuangkan tuntutan Islam sepenuhnya. Ini kerana gerakan Islam itu sendiri mempunyai ciri-ciri tertentu yang mencakup ciri-ciri penyatuan, penyusunan organisasi dan perencanaan yang rapi bagi mencapai matlamat yang jelas. Tegasnya, kelahiran ABIM merupakan usaha ke arah pembentukan sebuah gerakan Islam yang mempunyai ciri-ciri *takwim* (pembentukan), *tanzim* (perencanaan) dan *ghayah* (matlamat) yang jelas.¹¹⁶

3.2.2. Tujuan ABIM.

Sebagai sebuah gerakan Islam yang berorientasikan massa, ABIM memang tidak terlepas daripada dikaitkan dan mengaitkan dirinya dengan gerakan-gerakan dalam konteks *salafi* (pemurnian kembali ajaran-ajaran Islam) yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh pembaharuan Islam seperti Ibnu Taimiyah dan tokoh-tokoh selepasnya. Ini bukan sesuatu yang luar biasa kerana gerakan Islam antarabangsa seperti *Ikhwan al-Muslimin* dan *Jamaat al-Islamy* umumnya mendapat inspirasi dari gerakan yang

¹¹⁵ Anwar Ibrahim, "Problems and Changing Roles of Malaysian Youth" dalam Yung Mun Cheong, *Trends in Malaysia*, ISEAS, 1974, hal. 81-82

¹¹⁶ Siddiq Fadhil, "*Membina Generasi*", Ucapan Dasar Sempena Muktamar Senawi ABIM ke 10, Kuala Lumpur : Dewan Tunku Canselor , Universiti Malaya, Ogos 1981.

dipelopori Ibnu Taimiyah, yang diteruskan oleh Ibnu al-Qayyim (1292-1350), Muhammad Abdul Wahhab (1707-1787) dan dilanjutkan oleh Jamaluddin Al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha.¹¹⁷

Kehadiran ABIM dalam masyarakat memang diketahui umum kerana ia merupakan gerakan yang berdaftar dengan pendaftaran pertubuhan Malaysia. Sejajar dengan itu, ABIM menjelaskan segala perkara yang berhubung dengan matlamat, objektif dan kaedah serta kegiatannya di dalam sebuah perlembagaan yang disahkan. Objektif dan tujuannya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan ABIM, Bab 2 (2.1-2.5) adalah seperti berikut:

- i) Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiyyah sesuai dengan ajaran asasi al-Qur'an al-Karim dan sunnah Rasulullah SAW.
- ii) Menjalankan dakwah Islamiyah dengan cara yang progresif kepada seluruh lapisan masyarakat.
- iii) Menggembelingkan tenaga belia Islam seluruhnya dan mengarahkannya untuk kebaikan masyarakat.
- iv) Mewakili belia-belia Islam Malaysia di persidangan-persidangan luar negeri.
- v) Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang tidak berlawanan dengan ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah.¹¹⁸

Bagi mencapai objektif tersebut, beberapa pendekatan dan kaedah perjuangan juga telah ditentukan. Ini termasuklah berusaha untuk menanam dan memupuk

¹¹⁷ Mohd Nor Nawawi, "Gerakan Islam di Malaysia", Kertas Kerja. Dibentangkan dalam **Seminar Gerakan Islam di Dunia Melayu** di Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya pada 16 Disember 1986, hal. 16.

¹¹⁸ Lihat Brosur bertajuk *ABIM Satu Pengenalan*, diterbitkan oleh Biro Penerangan ABIM Pusat, tanpa tahun.

pengertian Islam dari semua segi, menjalankan rancangan-rancangan yang bertujuan meninggikan taraf hidup umat Islam di segenap lapangan hidup, menjalankan kerja-kerja kebaikan untuk belia-belia Islam, menerbitkan akhbar, majalah dan risalah-risalah tertentu, membantu badan-badan dan persatuan yang benar-benar perlu bantuan, menjadi wakil dengan sepenuhnya untuk membincangkan masalah belia-belia Islam dengan pihak bertanggungjawab dan menjalankan lain-lain pengenalan yang dianggap munasabah dan mustahak guna meluaskan ruang lingkup tujuan pertubuhan dari masa ke masa.¹¹⁹ Dengan itu dapat disebut bahawa ABIM mempunyai visi dan misi yang besar yang melihat dan memberi alternatif bahawa Islam adalah penyelesaian kepada segala permasalahan umat, terutamanya generasi muda yang tidak berwawasan.

3.2.3. Struktur Pentadbiran

Dari aspek pentadbiran, ABIM merupakan pertubuhan berdaftar yang bergerak dengan strukturnya sendiri. Sejak ditubuhkan, urusan pentadbirannya dikelolakan oleh Setiausaha Agung dan dibantu oleh Setiausaha Kerja serta beberapa pembantu lain bertaraf kerani. Pusat pentadbiran ABIM telah berpindah beberapa kali. Ia bermula di No. 70, Jalan Hamzah, Kampung Baru; di No. 3, Jalan Pantai Dalam, Damansara Heights; No. 208, Jalan Daud, Kampung Baru; Banguna UDA, Jalan Pantai Baru, semuanya di Kuala Lumpur; Kampung Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor, Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor dan kini berpusat di Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur.

¹¹⁹ Lihat *Perlembagaan ABIM*, Bab 3, hal. 2.

Pentadbiran ABIM dikelolakan oleh beberapa jawatankuasa, iaitu Muktamar Belia Islam (MBI), Jawatankuasa tetap, Jawatankuasa Khas, Jawatankuasa Negeri/Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Daerah dan Jawatankuasa Unit. MBI merupakan badan penguasa tertinggi yang dianggotai wakil-wakil yang ditetapkan oleh jawatankuasa Negeri, daerah dan ahli jawatankuasa kerja pusat. MBI adalah persidangan agung tahunan yang berkuasa melantik Jawatankuasa Kerja Pusat, Jawatankuasa Tetap dan Khas serta menentukan perjalanan persidangan agung tahunan, selain mengawasi perjalanan kegiatan pergerakan ini. Di samping itu, ABIM juga mempunyai Majlis Syura, iaitu jawatankuasa khas yang ditubuhkan mengikut peruntukan perlembagaan 5.1.3.4 Keanggotaannya tidak tetap dan fungsinya menyelesaikan masalah dalaman. Sejajar dengan peredaran masa, beberapa pindaan kecil telah dilakukan, terutamanya berkaitan dengan kedudukan jawatankuasa pusat. Antara lain, diwujudkan 2 jawatan Naib Presiden dan penukaran Biro Pelajaran dan Penyelidikan kepada Biro Pendidikan bagi meluaskan ruang lingkup kegiatannya.¹²⁰

Dalam Bab 5 perlembagaan ABIM, disebutkan bahawa Muktamar Belia Islam juga mempunyai bidang tugas dan kuasa mengawasi pergerakan seperti Jawatankuasa Kerja Pusat, meluluskan cadangan belanjawan, meminda perlembagaan, menyemak atau membetul, meminda serta menerima dan mengesahkan semua keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat. Ia juga berhak menerima perletakan jawatan seperti Presiden dan ahli exco yang utama dan berhak mengisi kekosongan-kekosongan tersebut.

¹²⁰ *Laporan Tahunan 1979/1980*, Sempena Muktamar Senawi ke 9, 28-31 Ogos 1980, hal. 21.

Sementara itu, Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM bertanggungjawab kepada MBI. Ia terdiri dari Presiden, Timbalannya dan Naib Presiden, Setiausaha Agung, Ketua Perhubungan , Ketua Penerangan, Ketua Kebajikan, Ketua HELWA, Ketua Dakwah , Ketua Biro Pendidikan, Ketua Biro Ekonomi dan Ketua Biro Penerbitan. Ketua-ketua Biro pula biasanya dipertanggungjawabkan mengetuai biro masing-masing.

Pergerakan ABIM di peringkat negeri/Wilayah Persekutuan diketuai oleh Yang Dipertua. Jawatan Yang Dipertua dan lima orang ahli Jawatankuasa Negeri dipilih berasaskan cadangan oleh Jawatankuasa Daerah atau melalui pertimbangan Jawatankuasa Kerja Pusat sendiri. Lazimnya, ahli jawatankuasa selain daripada di atas dipilih melalui Muktamar Negeri.¹²¹ Dalam pada itu, ABIM peringkat daerah telah diberi kuasa penuh untuk menentukan kedudukan jawatankuasa daerah. Walau bagaimanapun, pemah berlaku pemilihan Jawatankuasa Daerah dibuat berasaskan cadangan atau nasihat yang dibuat oleh pimpinan ABIM Negeri. Tetapi, cadangan tersebut masih memerlukan pengesahan Muktamar Tahunan Daerah.

ABIM peringkat unit merupakan peringkat terkecil dan paling bawah dalam struktur pentadbiran dan organisasi ABIM. Pergerakannya adalah tertakluk di bawah pengawasan pimpinan ABIM Daerah sepenuhnya.¹²² Manakala jumlah unit-unit ABIM di dalam sesebuah daerah bergantung kepada jumlah ahli-ahli yang terdapat di sesebuah kawasan yang difikirkan layak sebagai status unit. Dengan ini ternyata bahawa tingkat tertinggi dalam hiraki pentadbiran dan organisasi ABIM ialah Muktamar Belia Islam

¹²¹ Lihat, *Perlembagaan ABIM*, op. cit., Bab 5 (5.2.2.5 - 5.2.2.14)

¹²² Ibid. Bab 5 (5.4.8)

(MBI), diikuti oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, Jawatankuasa Biro-biro, Jawatankuasa ABIM Negeri, Jawatankuasa ABIM Daerah dan Jawatankuasa ABIM unit.

Dalam usaha untuk memperkemaskan pentadbiran dan perlaksanaan program atau aktiviti-aktiviti ABIM, jawatankuasa-jawatankuasa kecil tertentu telah dibentuk yang terdiri daripada mereka yang mempunyai minat dan keahlian di bidang-bidang yang diamanahkan. Khususnya di peringkat pusat, jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan ialah jawatankuasa Tamrin, Jawatankuasa Usrah, Jawatankuasa Muktamar, Jawatankuasa Kewangan, Biro Dakwah, Biro Pendidikan, Jawatankuasa Antarabangsa, Biro Ekonomi, Biro Penerangan, Biro Penyelidikan, Biro HELWA, Sidang Pengarang Risalah, Dewan Pustaka Islam(DPI), Koperasi Belia Islam (KBI), Jawatankuasa bangunan, Perpustakaan Islam dan Jawatankuasa Siswazah Muda.¹²³ Pada dasarnya, jawatankuasa-jawatankuasa tersebutlah yang merancang dan menerokai program-program atau projek tertentu dan tersendiri dalam usaha memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti ABIM dari masa ke masa.

Sehubungan dengan itu, pihak ABIM Negeri juga turut mempunyai program sendiri berdasarkan tahap kemampuan yang ada, di samping memenuhi kegiatan yang dianjurkan oleh ABIM Pusat. Walau bagaimanapun program-program ABIM Negeri perlulah mendapat restu daripada ABIM Pusat agar aktiviti atau program tersebut tidak bertindan dengan program yang dijalankan oleh ABIM Pusat. Ia juga bertujuan untuk

¹²³ *Laporan Tahunan ABIM Pusat 1979/1980*, hal. 4 -5.

memastikan program tersebut tidak bercanggah dengan dasar dan matlamat yang digariskan oleh Perlembagaan ABIM sendiri.¹²⁴

3.2.4. Kegiatan-kegiatan ABIM.

ABIM adalah wadah Islam yang bergerak pantas. Sehingga kini, jenis dan skop aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan terus bertambah. Dengan pertambahan dan peningkatan aktiviti-aktiviti tersebut menunjukkan bahawa ABIM itu sendiri berkembang untuk menuju ke tahap yang lebih matang. Walau bagaimanapun, rasanya tidaklah wajar untuk menyenarai dan memperincikan keseluruhan aktiviti dan program tersebut, tetapi memadailah sekadar menyentuh beberapa aspek dan penjenisan aktiviti yang dianggap popular dan penting bagi menggambarkan secara umum perjuangan ABIM itu sendiri.

Secara umumnya, segala bentuk dan jenis program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh ABIM itu adalah bertujuan untuk memenuhi beberapa matlamat, terutamanya bagi mempertingkatkan pengurusan dan organisasi, kualiti kepimpinan dan penerusan dakwah kepada masyarakat. Dapat dikatakan terdapat tiga bentuk program atau aktiviti ABIM, iaitu aktiviti dalaman, aktiviti luaran dan aktiviti bersama. Aktiviti dalaman adalah merujuk kepada program-program yang bertujuan untuk mempertingkatkan pengurusan organisasi, kualiti keahlian dan kepimpinan dari segi *iltizam* (*commitment*), *fikrah* (*thought*) atau seumpamanya. Aktiviti luaran pula merupakan suatu program dakwah kepada ahli dan masyarakat umum dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman Islam dalam konteks menghayati Islam

¹²⁴ Temubual dengan Mohd Amuar Tahir (Setiausaha Agung ABIM), pada 5 haribulan Oktober 1989 di Pusat Latihan ABIM, Kajang, Selangor.

sebagai satu cara hidup. Manakala aktiviti bersama pula adalah merujuk kepada suatu program yang dianjurkan bersama dengan badan-badan, pertubuhan atau agensi-agensi kerajaan tertentu demi kepentingan dan manfaat bersama, khususnya dalam konteks penerusan kerja-kerja dakwah di negara atau di rantau ini.

Usrah adalah antara aktiviti yang mengukuhkan pergerakan ABIM. *Usrah* bererti keluarga. Ia berupa satu program 'wajib' dan tetap di kalangan ahli-ahli ABIM bermula dari pimpinan tertinggi sehingga di peringkat unit. Dalam mana-mana pertubuhan dakwah sekalipun, *usrah* ini terus diadakan mengikut jadual kekerapan tertentu. Sesuatu *usrah* diadakan bertujuan untuk membentuk ikatan dan *ukhuwwah Islamiyyah* (persaudaraan Islam), di mana ahli-ahli *usrah* akan dilatih dan dipupuk semangat dan kesedaran Islam serta *esprit de corp* di samping memberi pengisian ilmu agama dan selok belok dakwah atau perjuangan serta membentuk *wahdat al-fikr* (kesatuan pemikiran)¹²⁵ di kalangan ahli-ahli tersebut. Lebih jauh dari itu, pemupukan tersebut diharapkan akan dapat melahirkan golongan *hard-core* yang mempunyai *fikrah Islamiyyah* (pemikiran Islam) yang jelas dan mampu pula untuk menjadi 'model' dari segi akhlak Islam di kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, *usrah* itu sendiri mempunyai *syllabus* atau sukatan tertentu berdasarkan tahap atau *manhaj* yang telah ditentukan. Biasanya, sukatan ini ditentukan mengikut kriteria tertentu yang mencakup dari ukuran keilmuan, *ittizam* (*commitment*) serta tahap pergerakan sama ada di peringkat unit, daerah, negeri atau pusat. Dalam konteks ini, pihak pusat akan menetapkan teks-teks tertentu untuk pengisian *usrah*.

¹²⁵ Lihat *Ucapan Dasar*, Muktamar Sanawi ABIM ke 4, di Kolej Islam Kelang, pada 7 hb. Dis. 1975, hal. 2

Disamping itu, *naqib-naqib* (ketua-ketua usrah) akan diberi latihan atau *tarbiyah* dari masa ke masa untuk mempastikan keberkesanannya *usrah*.¹²⁶

Ada tiga rukun *usrah* yang dihayati atau diamalkan, iaitu apa yang disebut sebagai *Al-Ta'aruf* (perkenalan), *Al-Tafahum* (persefahaman) dan *Al-Takaful* (keseimbangan) menurut model pemikiran Syaikh Hasan al-Banna, pengasas *Ikhwan al-Muslimim*.¹²⁷ Secara ringkasnya, konsep *Al-Ta'aruf* ini adalah satu rukun yang menuntut pembentukan kasih sayang, cinta kerana Allah dan pembentukan *Ukhuwwah Islamiyyah* yang sejati sesama ahli. *Al-Tafahum* pula merujuk kepada usaha bersama untuk berpegang kepada nilai-nilai kebenaran dengan mengerjakan perintah Allah serta meninggalkan larangannya. Dalam konteks ini, *Muhasabah* (*self-correction*) adalah intipati bagi rukun kedua ini dalam ertikata nasihat menasihati sesama sendiri kerana Allah demi kebaikan bersama. Rukun *Al-Takaful* pula adalah merujuk kepada usaha dan dasar memelihara atau membela nasib bersama dari semua segi yang semampu dilaksanakan. Ini termasuklah usaha-usaha penyelesaian masalah, kesulitan, kelemahan dan bertukar-tukar fikiran serta pengalaman dalam semua kes yang membabitkan kepentingan ahli-ahli semaksimum mungkin.

Dengan menghadiri dan penghayatan *usrah*, maka diharapkan segala kekurangan dan kelemahan ahli akan dapat diatasi seterusnya dapat melahirkan para pendakwah (*du'a'i*) yang mempunyai ciri-ciri perwatakan keperibadian Islam yang jelas dari segala aspek sebagai seorang pendakwah.

¹²⁶ Antara teks-teks yang digunakan termasuk kitab-kitab tafsir seperti *Tafsir Fi Zilalil Quraan* dan *Tafsir Ibnu Kathir*; Buku-buku selok belok perjuangan seperti *Peraturan dan Arahan* dan *Usuhul "Isyrin*, buku sejarah Nabi Muhammad seperti *Sirah Ibnu Hisyam*. Di samping itu juga turut dibincangkan kertaskerja tertentu untuk memahami dengan mendalam berhubung dengan Pergerakan ABIM dan isu-isu semasa.

¹²⁷ Hassan al-Banna, *Usrah dan Da'wah*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, 1979, hal. 5.

Selain daripada *usrah*, *tamrin* (kursus kepimpinan) juga merupakan salah satu aktiviti tetap ABIM. Tujuan dan matlamat *tamrin* ini tidak banyak perbezaannya dengan tujuan dan matlamat *usrah* itu sendiri. Cuma, konsep *tamrin* ini agak lebih menyeluruh mencakupi *tarbiyyah* (pendidikan) dan latihan berhubung dengan pengendalian organisasi, kepimpinan dan selok belok perjuangan atau dakwah. Pada dasarnya *tamrin* ini merupakan program tahunan untuk mempertingkatkan keupayaan dan kualiti kepimpinan (*qiyadah*) serta pekerja-pekerja Islam dari masa ke masa.

Walau bagaimanapun, kekerapan *tamrin-tamrin* ini masih bergantung kepada suasana dan keperluan-keperluan tertentu semasa mengikut pertimbangan dan perkiraan pimpinan peringkat tertentu. Untuk mempermudahkan perlaksanaan *tamrin* dan *usrah* ini, pihak ABIM Pusat telah membentuk lima zon bagi menyelaraskan program-program tersebut. Zon-zon yang dimaksudkan itu ialah Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Sabah-Sarawak.¹²⁸ Dengan terbentuknya penyelarasani ini, maka diharapkan segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam aspek *tarbiyyah* (*usrah* dan *tamrin*) akan dapat diperbaiki dan dipertingkatkan dari masa ke masa. Perhatian berat ABIM terhadap program *usrah* dan *tamrin* ini dapat kita lihat dari peringatan-peringatan yang diberi oleh para pemimpinnya,

"Seperti yang saudara sedia maklum bahawa *Tamrin* adalah merupakan salah satu program *tarbiyah* yang utama dan terpenting selain daripada program *usrah* di dalam konteks harakah ABIM. Oleh itu penyertaan di dalam program ini adalah menjadi pra-syarat kepada pemantapan organisasi *harakah* kita dan wajar diberi perhatian".¹²⁹

¹²⁸ Penjenisan *tamrin* yang pernah dilaksanakan termasuklah *Tamrin Nuqaba*; (kursus para Naqib *Usrah*). *Tamrin Qiyadi Khas* (Kursus Kepimpinan Khas) dan *Tamrin Al-Kader* (Kursus Kepimpinan). Lihat *Laporan Tahunan ABIM Pusat*, 1979.

¹²⁹ Pesanan Ustaz Mokhtar Shafie (bekas exco ABIM Pusat) yang dimuatkan dalam buku cenderamata sempena *Tamrin ABIM Petaling* di Subang Jaya pada 16 -17 Feb. 1988.

ABIM juga melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Namun begitu, sebenarnya tidak ada suatu program atau projek ekonomi yang besar dan khusus dilaksanakan oleh ABIM pada peringkat awal pergerakannya. Oleh itu, Shamelin (Syarikat Melayu Internasional) yang pernah dikaitkan sebagai projek ekonomi ABIM adalah tidak tepat. Apa yang berlaku ialah, projek tersebut hanyalah secara kebetulannya dirancang dan dilaksanakan oleh Sanusi Junid, salah seorang pemimpin ABIM waktu itu, dan juga tenaga penting dalam perjalanan syarikat tersebut. Sungguhpun begitu, tidak dinafikan bahawa ABIM secara tidak langsung telah banyak membantu operasi syarikat tersebut atas sifat sebagai sebuah projek untuk mempertingkatkan kebajikan dan ekonomi orang-orang Melayu ketika itu.¹³⁰

Dalam pada itu, ABIM peringkat negeri juga turut mengambil inisiatif melancarkan beberapa projek atau aktiviti ekonomi secara kecil-kecilan dan kerap kali tidak dapat bertahan lama. Sehingga ini, projek ekonomi terbesar yang pernah dilancarkan oleh ABIM ialah penubuhan Koperasi Belia Islam Sendirian Berhad (KBI)¹³¹ pada 30hb. Mei 1977 dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan kebajikan dan ekonomi bagi kemudahan ahli-ahli ABIM khasnya dan orang-orang Islam amnya. Menurut undang-undang kecil Koperasi Belia Islam (KBI), antara lain objektif yang diperuntukkan ialah;

- i) Menjalankan aktiviti-aktiviti perdagangan termasuklah fungsi-fungsi pengguna dan agensi-agensi tertentu.
- ii) Menjalankan aktiviti-aktiviti perindustrian.

¹³⁰ Temubual dengan Mohd Anuar Tahir (Setiausaha Agung ABIM).

¹³¹ Kajian yang agak terperinci mengenai KBI dilakukan oleh Ustaz Muhammad Kassim(pensyarah UPM) dalam Tesis Diploma Pengajian Islam (lepasan ijazah) Fakulti Pengajian Islam UKM, sesi 1987/1988.

- iii) Memiliki tanah dan mendirikan bangunan atau rumah-rumah kediaman untuk ahli-ahli atau membeli rumah-rumah dan tapak-tapak rumah serta menjual, memajak, memindah tanah-tanah dan rumah-rumah itu kepada ahli-ahli.
- iv) Menubuh, menyelenggara dan menjalankan atau membantu perjalanan sekolah, kolej-kolej, institusi-institusi, surau-surau dan madrasah untuk faedah ahli-ahli dan anak-anak mereka dan secara am memaju dan membantu dalam pelajaran dan latihan ahli-ahli dan anak-anak mereka.
- v) Melabur modal dalam saham-saham swasta dan awam dengan kebenaran Ketua Pendaftar.
- vi) Menjalankan kegiatan percetakan, penerbitan buku, majalah dan lain-lain.¹³²

Melihat kepada objektif-objektif tersebut, ternyata bahawa kewujudan KBI itu bukanlah semata-mata atas dasar untuk mendapatkan keuntungan maksima, tetapi lebih bersifat suatu kegiatan untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada ahli-ahli, khususnya untuk mendapatkan beberapa kemudahan, keperluan dan urusniaga yang bersifat '*Islamic*' tanpa membabitkan bunga (*interesf*) atau *riba*' yang menjadi ciri utama kegiatan ekonomi moden hari ini. Sehubungan dengan itu, KBI telah menggunakan beberapa kaedah yang diizinkan oleh Islam dalam mengendalikan urusan atau kegiatan-kegiatan KBI. Hakikat ini ada dinyatakan seperti berikut;

"Untuk melepaskan para ahli daripada belenggu amalan riba dalam usaha mereka mendapatkan peralatan rumah, kenderaan dan tempat kediaman. Perlaksanaannya ialah berperingkat-peringkat mengikut kemampuan KBI".¹³³

¹³² Lihat *Undang-undang Kecil*, Koperasi Kebangsan Belia Islam Malaysia Berhad, ABIM, Bab 4, hal. 2-3.

¹³³ *Laporan Tahunan KBI 1982/1983*, hal. 14.

Sehingga kini skim yang telah dan sedang dijalankan oleh KBI meliputi penggunaan prinsip *al-Wadi'ah*, *al-Mudharabah*, *al-Bai't Bithaman 'Ajil* dan *al-Qadr al-Hasan*. Misalnya, peraturan pertaruhan (simpanan) dilaksanakan di bawah konsep *al-Wadi'ah*, iaitu dengan kerelaan ahli, wang yang tidak digunakan buat sementara waktu itu menjadi modal pusingan kepada KBI sendiri. Konsep *al-Mudharabah* pula dilaksanakan dalam konteks pembahagian nisbah untung dari pelaburan. Manakala prinsip *al-Bai't Bithaman 'Ajil* dilaksanakan dalam skim sewa beli di mana KBI membeli barang-barang yang diperlukan oleh ahli-ahli dan dijadualkan kepada ahli-ahli tersebut tanpa amalan riba. Skim pendahuluan (pinjaman) kecemasan adalah berdasarkan prinsip *al-Qadr al-Hasan*.¹³⁴

Apa yang paling menarik kesan kewujudan KBI ini ialah terlaksannya skim-skim tertentu yang berdasarkan prinsip *mu'amalat* (urusniaga) dalam Islam. Dengan ini dapat dikatakan bahawa perlaksanaan prinsip-prinsip tersebut adalah mendahului mana-mana institusi-institusi kewangan atau perdagangan di negara ini, termasuklah Bank Islam sendiri. Pihak ABIM terus berikhtiar untuk menambahkan bilangan ahli-ahli ABIM supaya menyertai KBI ini dari masa ke masa. Walau bagaimanapun, petanda-petanda awal

¹³⁴ Ibid, hal. 17

menunjukkan bahawa pertambahan ahli-ahli KBI ini terus meningkat.¹³⁵ Seandainya keadaan ini berterusan, KBI bukan sahaja dapat meluaskan lagi kegiatan-kegiatan ekonominya, tetapi lebih jauh dari itu KBI akan mampu menjadi 'model' yang baik untuk menggalakkan pertumbuhan lebih banyak aktiviti ekonomi yang bersifat Islam dan sekali gus akan menempatkan dirinya sebagai sebuah koperasi yang berjaya di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Biro Penerbitan ABIM juga tidak kurang pentingnya dalam memperkuuhkan kedudukan kewangan dan ekonomi ABIM. Biro ini antara lainnya menjalankan usaha penerbitan buku-buku, majalah-majalah dan bahan-bahan bacaan lainnya untuk ahli-ahli dan masyarakat umum. Biro ini dijangka akan terus berkembang ke tahap penerbitan yang lebih besar dan menyeluruh. Dalam pada itu, kewujudan Dewan Pustaka Islam (DPI) yang mempunyai hubungan erat dengan Biro Penerbitan ini bukan sahaja akan membantu menyebarkan syiar Islam menerusi penerbitan, tetapi juga akan terus memperkuuh kedudukan kewangan ABIM dalam usaha membantu penerusan kegiatan dakwah dengan lebih meluas.

¹³⁵ Jadual Kedudukan Ahli KBI hingga 31 hb. Oktober 1985.

Negeri	30hb. November 1984	31hb. Oktober 1985
Perlis	072	090
Kedah	277	297
Pulau Pinang	114	139
Perak	452	487
Selangor	532	612
Wilayah Persekutuan	358	438
Melaka	147	169
Negeri Sembilan	134	146
Johor	232	253
Pahang	259	296
Terengganu	130	144
Kelantan	127	135
Sabah	009	016
Sarawak	005	006
JUMLAH	2,839	3,228

Sumber: Laporan Tahunan 1404 -1405 / 1984 -1985 Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad
Dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31hb. Disember 1984, sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 7, hal. 14.

ABIM juga menyedari bahawa sebuah media untuk memuatkan suara-suara rasmi adalah suatu perkara yang maha penting. Melalui 'lidah rasmi' seperti inilah, segala maklumat , berita dan risalah perjuangan dapat disalurkan dengan sebaik mungkin dari masa ke masa. Dari suatu aspek lain pula, kewujudan media rasmi ini merupakan suatu ciri yang tidak dapat dipisahkan dengan pertubuhan yang bersifat sebagai kumpulan pendesak (*pressure group*).

Risalah merupakan '*lidah rasmi*' ABIM yang lahir kira-kira empat tahun selepas penubuhan ABIM. Kelahirannya adalah tepat dengan suasana berleluasanya pencemaran fakta, pemalsuan data, penyelewengan berita dan propaganda melulu. Hal ini dapat disedari dengan penguasaan tali barut Yahudi terhadap syarikat-syarikat atau agensi-agensi berita utama yang telah menunjukkan sikap permusuhan yang menebal terhadap kesucian Islam.¹³⁶ Sehubungan dengan itu, ABIM merasakan bahawa media massa kita juga secara sedar atau tidak, ikut terlibat dan bersubahat dalam 'konspirasi' penyembunyian hak dan menonjolkan kebatilan.

Bertolak dari kesedaran dan keinsafan inilah, *Risalah* diterbitkan sebagai 'Juru Bicara Umat' bagi menegakkan kebenaran dan keadilan. Sehubungan dengan ini, rencana pengarang *Risalah* ada menyebut;

"*Risalah* telah memberanikan dirinya membongkar dan menyelongkar sarang-sarang kezaliman dan kebatilan sehingga menggugat mereka yang terlibat dan menggigit mereka yang terbabit. Sebagai penyambung dan pelaung suara dan bicara ummah Islamiah sejagat yang meratai seluruh alam menembusi segala batas sempadan negara dan benua".¹³⁷

¹³⁶ *Risalah Jurubicara Umat*, 1981, hal. 1

¹³⁷ *Ibid*, hal. v

Justeru itu, pihak berkuasa merasakan *Risalah* ini perlu dibendung dan dengan menggunakan alasan-alasan tertentu, pihak berkuasa telah menarik balik permit KDN *Risalah* buat beberapa tahun. Kebimbangan ini ada asasnya kerana tanpa kebenaran pun, ABIM masih berupaya menerbit dan mengedarkan sejumlah 18,000 naskah setiap keluaran. Tetapi, tindakan Kementerian Dalam Negeri tersebut tidak pernah menghalang usaha-usaha ABIM untuk terus menyebarkan apa juga maklumat, berita dan rencana dalam menegakkan kebenaran. Dalam hubungan ini, ketua sidang pengarang *Risalah* ada menyatakan;

"Dengan 'permit dari langit' *Risalah* tetap bersuara dan berbicara dalam gaya dan nadanya *without fear or favour*; tanpa rasa takut kepada cela cerca *law mata laim*".¹³⁸

Tegasnya, melalui media inilah suara perjuangan ABIM terus disalurkan demi kepentingan dan *survival* umat Islam yang dimanifestasikan dalam bentuk pernyataan sikap dan pendirian ABIM. Melalui *platform* ini menjadikan imej dan populariti ABIM terus terserlah bukan sahaja di mata masyarakat tempatan, tetapi juga di peringkat antarabangsa, khususnya di kalangan pertubuhan-pertubuhan Islam.

Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa peranan *Risalah* ini begitu menonjol sehingga sedikit sebanyaknya mempengaruhi pandangan dan pemikiran masyarakat¹³⁹ (*public opinion*) dan seterusnya mempengaruhi dasar kerajaan (*public policy*) dalam aspek-aspek tertentu, khususnya berhubung dengan program-program Islam di negara ini.

¹³⁸ Ibid.

¹³⁹ Lihat Lampiran 5.

3.2.5. Pasang Surut Perjuangan ABIM (1971-1985).

ABIM adalah sebuah gerakan yang membawa amanah dan risalah dakwah Islamiyyah dalam konteks penghayatan individu, masyarakat dan negara sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama dan negara (*al-din wa al-daulah*) dan agama dan perundangan (*al-din wa al-syariah*).¹⁴⁰ Sehubungan dengan itu, memang tidak ganjil kalau kegiatan-kegiatannya mencakup semua aspek yang ada hubungan dengan persoalan kemasyarakatan dan kenegaraan. Namun begitu penekanan yang diberikan sejak penubuhannya pada tahun 1971 hingga tahun 1985 , tidak sama dan biasanya disesuaikan dengan keperluan semasa.

Pada awal penubuhannya, ABIM dilihat sebagai gerakan yang berjuang untuk menghapuskan saki-baki pengaruh penjajah dan menentang golongan yang mempunyai minda penjajah;

"...a movement of protest against western colonialism but also against the indigenous elite that replaced direct British control in 1957, and then did so little to change the conditions of actual privilege and power".¹⁴¹

Selain itu pendekatan yang diambil adalah dalam bentuk penentangan dan bantahan,

"ABIM's founding identity was resistance and protest".¹⁴²

¹⁴⁰ Lihat Subhi Al-Saleh, *Politik dan Pentadbiran Dalam Islam* (terjemahan), Kuala Lumpur : BAHEIS, JPM, 1986, hal. 1-6. Lihat juga *Ucapan Dasar Muktamar Senawi ABIM ke 11*, Petaling Jaya, Maktab Perguruan Islam, 1982, hal. 13.

¹⁴¹ John C. Raines, "Post-Colonial Struggles In Malaysia : Telling The Story Of ABIM", *Kertas Kerja Simposium Islam dan Masa Depan*, sempena Muktamar Sanawi ABIM ke 25, pada 16-19 Ogos 1996 di Dewan Muktamar Pusat Islam, Kuala Lumpur.

¹⁴² *Ibid*, hal.1

Dengan imej seperti itu, maka tidaklah mengejutkan kalau pertubuhan ini bukan setakat dianggap sebagai Gerakan Fundamentalis Islam oleh beberapa orang sarjana Barat terkemuka, tetapi kerajaan dan perwakilan-perwakilan asing di negara ini turut memandang negatif para pemimpinnya;

"American Embassy still viewed Anwar Ibrahim as 'a dangerous radical', perhaps even 'a fanatic' ".¹⁴³

Sebenarnya, pendapat di atas ada kaitannya dengan suasana di negara ini di mana kebangkitan Islam mulai meluas khususnya menjelang akhir dasawarsa 60-an;

"Post 1969 Malaysia has been witnessing manifold manifestation of a widespread Islamic resurgence, particularly among the younger generation of the Malays".¹⁴⁴

Sebagai pertubuhan dakwah swasta yang paling besar dan paling penting, ABIM memanfaatkan suasana itu dengan perjuangan untuk memberi keyakinan bahawa Islam adalah alternatif yang paling sesuai untuk menangani kemelut ummah.¹⁴⁵ Ini tentunya selari dengan kenyataan di mana minat, kesedaran dan komitmen masyarakat dan juga pihak 'establishment', terhadap Islam masih pada tahap rendah. Di institusi pengajian tinggi, fenomena yang sama juga nyata. Memandangkan barisan pimpinan ABIM pada masa itu sebahagian besarnya adalah pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan, maka tidak menghairankan kalau yang menjadi sasaran pada ketika itu adalah masyarakat kampus.

¹⁴³ Ibid, hal.1

¹⁴⁴ Mohd Karnal Hassan, "Propagation of Islam(Da'wah) in Malaya : Some Personal Observation and Interpretation Regarding Obstacles and Future Strategy" dalam *Educational Principles In Malaysian Society : Some Critical Observation*, Kuala Lumpur : ABIM, 1996, hal. 74.

¹⁴⁵ John Funston, "The Politics of Resurgent Islam in Malaysia : Work In Progress", Kertas Seminar, Department of International Relations, Research School of Pacific Studies, The Australian National University, 7 Feb. 1979, hal. 15.

Pada ketika itu, gerakan-gerakan pelajar Islam yang sebahagian besarnya terletak di Lembah Kelang, mempunyai hubungan baik dengan ABIM. AUKU yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1975 ternyata tidak banyak memberi kesan terhadap peranan ABIM di pusat-pusat pengajian tinggi itu. Antara faktor yang memungkinkan jalinan itu adalah ketokohan Anwar Ibrahim. Beliau sekaligus dilihat sebagai penyatu kepada anggota masyarakat yang minat kepada Islam, sama ada yang berpendidikan sekular atau dari latar belakang pendidikan agama. Beliau juga dilihat sebagai tokoh yang layak memimpin PAS. Sebelum meninggalkan ABIM untuk bertanding atas tiket UMNO dalam pilihanraya kebangsaan pada tahun 1982, Anwar Ibrahim telah berjaya meletakkan ABIM pada kedudukan yang mantap dengan keahliannya melebihi 30 ribu orang.¹⁴⁶

Kemasukannya ke dalam UMNO memang mengundang berbagai reaksi. Krisis kepercayaan terhadap ABIM semakin ketara dan tidak keterlaluan untuk dikatakan terdapatnya ahli-ahli yang keluar dari ABIM. Populariti dan imej ABIM sebagai badan dakwah yang tegas dan lantang seolah-olah menurun, apa lagi beberapa orang rakan karib beliau yang sama-sama berjuang dalam ABIM akhirnya mengikuti langkah beliau memasuki UMNO.¹⁴⁷

Dalam hubungan ini, Siddiq Fadhil sebagai pemangku Presiden tidak menafikan bahawa detik 1982 boleh dianggap sebagai ‘turning point’ dalam sejarah perjuangan ABIM;

¹⁴⁶ Temubual dengan Cikgu Sidek Baba (sekarang Dr.), bekas Setiausaha Agung ABIM , di pejabat ABIM Jalan Pantai Baru pada 18 Mac 1986.

¹⁴⁷ Antaranya Kamaruddin Mohd Nor (bekas Naib Presiden Antarabangsa), Kamaruddin Jaafar (bekas Setiausaha Agung) dan Fuad Hassan (bekas Penolong Setiausaha Agung).

"Muktamar ke XI menghantar kita semua ke ambang pintu tahun kedua (dekad kedua) dalam perjuangan Islamiah menerusi wadah Angkatan Belia Islam Malaysia. InsyaAllah, dari sini kita akan terus menapak ke hadapan menyongsong hari esok dengan segala situasi-situasi barunya yang serba mencabar".¹⁴⁸

Beliau juga kerap bercakap mengenai sikap ABIM yang 'non-partisan'. Namun banyak pihak melihat dalam realitinya ABIM tidak mutlak bersikap seperti itu, terutamanya selepas Anwar Ibrahim menganggotai kabinet Mahathir dan pendirian ABIM terhadap program Islamisasi kerajaan. Mohammad Nor Nawawi sebagai aktivis ABIM beranggapan bahawa peranan positif Anwar Ibrahim dalam perlaksanaan dasar Islamisasi dan keterbukaan pentadbiran Mahathir menyebabkan ABIM mengambil sikap berkerjasama dalam hal-hal yang baik dan menguntungkan Islam.¹⁴⁹ Menurutnya lagi;

"Ini menunjukkan kematangan berfikir dan sesuai dengan pendekatan ABIM yang lalu, keupayaan pimpinan membaca percaturan dan perubahan iklim politik negara dan menyesuaikan tindak tanduk dan pergerakannya dalam keadaan itu".¹⁵⁰

Tentang pembabitan wanita di dalam ABIM, memang ketara apalagi kerana ia turut disokong oleh kalangan berpendidikan tinggi yang terlibat secara langsung sama ada sebagai pemikir, pendidik atau yang melibatkan diri dengan kerja kebajikan. ABIM bersikap terbuka dalam penglibatan, pekerjaan dan soal pakaian mereka.¹⁵¹ Dalam ceramah-ceramah atau persidangan yang dianjurkannya, ABIM tidak menyisihkan

¹⁴⁸ *Ucapan Dasar*, 1982, hal.1-2.

¹⁴⁹ Kajian ilmiah tentang proses Islamisasi dapat dilihat dalam Nor Hashimah Mohd Yasin, *Islamisation/Malaysianisation : A Study On The Role Of Islamic Law In The Economic Development Of Malaysia 1969-1993*, Kuala Lumpur : A.S. Noordeen, 1996, hal. 230-247.

¹⁵⁰ Mohd. Nor Nawawi, op.cit., hal. 20-21.

¹⁵¹ Termubual dengan Puan Saidatul Bariah Ahmad, Setiausaha Kerja (Bahagian Wanita) ABIM Pusat, di Pejabat ABIM, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur pada 27 November 1988.

komitmen mereka, termasuk sebagai pembicara utama. Dalam program yang diselenggarakannya, fungsi ibu sebagai pembentuk ummah yang bertaqwa dan sebagai pembimbing suara hati rakyat amat diutamakan.

ABIM menggalakkan supaya wanita Islam kembali kepada pakaian menutup aurat, sekurang-kurangnya pakaian longgar dan telekung mini. Bagaimanapun, ia tidak melarang sekiranya ada yang ingin berpakaian lebih dari itu dan pakaian yang dimaksudkan tidak semestinya pakaian wanita Arab. Pakaian yang digalakkannya ini mungkin sesuai dengan kenyataannya bahawa kebanyakan penyokong wanita ABIM adalah mereka yang pernah mengenal kebebasan dan peluang pendidikan tinggi serta jawatan professional.

Sehubungan dengan pentingnya pakaian menutup aurat ini, ABIM merasa gusar terhadap sikap dan tindakan majikan-majikan tertentu yang enggan mengambil kerja wanita berpakaian seperti itu. Dalam soal pekerjaan, ABIM menilai tinggi pendidikan bagi wanita dan sumbangan mereka dalam bidang professional dengan syarat kerja itu tidak memperkecilkan fungsi utama wanita sebagai suri rumah dan ibu. Tentang pengasingan lelaki dan wanita dianggap wajar oleh ABIM seperti dalam bidang kedoktoran, rawatan dan dalam hal persekolahan dan tempat belajar.¹⁵² Akhirnya, wanita tidak digalakkan bersukan secara terbuka, kerana ini dianggap tidak sesuai dengan imej kesopanan wanita.

¹⁵² Berita Harian, 21 November 1989.

3.2.6. Kesimpulan

Perpecahan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kesan dari kemasukan Anwar ke dalam UMNO. Di kampus-kampus, persatuan-persatuan mahasiswa yang menerima ABIM dan PAS serentak sebagai sumber rujukan, mulai menunjukkan tanda-tanda berpecah. Selepas dekad pertama 80-an, perpecahan sudah tidak dapat dielakkan sehingga di beberapa buah kampus seperti UKM, kumpulan Islam kalah dalam pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di tangan kumpulan nasionalis kesan dari kumpulan Islam yang bertanding dengan menggunakan dua parti yang berbeza.

Di luar kampus, hubungan para pengikut PAS dan ABIM menjadi tidak baik dan sindir menyindir di antara para pemimpin kedua gerakan Islam ini semakin ketara. Siddiq Fadhil sebagai Presiden ABIM ketika menangani hal ini beranggapan bahawa sebenarnya ini berlaku di kalangan pengikut yang agak 'ekstrim', sedangkan di antara pemimpin tidak ada masalah, malah mereka biasa berjumpa dan berbincang duduk semeja.¹⁵³ ABIM memang tidak menghadapi krisis kepimpinan kerana Siddiq Fadhil mendapat sokongan padu dari sebahagian besar ahli dan pimpinan di peringkat negeri dan daerah. Usaha-usaha untuk memecah-belahkan pucuk pimpinan ABIM telah dilakukan, terutamanya oleh kumpulan IRC yang sekarang telah menjadi pertubuhan berdaftar dengan menggunakan nama Jemaah Islah Malaysia (JIM). Tetapi, percubaan ini dapat dipatahkan dan kredibiliti ABIM terus bertambah mantap. Akhirnya, tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa cabaran besar yang dihadapinya pada pertengahan dekad 80-an, membantu ABIM menjadi sebuah gerakan Islam yang berpengaruh bukan sahaja di Malaysia malah hingga ke peringkat antarabangsa.

¹⁵³ ABIM Negeri Perlis mungkin boleh dianggap yang tidak memberi sokongan padu kepada ABIM Pusat kerana perbezaan pandangan terhadap beberapa 'usul' dan isu yang ditangani oleh ABIM Pusat.

3.3. Dar al-Arqam Dan Pembaharuan Sosial

3.3.1. Sejarah dan Perjuangannya.

Barangkali tidak berlebihan kalau dikatakan Dar al-Arqam adalah sebuah pergerakan Islam yang paling kontroversial dalam sejarah perkembangan umat di Alam Melayu. Pandangan ini didasarkan kepada status, konsep, arah perjuangan dan pencapaianya sejak digerakkan secara kecil-kecilan pada tahun 1968 di rumah pengasas merangkap mudimnya Ustaz Ashaari Muhammad. Dar al-Arqam adalah nama yang diambil sempena dengan nama seorang sahabat Nabi Muhammad SAW, iaitu Arqam Abi Arqam yang telah membenarkan rumahnya di Mekah dijadikan tempat mempelajari dan mengembangkan Islam pada zaman awal kerasulan Nabi Muhammad SAW.

Al-Arqam adalah di antara pergerakan Islam yang mempunyai cita-cita besar untuk 'mengislamkan' orang-orang Melayu. Namun menurut jemaah ini, ia tidak bererti kegiatannya terbatas hanya sebagai sebuah badan dakwah yang bergerak dari kampung ke kampung seperti yang disangkakan oleh kebanyakan orang. Tujuan perjuangan Al-Arqam adalah lebih luas seperti yang diungkapkan oleh Ustaz Ashaari,

"Apa yang kita perjuangkan melalui Al-Arqam ialah untuk menegakkan hukum Allah. Kita mahu semua manusia menegakkan hukum Allah yang lima, wajib, sunat, makruh, haram dan halal. Kita mahu semua manusia di muka bumi ini menegakkan itu sungguh-sungguh. Tidak hanya dalam bahagian tertentu sahaja. Kita mahukan semua orang khasnya orang Islam mencegah kemungkar dan menegakkan kebenaran dan kita mahukan negara Islam".¹⁵⁴

Cita-cita di atas ada persamaannya dengan ciri perjuangan gerakan fundamentalis yang bergerak di Alam Melayu sejak awal abad ini. Misalnya,

¹⁵⁴ Mohd Sayuti Omar, *Rahsia Ustaz Ashaari Terbongkar Di Luar Negeri*, K. Lumpur : Prodescom Sdn. Bhd., 1989, hal. 102

penentangan mereka terhadap unsur-unsur yang dipandang negatif oleh Islam dalam amalan-amalan orang Melayu ada persamaannya dengan tindakan golongan reformis dahulu yang menumpukan perhatian mereka kepada adat-adat yang mengandungi unsur-unsur khurafat, bid'ah dan elemen-elemen yang bertentangan dengan akidah Islamiyyah. Begitu juga persamaan itu boleh dilihat dari seruan mereka kepada anggota-anggota masyarakat Islam sepenuhnya dan menjadikannya pegangan dalam semua lapangan kehidupan dan bukan setakat mengamalkan ibadat sembahyang dan puasa sahaja.¹⁵⁵

Seruan kepada rakyat agar berjuang bagi pembentukan sebuah masyarakat yang didasarkan kepada 'agama yang diwahyukan' turut menepati kedudukannya sebagai gerakan fundamentalis.¹⁵⁶ Ini sekaligus menimbulkan tafsiran tertentu di mana perjuangannya kini lebih luas dan lebih jauh dari apa yang diutarakan. Ia mencakup hidup mati di dunia dan akhirat, menentukan corak pentadbiran dan politik negara dan juga mempunyai kuasa menjatuh dan menaikkan sesiapa yang disukainya.¹⁵⁷

Ustaz Ashaari, mudir Al-Arqam berasal dari Negeri Sembilan, berkelulusan Sekolah Menengah Maahad Hishamuddin Kelang, Selangor dan pernah menjadi guru agama. Beliau adalah di antara generasi muda Islam pada dekad 60-an dan awal 70-an yang mendokong pergerakan-pergerakan pelajar yang ditaja oleh PKPIM dan ABIM. Beliau adalah di antara yang bercita-cita untuk menyumbangkan ideanya secara bebas dan inilah antara faktor yang mendorong beliau menubuhkan Al-Arqam bersama beberapa orang sahabatnya di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

¹⁵⁵ Mohammad Abu Bakar, op. cit., 1979, hal. 2

¹⁵⁶ Al-Arqam, Bil. 1. Tahun. 1, Julai 1977.

¹⁵⁷ Mohd Sayuti Omar, op. cit., 1989, hal. 102.

Pertubuhan ini tidak berdaftar dengan pejabat pendaftaran pertubuhan dan dengan itu bagi pihak pemerintah, statusnya hanya dianggap sama seperti kumpulan-kumpulan pengajian atau seumpamanya yang bergerak mengikut akta Masjid dan Surau. Sehubungan dengan itu juga, maka adalah sukar menentukan bilangan ahlinya secara tetap, tetapi ia dianggarkan lebih dari 30 ribu orang di Malaysia dan 20 ribu orang di Indonesia dengan mempunyai cawangan di dalam maupun di luar negeri.¹⁵⁸

3.3.2. Tahap-tahap perkembangannya.¹⁵⁹

Menurut unit penerangan Darul Arqam , perjuangan pergerakan ini boleh dilihat dalam tiga tahap. Tahap pertama , iaitu antara tahun 1968 - 1972, dikenali sebagai era pembangunan diri dan keluarga. Kedua, antara tahun 1973-1978, iaitu era khidmat masyarakat, sementara sejak tahun 1979 hingga kini dianggap sebagai era antarabangsa dan dunia baru Islam.

Pada tahap pertama, langkah dimulakan oleh Ustaz Ashaari dengan memimpin anak-anak muda di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur dengan mengadakan *usrah*, *tarbiyah*, dakwah dan mewujudkan gerakan persaudaraan ataupun gerakan *ikhwan*, di samping membina kekuatan rohani melalui amalan *Aurad Muhammadiyah*.¹⁶⁰

Menurut seorang bekas penyokong jemaah ini, selain pengajian-pengajian di rumah Ustaz Ashaari, kegiatan Al-Arqam turut digerakkan di surau Kelantan yang terletak di perkampungan setinggan, Lorong Keramat Satu, Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Kegiatan yang dijalankan termasuklah pengajian biasa dan usrah umum pada setiap

¹⁵⁸ *Utusan Malaysia*, 4 Oktober, 1991.

¹⁵⁹ Lihat lampiran 1.

¹⁶⁰ *Risalah Penerangan Al-Arqam*, tanpa tahun

hari Ahad pagi dengan bimbingan para penceramah seperti Ustaz Ashaari, Ustaz Saleh Bakar dan Ustaz Ansari .

Dalam bahagian ini dakwah Al-Arqam telah ditekankan untuk pembinaan sikap masyarakat supaya lebih jelas tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan *fardhu 'ain* dan *fardhu kifayah*. Turut diusahakan ialah pengukuhan komitmen bagi para ahli 'setia' di mana mereka inilah yang menjadi 'aset' dan penyokong pertubuhan ini kepada peringkat berikutnya. Ketika itu, persoalan '*taasub*' kepada jamaah belum timbul di dalam masyarakat kerana bilangan pergerakan Islam masih belum banyak. Justeru itulah Al-Arqam pada tahap ini turut disokong dan dianggotai oleh pemimpin dan ahli-ahli PEPIAS (Persatuan Pelajar Islam Selangor) yang berpejabat berhampiran dengan Surau Kelantan tadi.¹⁶¹

Konsep perjuangan pertubuhan ini, iaitu untuk menegakkan sunnah Rasulullah SAW, sedikit sebanyaknya telah diberi perhatian pada tahap ini.

"Sebenarnya Darul Arqam bangun untuk menegakkan sunnah Rasulullah SAW di kala umat telah rosak. Apabila kita sebut menegakkan ajaran Islam bererti ajaran Islam itu ada hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia. Di atas hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia inilah Darul Arqam ini ditegakkan. Hubungan dengan Allah itu adalah membina ibadah yang selama ini telah difahami oleh masyarakat Islam cuma ia lemah dalam pengamalannya. Manakala dibidang hubungan manusia(*hablumminannas*) atau apa yang dihukum sebagai fardu kifayah pula, selama ini masyarakat Islam hanya memahaminya di bidang penyelenggaraan jenazahnya. Sedangkan di bidang lain yang mencakup skop yang lebih luas masih banyak tidak dipedulikan. Maka Darul Arqam bangun untuk memimpin dan mengajak masyarakat membangunkan fardhu kifayah seperti membina pendidikan Islam, perniagaan dan perusahaan barang Islam, perubatan Islam, pertanian cara Islam, pembangunan kampung-kampung Islam dan lain-lain lagi yang mana hal ini dapat memberi kekuatan baru kepada umat Islam ke arah membangunkan semula tamadun Islam sebenar."¹⁶²

¹⁶¹ PEPIAS adalah badan gabungan PKPIM.

¹⁶² *Risalah Penerangan Al-Arqam*, tanpa tahun

Usaha-usaha bagi merealisasikan cita-cita besar di atas seterusnya dijejaki bilamana Ustaz Ashaari bersama beberapa orang kawannya telah membeli sebidang tanah pada tahun 1972 di Kampung Sungai Penchala dan membina sebuah Kampung Islam sebagai contoh kepada masyarakat Islam. Perkampungan ini amat besar fungsinya kerana tidak lama selepas menghuni kawasan ini, Al-Arqam menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih teratur dan berkesan sehingga peranannya menonjol dan mencakup ke peringkat antarabangsa.

Dalam tahap kedua yang dikenal sebagai era khidmat masyarakat (1973-1978), Al-Arqam bergerak lebih pantas dengan memperbanyakkan seruan menerusi ceramah-ceramah agama dan risalah-risalah khususnya yang diadakan secara berkala serta mendapat sambutan dari segenap lapisan masyarakat. Dalam pada itu, kelas *fardhu 'ain* yang diadakan setiap malam Khamis bukan sahaja dihadiri oleh masyarakat sekelilingnya, tetapi peminat-peminat Islam dari seluruh pelosok tanah air turut juga mengambil bahagian. Pelajaran yang berhubung dengan ilmu-ilmu seperti *Fiqh*, *Tafsir*, dan *Tauhid* disampaikan dengan penekanan ke atas keperluan bagi masyarakat dan anggotanya untuk kembali menghayati Islam sepenuhnya.

Sementara itu, perkampungan yang telah dibuka di Sungai Penchala cuba menjalankan kehidupan harian seolah-olah sama dengan yang dilakukan oleh umat Islam pada zaman awal. Suasana itu memang boleh diwujudkan kerana institusi-institusi yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari turut didirikan mengikut konsep Islam seperti masjid, rumah-rumah, kedai dan juga madrasah. Ahli-ahli pergerakan ini juga amat mudah dikenali kerana mereka memakai '*uniform*', sekurang-kurangnya mirip dari segi warna. Mereka berpakaian tradisional Islam dengan lelaki berjubah dan berserban atau berkopiah hijau sementara wanitanya berjubah gelap, juga memakai sarung tangan dan tudung yang menutupi seluruh kepala dan muka hingga ke bahagian

badan. Berpakaian cara ini turut 'diwajibkan' kepada semua pelajar termasuk yang belum akil baligh.

Usrah-usrah Al-Arqam pada tahap ini memang memberi '*impact*' yang besar, pertamanya kerana ia memberi alternatif kepada sebahagian masyarakat yang ingin kembali ke pangkal jalan Islam. Kedua kerana komitmennya menghayati Islam secara praktikal dan ketiga disebabkan institusi pendidikannya dilihat dapat melahirkan generasi baru Islam yang berakhlik kesan dari pengisiannya yang turut menekankan aspek amali.

Menurut sumber dalaman *Al-Arqam*, faktor pertama yang menarik sokongan orang terhadap *Al-Arqam* ada kaitannya dengan '*kekosongan jiwa*' yang dihadapi oleh anggota-anggota sosial tertentu, khususnya di kalangan generasi yang mendapat pendidikan sekular dan memegang jawatan penting selepas merdeka.¹⁶³ Anggota masyarakat ini memang tidak menghadapi masalah kebendaan, tetapi jiwa mereka kerap kali tidak tenteram apatah lagi yang mulai menghampiri alam persaraan. Di kalangan mereka yang menyedari dunia ini sebagai '*tempat persinggahan sementara*' adalah antara yang menjinakkan diri dengan program-program anjuran *Al-Arqam* pada tahap ini.

Daya tarikan yang kedua ini berkaitan langsung dengan persekitaran dan konsep contoh yang diperkenalkan oleh pergerakan ini. Mengikuti program atau menjadi ahli pertubuhan ini biasanya akan meninggalkan kesan yang mendalam pada diri seseorang. Ini kerana mereka itu pasti akan mengalami perubahan, khususnya dari aspek zahir, kesan mendengar ceramah daripada guru-guru yang menarik atau kerana pengaruh

¹⁶³ Temubual dengan Abu Ashraf (bukan nama sebenar), kakitangan pentadbiran perkampungan *Al-Arqam*, Sungai Penchala, pada 17 April 1988.

persekitaran, seperti watak-watak yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar dan pelajar-pelajar senior ataupun kesan dari perlakuan yang tertakluk di bawah kaedah-kaedah tata tertib dan peraturan jamaah.

Faktor ketiga ialah berkaitan dengan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan jamaah ini untuk melahirkan generasi berakhhlak sejajar dengan pengisian dan penghayatan terhadap ajaran-ajaran Islam sama seperti yang ditetapkan oleh institusi-institusi pondok. Lantaran itu, maka tidak hairanlah kalau madrasah anjuran Al-Arqam menjadi tumpuan ahli masyarakat yang ingin melihat anak-anak mereka mendapat didikan Islam secara tradisional. Malah pada peringkat ini, permohonan dari ibubapa untuk mendapat tempat bagi anak-anak mereka begitu banyak sehingga setengahnya ditolak.¹⁶⁴

Di samping itu, penubuhan '*kampung Islam*' ini mempunyai erti tersendiri. Ia mencerminkan kemampuan jamaah Al-Arqam untuk membuktikan bahawa Islam dapat dihayati sepenuhnya, sekalipun apa yang diusahakan ini pada peringkat yang kecil. Sejak tahun 1974, langkah-langkah untuk memasyarakatkan kampung ini telah ditingkatkan dengan kursus-kursus kesedaran Islam yang duatur secara sistematik. Antara kumpulan sasar program ini ialah pelajar-pelajar sekolah menengah dari seluruh negara.

Menurut salah seorang peserta kursus yang diadakan pada awal cuti panjang persekolahan pada bulan Disember 1978, program ini meninggalkan kesan yang mendalam kerana pengisiannya menyentuh aspek-aspek penghayatan ajaran Islam yang sebelum ini tidak difahami dengan baik, terutamanya yang ada kaitan dengan

¹⁶⁴ *Akhbar Al-Arqam*, 1978.

kaedah-kaedah seperti yang diajarkan oleh Rasulullah SAW.¹⁶⁵ Perubahan yang paling ketara sekali ialah beliau dan rakan-rakannya mula memahami tuntutan memakai pakaian dan tudung yang menutup aurat dan menjadi hamba Allah yang mematuhi perintah-perintah yang diwajibkan, terutama solat-solat fardu.

Menurut Unit Penerangan Al-Arqam, kursus-kursus seperti itu mendapat sambutan yang menggalakkan. Bukti pada peringkat awal hanya tidak lebih daripada 20 orang yang hadir, tetapi pada akhir penggal persekolahan di tahun-tahun 1980-an, lebih daripada 3000 orang membanjiri perkampungan Dar al-Arqam yang seluas 5 ekar itu. Penuntut-penuntut dari institusi-institusi pengajian tinggi adalah antara kumpulan yang ramai mengikuti program-program tersebut.

Perkembangan yang menggalakkan ini ada kaitannya dengan komitmen Ustaz Ashaari Muhammad terhadap kegiatan kemasyarakatan yang bercorak Islam. Selain berperanan sebagai aktivis gerakan Islam, beliau pernah menyertai ABIM dan menjadi ketua ABIM Selangor, iaitu langkah yang mendekatkannya dengan sebilangan aktivis Islam yang terpelajar. Apabila sebilangan mereka menyertai perkampungan yang diasaskannya di Sungai Penchala dalam suasana yang semakin memperlihatkan ciri-ciri kebangkitan Islam, penerimaan masyarakat terhadap perjuangan Dar al-Arqam.

Dengan memberi jaminan pekerjaan bebas dari kerajaan dan dari budaya kebendaan, beberapa orang aktivis Islam yang terpelajar sanggup meletakkan jawatan dan memasuki Dar al-Arqam. Antaranya ialah Akhbar Anang, pensyarah Universiti Teknologi Malaysia. Beliau diamanahkan menyusun struktur dan asas perniagaan yang

¹⁶⁵ Ternubual dengan Puan Nor Anisah binti Abdul Malek (guru sekolah menengah kerajaan) di Bentong, Pahang pada 2 Januari 1989.

telah memungkinkan jamaah ini mengembangkan kegiatan ekonominya untuk pasaran dalam dan luar negeri.

Kehadiran Dar al-Arqam mengharungi gejolak ekonomi Malaysia yang sebahagian besarnya dimonopolikan oleh kumpulan non-muslim memang mengagumkan. Bagi pertubuhan ini, menyaingi kekuatan ekonomi orang-orang bukan Islam tidak menjadi perkara yang mustahil sebab dalam pandangan mereka, kemunduran yang dialami umat Islam dalam bidang ekonomi ada kaitannya dengan '*their faith in Islam is lacking*'.¹⁶⁶ Justeru itu, pendirian jamaah ini terhadap lapangan ekonomi jelas, di mana agama Islam dapat memainkan peranan yang penting dalam transformasi sosio-ekonomi. Di samping itu, mereka juga mempercayai bahawa perubahan ekonomi berlaku bukan melalui persaingan, tetapi kerjasama itu berlandaskan '*aqidah yang kuat dan organisasi yang sistematisik*'. Sebagai sebuah pertubuhan yang berdikari, Dar al-Arqam dalam mempraktikkan aktiviti ekonominya mementingkan dua aspek. Pertama mengutamakan kepentingan umat dengan menyediakan barang-barang alternatif untuk keperluan halal dan kedua untuk kepentingan individu dalam merealisasikan hubungannya dengan Penciptanya. Ringkasnya, kegiatan-kegiatan tersebut boleh mendatangkan manfaat kepada diri para anggota Dar al-Arqam selaku manusia dan hamba Allah.

Arqam memandang tinggi terhadap sahabat Nabi, Abdul Rahman bin Auf kerana berjaya menerobosi kekuatan ekonomi yang dimonopolikan oleh orang -orang Yahudi pada zaman awal perkembangan Islam. Mereka juga mengambil iktibar bagaimana Abdul Rahman telah diminta oleh Rasulullah untuk mengembangkan bidang ekonomi berdasarkan komuniti Islam di Madinah.

¹⁶⁶ *New Straits Times*, 2 Oktober 1991, hal. 30.

Hakikat-hakikat di atas menjadi sumber ilham kepada pergerakan ini untuk membina kekuatan ekonominya sejak awal dasawarsa 70-an lagi, iaitu dengan menerokai industri kampung (*cottage industry*), perkilangan dan pertanian di seluruh Semenanjung Malaysia. Tujuannya, pertama untuk memenuhi keperluan ahli-ahli, kedua untuk memberi pilihan kepada umat Islam agar mendapat barang bersih dan halal dan ketiga untuk meningkatkan penguasaan ekonomi dan kemakmuran orang-orang Melayu seluruhnya. Antara keperluan harian yang dihasilkan termasuk kicap, tauku, mi, acar, sos, berus, ubat gigi, bedak dan beberapa jenama ubat-ubatan.

Di sektor pertanian, Dar al-Arqam membabitkan diri dengan menanam pelbagai jenis tanaman dan sayur-sayuran, termasuk cendawan, menternak ikan, ayam, itik, kambing dan lembu. Hasil daripada kegiatan pertanian ini bukan sahaja dijual untuk ahli-ahlinya, tetapi juga kepada masyarakat setempat yang tinggal berhampiran cawangan Dar al-Arqam di merata tempat. Era khidmat masyarakat kegiatan Dar al-Arqam diperluaskan dengan penerokaan bidang penerbitan pada tahun 1977. Di samping telah menerbitkan lebih daripada 40 buah buku karangan Syeikh Al-Arqam, bahagian ini juga menterjemahkan beberapa buah buku Inggeris. Antara siri terjemahannya ialah '*Worship in Islam*' (1989), '*The Scription of the Hidden Knowledge*' (1990), '*Life According to Islam*' (1990) dan '*This Is Our Way*' (1990).

Di samping itu, Dar al-Arqam menerbitkan surat khabar edisi Jawi dan yang beredisi Rumi. Pertama kali surat khabar ini diterbitkan ialah pada bulan September 1985. Hasil penjualan bahan-bahan cetakannya ini dikatakan menjadi salah satu sumber pendapatan Dar al-Arqam yang besar. Contoh penerbitan Dar al-Arqam yang pengedarannya sekitar 80 ribu hingga 100 ribu naskah setiap keluaran, adalah seperti majalah *Al-Mukminah*, *An-Nasihah*, *Al-Qiadah*, *Komik Dakwah*, *Fardu 'Ain*, *Anak Soleh dan Generasi*.

Dar al-Arqam juga telah menceburkan diri dalam bidang perubatan dengan membuka klinik untuk perkhidmatan pesakit luar, bersalin, perkhidmatan terapi rohani (*spiritual therapy*) dan homeopati. Klinik yang pertama dibuka pada tahun 1978. Klinik ini diawasi oleh doktor dan jururawat yang berpengalaman. Perkhidmatan yang boleh dianggap istimewa di sini ialah pemulihan penagih dadah.

Dalam bidang pendidikan, peranan Dar al-Arqam cukup meluas kerana tidak setakat penerokaannya terhadap lapangan *tarbiyah* rohani, tetapi mencakup segala bahagian yang berhubungan dengan pendidikan formal yang berinstitusi. Ia dicerminkan dengan pembinaan sekolah-sekolah di merata-rata tempat, iaitu sebagai manifestasi khidmat secara tidak langsung jamaah ini untuk faedah agama, bangsa dan negara. Institusi pendidikan formal Dar al-Arqam mula-mula digerakkan di perkampungannya di Sungai Penchala pada awal tahun 1975 dan diikuti dengan penubuhan institusi tersebut di seluruh negara, terutamanya di 81 cawangannya menjelang akhir dekad 80-an sehingga mencakup Sabah dan Sarawak. Di samping itu, Dar al-Arqam juga menghantar para pelajarnya ke luar negeri, khususnya ke Indonesia, India, Pakistan dan Mesir. Negara-negara tersebut diberi keutamaan kerana biaya belajarnya yang rendah kalau dibandingkan dengan kos belajar di Barat. Misalnya, bermula pada tahun 1989, Al-Arqam menghantar 50 pelajarnya ke Mesir, 6 ke Jordan, 40 ke Pakistan dan 2 ke United Kingdom. Kini dengan 300 orang pendakwah yang terlatih dan sekitar 7 ribu pelajarnya di berbagai peringkat persekolahannya yang terdiri dari 100 Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam, 41 sekolah rendah dan 22 sekolah menengah, pengaruh pergerakan ini sudah pasti tidak boleh diperkecilkan.¹⁶⁷

¹⁶⁷ Ibid, 2 Oktober 1991

Tahap perkembangan yang ketiga, iaitu yang ditandai dengan perluasan kegiatan jamaah ini ke peringkat antarabangsa, bermula pada tahun 1979. Di samping menghantar pelajarnya ke beberapa negara, para pemimpin Arqam juga mengunjungi hampir seluruh pelosok dunia dengan berbagai maksud. Antaranya untuk membuka cawangan dan untuk tujuan ekonomi dan untuk menjalinkan kerjasama dengan pergerakan-pergerakan Islam di peringkat antarabangsa dan untuk membuat perbandingan tentang perkembangan Islam semasa.¹⁶⁸ Pada awal dekad 90-an ini, terdapat 24 cawangan Al-Arqam di luar Malaysia yang dikenali sebagai Markaz Al-Arqam seperti di Australia (6 markaz), Jordan, New Zealand, Thailand, United Kingdom (masing-masing 2 markaz) dan satu di Pakistan, Filipina, Singapura dan Amerika Syarikat , sementara di Indonesia, markaz Al-Arqam terdapat hampir di semua propinsi di Sumatera dan Jawa dengan keahliannya melebihi 20 ribu orang.

Bagi merealisasikan cita-citanya untuk menapak dan mengembangkan pengaruhnya , Al-Arqam turut menjalinkan hubungan dengan pergerakan-pergerakan Islam antarabangsa di Asia, Timur Tengah dan Afrika seperti *Muhammadiyah* di Indonesia, *Jamaat Islami* di Pakistan dan *Ikhwan al-Muslimin* di Mesir.¹⁶⁹ Dalam waktu yang sama ia turut memperluaskan kegiatan ekonominya di cawangan-cawangan antarabangsa itu. Selain memasarkan barang-barang harian yang diproses di dalam negeri, maka mereka juga membuka kilang-kilang memproses bahan makanan antaranya di Jakarta, Bogor, Aceh, Padang dan Bukit Tinggi di Indonesia.

¹⁶⁸ Ashaari Muhammad, *Inilah Sikap Kita*, Kuala Lumpur : Jabatan Syeikhul Arqam, 1990, hal. 86.

¹⁶⁹ Lihat Zabidi Mohamed, *Tersungkar Di Pintu 'Syurga' : The Untold Truth And Inside Story of Al-Arqam & ISA (Detention Without Trial)*, Kuala Lumpur : Zabidi Publication, 1998.

Usaha pengembangan kegiatan dakwah Al-Arqam ini sebenarnya berkaitan langsung dengan faktor komitmen para pengikut, persediaan tenaga pendakwah dan keupayaan kewangannya. Tentang faktor yang pertama, tidak ada data yang boleh menunjukkan berapakah jumlah ahlinya yang komited. Mereka yang hadir mendengar dan menyaksikan kegiatan-kegiatan Dar al-Arqam ini, bukan semestinya menjadi ahli apatah lagi kegiatan itu tidak memerlukan pendaftaran atau dikenakan apa-apa yuran.

Hal itu diakui oleh *Syeikhul Al-Arqam* bahawa bukan semua yang hadir mendengar ceramah fardu 'ainnya itu adalah ahli Al-Arqam. Sebaliknya, mereka terdiri daripada beberapa golongan:¹⁷⁰

1. Golongan pendengar, iaitu mendengar apa yang diceramahkan dengan mengikuti segala aktiviti Al-Arqam.
2. Golongan peminat, yang berusaha mengikuti segala kegiatan Al-Arqam dan telah mula menimbang segala gerak kerja dan kegiatan yang dilakukan jamaah ini. Pendek kata ia akan berusaha menghadirkan diri setiap kali Arqam mengadakan ceramah, muzakarah ataupun berdialog walau ke manapun mereka pergi.
3. Golongan simpati, iaitu golongan yang mula memahami perjuangan Al-Arqam yang sebenar, sanggup berkorban harta benda dan wang ringgit untuk menebus dan melaksanakan perjuangan. Golongan '*simpatisan*' ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang belum sanggup berjuang bersama tetapi memahami perjuangan. Mereka terdiri daripada ahli-ahli perniagaan, pengarah-pengarah, pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai yang sedia membantu dari segi moral maupun material.

¹⁷⁰ Ibid, hal. 85.

4. Golongan jamaah. Mereka ini tidak ramai kerana mereka menumpukan sepenuh masa dengan Al-Arqam, menghayati hidup secara Islam, memperjuangkan yang hak, meninggalkan yang mungkar dan menegakkan Syariat Islam di bumi Allah ini.

Golongan keempat ini dikatakan sebagai 'aset' penting dalam merealisasikan perjuangan Al-Arqam yang disebut '*konsep hidup secara jemaah*', ke arah melahirkan generasi '*salaf al-soleh*'.¹⁷¹ Mereka terdiri daripada pendakwah muda yang komited, bertebaran di seluruh pelosok tanah air hingga ke cawangan-cawangan pergerakan ini di luar negeri. Sebahagian dari mereka adalah pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi dan melibatkan diri dengan jamaah ini selepas menamatkan pengajian atau ada juga yang tidak sempat menamatkan pengajian. Mereka mudah dikenal kerana persamaan bentuk dan warna pakaian, semacam 'uniform'. Lelaki memakai jubah dan berserban hijau, sementara yang wanita memakai jubah, purdah dan sarung tangan berwarna gelap.

Di samping itu, mereka ini juga dianggap istimewa, bukan sahaja kerana berpendidikan dan ada kebolehan tertentu, tetapi mereka juga adalah orang-orang muda yang sanggup berkorban apa sahaja, meskipun ia ada hubungan dengan keperluan diri dan naluri, seperti isu perkahwinan atau poligami. Ahli-ahli dalam kumpulan ini akan dipimpin oleh ketua yang dipilih daripada kalangan mereka yang digelar sebagai '*naqib*'. Seseorang itu layak menjadi *naqib*, setelah melalui beberapa '*ujian*'. Syarat-syarat yang mesti ada antara lain diukur dari ilmu agamanya.¹⁷²

¹⁷¹ Keterangan lanjut lihat Khadijah Aam(penyusun), *Ustaz Ashaari Muhammad : Ulama Dalam Pandangan Islam, Satu Kupasan Berani Ke Arah Memulihkan Institusi Ulama dan Melahirkan Generasi Ulama Pewaris Nabi*, Kuala Lumpur : Asoib Internasional Ltd, 1992.

¹⁷² Temubual dengan Cikgu Ahmad Tarmizi Aziz, Kampung Sempadan, Karak, Pahang pada 25 Julai 1989.

3.3.3. Tarikat Muhammadiyah Pegangan Dar al-Arqam

Tarikat atau Tarikah menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bererti 'jalan untuk mencapai kebenaran'.¹⁷³ Tarikat adalah istilah yang biasanya dikaitkan dengan 'tasawuf' atau ajaran untuk mengenal Tuhan dengan lebih mendalam. Tujuannya untuk membantu pengamalnya lebih mendekati diri kepada *al-Khaliq*, yakni Penciptanya. Dalam konteks Al-Arqam, pendekatan kerohanian yang diamalkan terangkum dalam apa yang dinamakan *Tarikat Muhammadiyah* atau *Aurad Muhammadiyah*.

Aurad adalah jamak kepada perkataan wirid atau biasanya disebut zikir. Dalam pergerakan Al-Arqam, *Aurad Muhammadiyah* bererti *aurad* yang diasaskan dan diamalkan oleh Muhammad bin Abdullah Suhaimi. Menurut Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, pihak Arqam tidak mahu menggunakan nama *tarikat* dan lebih suka menggunakan perkataan *aurad* sejajar dengan pengakuan mereka kepad Pusat Islam pada tahun 1979, bahawa *tarikat* adalah suatu amalan yang mempunyai salasilah amalan daripada Rasulullah SAW.¹⁷⁴ Sedangkan *Tarikat Muhammadiyah* tidak mempunyai salasilah hingga kepada Rasulullah.

Mengikut Ustaz Ashaari Muhammad, *Aurad Muhammadiyah* ini mula diamalkannya secara bersendirian sejak beliau berumur 16 tahun, iaitu semasa beliau di kelas 7 sekolah Melayu pada tahun 1955.¹⁷⁵ Kemudian beliau meneruskannya sehingga ia bertukar ke Sekolah Agama Hishamuddin, Kelang dan sehingga beliau menu buhkan kumpulan Dar al-Arqam pada tahun 1968 sampai sekarang.

¹⁷³ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur : DBP, 1970, hal.1192

¹⁷⁴ BAHEIS,JPM, *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiyah: Pegangan Darul Arqam*, Kuala Lumpur : BAHEIS, JPM, 1986, hal. 4

¹⁷⁵ Ibid, hal. 5

Ustaz Ashaari Muhammad mendakwa beliau memperolehi *Aurad* ini daripada bapa saudaranya yang juga seorang yang kuat mengamalkan *Aurad Muhammadiyah* ini. Bapa saudara beliau adalah seorang guru agama di Kampung Pilin, Rembau, Negeri Sembilan, yang telah hidup sezaman dengan pengasas *Aurad* ini, iaitu Syeikh Muhammad As-Suhaimi dan *Aurad* diambilnya langsung dari beliau. Semasa Ustaz Ashaari Muhammad menubuhkan pergerakan beliau ini, ia memasukkan bersama-sama dalam kumpulannya ini amalan-amalan *Aurad* ini sehingga ia dijadikan sebahagian dari ciri Dar al-Arqam dan dihayati oleh para pengikutnya sebagai amalan harian mereka hingga sekarang. Menurut pendapat (minda) Ustaz Ashaari Muhammad,¹⁷⁶ *Aurad Muhammadiyah* ini dianggap juga sebagai senjata utama Al-Arqam yang tidak dapat diatasi, termasuk oleh senjata canggih milik 'kuffar'.¹⁷⁷

Seorang pemimpin kanan jemaah ini, Ustaz Haji Abdul Halim Abbas menerangkan tentang kekuatan *Aurad Muhammadiyah* ini;

"*Aurad Muhammadiyah* punya pengaruh ke atas roh dan jiwa orang ramai. Ia boleh mengubah rasa hati orang yang beraninya melampau menjadi berani yang terpimpin, tidak agresif, yang penakut boleh jadi berani, tetapi tidak melampaui batas, yang kasar boleh jadi lembut, yang selama ini ditenyeh orang, ia boleh tegak berdiri, ia boleh mengubah perasaan orang. *Aurad Muhammadiyah* hendaklah diamalkan bersungguh-sungguh. Jika *Aurad Muhammadiyah* itu telah diamalkan bersungguh-sungguh, ia bukan sahaja boleh mengubah perasaan dirinya, tetapi ia juga boleh mengubah perasaan orang dari jauh secara 'remote control'.¹⁷⁸

¹⁷⁶ Keterangan lanjut mengenai minda Ustaz Ashaari disentuh dengan terperinci dalam Nik Mahadi Nik Hassan, *Dr. Mahathir atau Ustaz Ashaari : Siapa Lebih Tokoh*, Kuala Lumpur: Penerbit Al-Munir, 1992, hal. 139-162.

¹⁷⁷ Lihat Ashaari Muhammad, *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam sekaligus Menjawab Tuduhan*, Kuala Lumpur : Penerangan Al-Arqam, 1986.

¹⁷⁸ Abdul Halim Abbas, *Kelebihan Al-Arqam*. Kuala Lumpur : Al-Munir, 1992, hal.5-6

Aurad Muhammadiyah ini juga dianggap sebagai perantara yang membawa barakah, kerana itu segala perkara dan peristiwa yang berlaku mempunyai jalinan pertemuan antara *Aurad Muhammadiyah* dengan peristiwa yang berlaku tersebut dan untuk itu ia wajar dikaitkan dengan *barakah Aurad Muhammadiyah*;

"Cuma kita kurang mengkaji kesan *Aurad Muhammadiyah* dalam kehidupan, dalam masyarakat dan terhadap apa-apa yang terjadi. Padahal banyak kali ia berhadapan dengan orang yang boleh ia menjawab dengan tangkas, dia tidak kaitkan dengan barakah *Aurad Muhammadiyah* dan banyak perkara yang berlaku ke atas muka bumi ini yang boleh menyelamatkan perjuangan Islam khususnya perjuangan kita. Kadang-kadang orang tak kaitkan itu semua dengan berkat *Aurad Muhammadiyah* dan kadangkala tidak boleh dihubungkaitkan sebab ia tidak nampak jalinan pertemuan antara *Aurad Muhammadiyah* dengan peristiwa yang berlaku kerana *Aurad Muhammadiyah* adalah perkara maknawi perkara yang ada hanya ada pada maknanya, ketulnya dicari tak jumpa. Umpama cerita hantu, hantunya tidak boleh dirasai, tetapi ceritanya begitu menghantui fikiran manusia".¹⁷⁹

Antara amalan yang terkandung dalam *Aurad Muhammadiyah* adalah berwirid sama ada secara perseorangan atau berkumpulan, terutama selepas mengerjakan solat wajib berjamaah. Di samping doa tertentu, diberikan juga pujian kepada lima orang ahli keluarga Rasulullah yang terdiri dari Rasulullah, Sayidina Ali, Sayidina Fatimah, Sayidina Hasan dan Sayidina Husin, serta diikuti dengan doa taubat. Di antara pujian kepada keluarga Rasulullah yang diiringi dengan lagu taubat, terdapat juga amalan membaca ayat-ayat Al-Quran dan selawat yang didahului dengan membaca *Al-Fatihah* untuk Rasulullah, keluarga Syeikh Muhammad As-Suhaimi dan khusus kepada Syeikh As-Suhaimi sebagai penyusun *tarikah*.¹⁸⁰

¹⁷⁹ op. cit

¹⁸⁰ Maklumat ini dan seterusnya berdasarkan pengalaman penulis mengikuti aktiviti Al-Arqam, berdasarkan temubual secara rambang dengan ahli-ahlinya dan disesuaikan dengan laporan bertulis Akhbar Anang dan rakan-rakan yang dipecat dari pergerakan ini. Laporan bertarikh 20 Jamadil Awal 1399 H itu ada dalam simpanan penulis.

Menurut ahli lama pergerakan ini, yang kuat mengamalkan *Aurad Muhammadiyah*, statusnya adalah seperti berikut:

1. Sebagai penghulu segala *tarikah*, seluruh *tarikah* lain adalah di bawahnya. Keterangan dari sumber lain pula menambah, *tarikah* ini adalah gabungan seluruh *tarikah* yang diamalkan oleh semua sahabat Rasulullah kerana menurut apa yang mereka percaya, penyusun *tarikah* ini telah mengamalkan semua *tarikah* itu. Untuk meringkaskan masa dengan tidak mengurangkan *fadhilah* kesemuanya, beliau telah menghimpunkan amalan-amalannya sehingga menjadi seperti apa yang terdapat dalam *Tarikah Muhammadiyah* sekarang.
2. Sebagai *tarikah* akhir zaman yang mempunyai tiga implikasi;
 - i. ia disusun khas untuk suasana akhir zaman di mana orang sangat sibuk hingga tidak sempat hendak berzikir secara khusuk di atas tikar sembahyang sahaja. *Tarikah* ini penuh dengan selawat dan ayat al-Qur'an sahaja yang khasiatnya menghasilkan pahala bila dibaca walaupun dengan ketiadaan khusuk.
 - ii. ia disusun khas untuk melayakkan diri menjadi tentera akhir zaman, iaitu tentera kepada Imam Mahadi yang sangat besar kemungkinannya akan lahir di penghujung abad ke -14 Hijrah ini.
 - iii. ia disusun oleh orang akhir zaman, maka tidak ada sanadnya hingga ke akhir zaman Rasul Allah, berlainan dari *tarikah-tarikah* yang lebih terkenal.¹⁸¹

¹⁸¹ Pendapat mengenai *Aurad Muhammadiyah* sebagai penghulu segala tarikah seperti yang disebutkan oleh ahli-ahli Dar al-Arqam yang mengamalkannya, adalah sesuatu yang menimbulkan kekeliruan. Ini kerana bagaimana mereka boleh menganggapnya sebagai penghulu segala tariqat jika ia tidak memiliki sanad seperti tariqat-tariqat lain yang telah diterima umum, antaranya Tariqat Qadiriyah atau Naq shabandiyyah. Begitu juga bagaimana ia boleh dianggap sebagai penghulu segala tariqat sedangkan ia tidak terkenal diluar kumpulan Dar al-Arqam.

Sementara itu, amalan-amalan yang terkandung dalam *Aurad Muhammadiah* ini mempunyai tujuan dan kelebihan-kelebihannya yang tersendiri. Tujuan yang selalu diterangkan kepada ahli-ahli adalah;

- i. Mengikat hati ahli-ahli.
- ii. Menguatkan jiwa perjuangan.
- iii. Melayakkan diri menjadi tentera Imam Mahdi
- iv. Melepaskan diri daripada penyakit, wabak dan bala.

Menurut Akhbar Anang, kadangkala ada diterangkan tujuan-tujuan yang menimbulkan keraguan dan tanda tanya kerana beberapa perkara yang susah hendak diterangkan. Misalnya, apabila terdapat beberapa masalah yang timbul dalam pergerakan, umparanya kekusutan kerana tidak menepati janji, tidak dapat menepati janji, tidak dapat menyelesaikan masalah, timbul krisis atau kerumitan, maka arahan yang selalu dibuat ialah dengan menyuruh mengamalkan *tarikah* kuat-kuat. Apabila wirid dibaca dengan cara intensif dan bersungguh-sungguh dengan sendirinya masalah-masalah akan selesai. Apabila dianjurkan supaya kita harus ada latihan kerohanian, dengan mudah terdengar cadangan supaya masalah latihan kerohanian itu dirujuk saja kepada guru kerohanian Ustaz Ashaari, iaitu Mat Klang.

Seperkara lagi yang dikatakan ganjil oleh Akhbar Anang ialah keyakinan yang ada di kalangan sebahagian ahli wirid dimana seseorang yang kuat mengamalkannya atau mempunyai hubungan dengan penyebaran wirid ini, tidak boleh disentuh atau ditegur meskipun mereka melakukan kesalahan-kesalahan dari segi syari'ah. Contohnya, beliau dan beberapa rakan lain selalu dinasihatkan supaya tidak membuat teguran apa-apa, sekiranya perbuatan atau keadaan yang bertentangan itu dilakukan di rumah Pak Mat. Sebabnya kerana Pak Mat itu cucu kepada Sheikh *tarikah* maka ia sangat faham dengan alam hakikat. Menurut mereka segala apa yang kelihatan

bertentangan dengan syari'ah itu kononnya dilakukan secara berpura-pura sahaja. Ustaz Ashaari ialah wakil kepada Pak Mat untuk mengijazahkan tarikah ini. Sebagai wakil pengembang tarikah ini, Ustaz Ashaari dianggap sebagai Khalifah Muda oleh Pak Mat. Sebarang tindakan Ustaz Ashaari yang serius mesti dirujukkan kepada Pak Mat.

Beberapa syarat telah dihimpunkan ke atas pengamal-pengamal tarikah ini, umpamanya:

1. Wajib mengamalkan setelah menerima ijazah pada setiap selepas waktu sembahyang fardhu. Kiranya tertinggal mesti dibayar bacaannya kembali (qadha).
2. Menyimpan buku *tarikah* baik-baik kerana pada suatu masa ia akan dijadikan paspot untuk menjadi ahli tentera Imam Mahadi yang sekarang ini berhimpun bersama-sama di hutan Alas Ketonggo di Indonesia.
3. Mesti membayar bayaran tertentu dalam tempoh masa tertentu kepada Ustaz Ashaari untuk dibayarkan kepada Pak Mat Klang. Bayaran yang dikenakan bergantung kepada tambahan ilmu yang diijazahkan. Pengamal yang baru pada peringkat awal, iaitu tanpa amalan silat ghaib (Silat Sunda), dikenakan bayaran sebanyak RM 180.00 suami isteri.
4. Jangan tinggalkan tarikah ini selepas menerima ijazahnya. Orang yang meninggalkan tarikah ini setelah diamalkan, selalunya dipercayai akan menerima bala sehingga ke anak cucu.

Saudara Akhbar Anang juga menerangkan tentang Sheikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi dengan Imam Mahdi. Menurutnya , keterangan tentang Sheikh Muhammad As-Suhaimi banyak boleh didapati daripada;

- i. Ustaz Ashaari Muhammad .
- ii. Haji Abdul Halim bin Abbas

- iii. Ustaz Taha As-Suhaimi, Ipoh Lane, Singapura .
- iv. *Manaqib Kiyai Agung*, sebuah buku yang menerangkan tentang riwayat hidup Sheikh Muhammad As-Suhaimi.¹⁸²

Dari sumber-sumber di atas ternyata beberapa perkara yang cuba diyakinkan kepada pengamal-pengamal tarikah, iaitu;

1. Sheikh Muhammad As-Suhaimi adalah Imam Mahdi yang mati pada zahirnya pada tahun 1925 dan dikuburkan di Klang. Beliau sekarang berada di Alas Ketonggo dekat bandar Pacitan di Indonesia. Alas Ketonggo kelihatan sebagai hutan, tetapi adalah bandar para-para wali yang menjadi tentera Imam Mahdi. Kononnya bandar itu serupa dengan bandar biasa yang dibina oleh orang-orang biasa juga.
2. Sheikh Muhammad As-Suhaimi boleh diseru pada bila-bila masa untuk mendapat pertolongan , terutamanya bila berhadapan dengan musuh. Seruan ini biasanya dibuat dalam peristiwa seperti:
 - i. Bersilat
 - ii. Untuk mematahkan hujjah musuh.
 - iii. Untuk melemahkan perasaan musuh.
 - iv. Untuk pelbagai bentuk perlindungan.
3. Warisan tentang ilmu batin yang berhubung dengan tarikah adalah terdapat pada Pak Mat sahaja. Pak Mat mempunyai ilmu yang hebat-hebat dalam hal kebatinan. Antara lain, Haji Abdul Halim dan Ustaz Ashaari ada menerangkan ilmu-ilmu panglima, kuat atau gagah, *ilmu ladunni* (menjadi orang alim secara otomatik). Dan menurut Pak Mat, beliau sendiri mempunyai ilmu pelemah besi, hilang diri dan kebal yang mengikut pendapat beliau mesti dicapai di kalangan

ahli-ahli sebelum sesuatu perperangan dilakukan. Pak Mat adalah saluran kerohanian di mana berita -berita tentang alam ghaib hanya boleh diketahui oleh beliau sahaja.

Saudara Akhbar Anang juga menjelaskan bahawa Ashaari sebagai pengembang *tarikah* banyak sekali menyembunyikan keyakinan beliau. Beliau tidak memberitahu kepada semua pengamalnya kecuali orang itu sangat rapat dengannya dan menunjukkan tanda-tanda keyakinan yang kuat terhadap tarikah ini. Antara keyakinan-keyakinan, sikap-sikap dan gerak geri yang disembunyikannya selalu ialah:

1. Pak Mat sebagai guru kerohaniannya.
2. Sheikh Muhammad As-Suhaimi sebagai Imam Mahdi
3. Kematian Sheikh Muhammad As-Suhaimi secara pura-pura.
4. Pemergian beliau yang sering ke rumah Pak Mat.
5. Pak Mat tempat sumber rujukan dalam tindakan-tindakan yang berat dan besar, misalnya dalam hal pemecatan beliau dan Pak Samad dan sebagainya.
6. Ke mana wang bayaran tarikah itu digunakan.
7. Kesudahan pengamal tarikah yang bersungguh-sungguh, iaitu pengamal itu layak menjadi tentera Imam Mahdi.
8. Sikap tidak meningkatkan hal-hal ekonomi kerana kelahiran Imam Mahdi telah hampir. Maka menjalankan rancangan-rancangan ekonomi jangan tidak sahaja.
9. Pergerakan tentera Imam Mahdi itu dengan ilmu batin sahaja, maka tidak mustahak baginya latihan-latihan fizikal.

Perkara-perkara ini tidak diketahui dan sukar diyakini oleh ahli-ahli biasa Dar al-

Arqam kerana:

¹⁸² Senaskah buku ini ada dalam simpanan penulis.

1. Dalam syarahan-syarahan beliau, beliau menekankan aspek-aspek Syari'ah Islam dipermukaan sahaja dan tidak menyentuh keyakinan dan kefahaman beliau yang lebih dalam lagi.
2. Pada hakikatnya , beliau sering mengatakan perkara-perkara ini hanya kepada mereka yang paling rapat dengannya dan sanggup merahsiakannya.

Satu lagi kegiatan *tarikah* ini ialah Silat Ghaib atau Silat Sunda, ia adalah aktiviti lazim dan terbuka, tetapi kemudian ia diamalkan secara senyap-senyap. Menurut Saudara Akhbar Anang, beliau melihat sekali sahaja Ustaz Ashaari bersilat dan beberapa kali lagi yang dilakukan oleh orang-orang lain. Silat ini ada bukunya dan merupakan sebahagian daripada amalan *tarikah* tertinggi. Ia dimulai dengan menyeru nama Sheikh Muhammad As-Suhaimi dan kemudian dikuti dengan ayat-ayat suci sehingga orang yang menyeru itu bergerak mengikut kehendak hatinya atau serangan musuhnya. Silat ini mempunyai pakaian yang tersendiri, iaitu pakaian tentera Turki yang lampau yang akan digunakan nanti untuk perperangan akhir zaman bersama-sama Imam Mahdi .

Perkara lain yang penting dalam *Aurad Muhammadiah* ialah berkenaan dengan *Manaqib* dan salasilah atau jalur keturunan. Dari segi bahasa, *Manaqib* bererti sifat-sifat kepujian yang ada pada seseorang. Secara umum, *Manaqib* dapat dikatakan sejarah hidup serta puja-pujian yang disusun oleh seseorang murid atau pengikut terhadap gurunya dan penyusunan itu biasanya dilakukan selepas kematian guru tersebut.¹⁸³

Dalam pergerakan Al-Arqam, asal usul Syeikh Muhammad bin Abdullah sebagai penyusun tarikah diperincikan sebegini rupa sampai kepada perhubungan nasabnya

¹⁸³ BAHEIS, 1963, hal. 3

dengan Rasulullah SAW, sebagai sebahagian dari *Manaqib* Syeikh Muhammad Suhaimi, edisi tambahan yang disusun oleh cucu beliau, Taha Suhaimi.¹⁸⁴

Syeikh Suhaimi dianggap sebagai Kiyai Agung (guru agama yang pakar), dan ramai muridnya adalah dari kalangan kiyai (guru agama). Dia dilahirkan di Kampung Sudagaran di daerah Wonosobo di Pulau Jawa pada tahun 1259 Hijrah dan ayahnya adalah saudagar terkenal di Wonosobo. Asal usul keturunannya ialah dari Muhammad bin Abdullah bin Umar bin Abdul Rahim bin Abdul Karim bin Muhiddin bin Nuriddin bin Abdul Razak Al-Madani bin Hassan bin Abu Bakar Asy-Syaibani. Abu Bakar Asy-Syaibani dikatakan nasab keturunannya dari Rasulullah.¹⁸⁵

Manaqib Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi mempunyai edisi asal dan edisi tambahan. Edisi asal ditulis oleh anaknya Fadlullah Suhaimi dalam bahasa Jawa dan kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Edisi tambahan pula disusun oleh Muhammad Taha Suhaimi, iaitu anak Fadlullah Suhaimi, yang dituliskan dalam Bahasa Melayu Rumi dan Jawi. Tentang *Aurad Muhammadiyah* pula, ia diterbitkan oleh Muhammad Abdullah bin Muhammad Khairullah Suhaimi (anak kedua Syeikh Suhaimi) bersama Muhammad Taha Suhaimi.

Dari keterangan-keterangan yang disebutkan pada bahagian ini dapat dilihat adanya beberapa hakikat yang menimbulkan keraguan, terutamanya di kalangan para pengikut pergerakan ini yang terlibat secara langsung dalam barisan pimpinan. Antara isu besar yang dipersoalkan kerana boleh disabitkan dengan syirik ialah mempercayai

¹⁸⁴ Lihat Lampiran 2 (Nasab atau Asal Usul Syeikh Saiyid Muhammad bin Abdullah as Suhaimi)

¹⁸⁵ Ashaari Muhammad, op. cit, 1986, hal. 17-18.

Syeikh Suhaimi sebagai *Imam Mahdi* yang akan lahir ke dunia pada masa depan¹⁸⁶ dan *bertawassul* atau menggunakan pihak ketiga yang telah meninggal dunia untuk berdoa.¹⁸⁷

Keadaan ini telah ditafsirkan sebagai penyelewengan akidah serta bertentangan dengan kesucian agama Islam. Kesannya, beberapa orang pemimpin kanan pergerakan Islam ini mempersoalkan keadaan itu sehingga mereka dipecat. Antara yang terpaksa meninggalkan jamaah ini adalah Ustaz Mokhtar Yaacob (Naib Mudir) dan Akhbar Anang, pengasas dan pentadbir Perkhidmatan Ummah Dar al-Arqam.¹⁸⁸

Sehingga pertengahan dekad 80-an, pergolakan di dalam jamaah ini kelihatan hanya bersifat dalaman. Bagaimanapun, geloranya semakin ketara bilamana selepas itu masih ada pemimpin kanannya yang keluar. Misalnya pada tahun 1986, Naib Syeikhul Arqam, Haji Mohammad Salleh Bakar yang sudah 14 tahun bersama jamaah tersebut akhirnya terpaksa mengundurkan diri dengan mendakwa berlakunya penyelewengan akidah.¹⁸⁹

Isu-isu penyelewengan akidah yang didakwa berlaku di dalam pergerakan ini menjadi bertambah hangat bilamana Ustaz Ashaari Muhammad menjawab secara bertulis terhadap segala tuduhan yang dibuat ke atas Al-Arqam melalui bukunya "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Aqam" yang diterbitkan pada tahun 1986.¹⁹⁰ Terbitnya

¹⁸⁶ Pandangan Prof. Madya Dr. Abdul Fatah Haron Ibrahim pada sesi perbincangan di Seminar Usuluddin, Islam dan Aliran-aliran Pemikiran Masa Kini. Lihat *Utusan Malaysia*, 26 Februari 1988.

¹⁸⁷ Pandangan Dr. Johari Mat (Fakulti Usuluddin Akademi Islam UM), pada seminar yang sama.

¹⁸⁸ Abdul Khaliq, *Senjata Makan Tuan*, Kuala Lumpur : Penerbitan al-Munir, 1993.

¹⁸⁹ *Utusan Malaysia*, 2 November 1988.

¹⁹⁰ Lihat lampiran 3. (Awas Bahaya Ajaran Sesat ! Antara Penyelewengan Akidah Darul Arqam Pimpinan Hj. Ashaari Muhammad)

buku itu ternyata tidak meredakan suasana, sebaliknya mengundang polemik-polemik yang lebih besar, terutamanya apabila Pusat Islam mengeluarkan buku percuma pada tahun 1986, iaitu '*Penjelasan terhadap Buku Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam*'. Tujuannya ialah untuk menjelaskan kepada orang ramai tentang kekeliruan buku mudir Al-Arqam itu dan sekaligus menjawab tuduhan-tuduhan beliau. Di dalam buku itu, Pusat Islam juga memaparkan percanggahan antara pengakuan Ustaz Ashaari pada tahun 1979 tentang isu-isu utama yang melibatkan Al-Arqam dengan apa yang tersurat di dalam buku karangannya sendiri.

Sementara itu, kedudukan wanita di dalam jamaah Al-Arqam lebih tertutup kalau dibandingkan dengan jamaah-jamaah Islam lainnya. Wanita dikatakan memiliki hanya satu akal sedangkan lelaki 9 akalnya. Justeru itu, kemampuan wanita tidak setanding dengan lelaki. Tetapi hakikat yang tidak dinafikan, kadangkala wanita mempunyai ingatan lebih kuat dari lelaki. Namun begitu, mereka dianjurkan agar lebih melayan fungsi perasaan dan seboleh-bolehnya mengelak memegang tugas yang memerlukan lebih kekuatan akal dan jiwa.

Wanita menjadi mulia apabila mengutamakan fungsi fitrah dan biologisnya sebagai suri rumah. Tempat yang sesuai untuk mereka adalah rumah, kerana wanita berfungsi besar dalam pembentukan generasi '*rabbani*'. Mereka juga selalu diingatkan agar banyak bersyukur kerana mereka yang paling mudah masuk syurga, sebab dengan tinggal di rumah, mendirikan sholat, puasa, taat pada suami, sanggup berkorban dan menjaga maruah, boleh masuk ke syurga mengikut pintu mana yang mereka mahu.¹⁹¹ Namun begitu, bagi yang berkebolehan mereka digalakkan membantu kerja-kerja jamaah, tetapi ini juga khusus kepada mereka yang mempunyai bakat dalam

bidang tertentu seperti menjadi guru, jururawat, doktor, mengajar fardu 'ain, menjadi pengarang media massa Islam dan tugas lain yang diamanahkan.

Berhubung dengan pakaian, wanita mereka dituntut memakai purdah bila keluar rumah kerana purdah adalah lambang pengorbanan wanita muslimah dalam zaman ini yang dikatakan sebagai zaman umat telah rosak.¹⁹² Tudung kepala atau mini telekung dianggap tidak sempurna kerana terbukanya muka dan masih memperlihatkan kecantikan. Namun pakaian itu tidak harus dianggap sebagai penghalang. Malah mereka dianjurkan agar bersikap matang, kerana wanita yang demikian adalah srikandi Islam. Maksud matang, mereka harus berstrategi, tahu menilai dan meletakkan diri pada tempatnya, pandai mengatur hidupnya dan pandai membuat keputusan tepat.

Dengan sendirinya, wanita matang sanggup berkorban apa sahaja untuk suaminya dan hadiah yang paling istimewa untuk diberikan kepada suami ialah seorang isteri lagi. Pemberian itu sempurna bukan saja kerana menepati fitrah suami, tetapi juga melambangkan kemerdekaan jiwa wanita yang matang dari rantaian dunia, syaitan dan hawa nafsu yang sentiasa menipu. 'Provokasi' seperti ini bukan sahaja menyebabkan ramai isteri yang mencarikan madunya untuk kepentingan suami, tetapi wanita-wanita muda juga ramai yang sanggup bernikah dengan lelaki berumur. Malah ramai wanita yang asalnya berkerja, akhir bersetuju untuk berhenti agar dapat melayan suami sepenuh masa. Tetapi, tidak kurang juga yang kecewa, kerana setelah tidak bekerja, ada yang diceraikan kerana suami mereka ingin berkahwin untuk yang kelima kali atau paling kurang mereka terpaksa akur untuk dimadu.

¹⁹¹ Temubual dengan Ainul Farhana dan Ainul Fathia (bukan nama sebenar), anggota Al-Arqam, pelajar tajaan dari Sarawak yang belajar di Tingkatan 6 Atas, di Yayasan Anda KL, pada 15 Mei 1988.

¹⁹² Berita Harian, 21 November 1989.

3.3.4. Kesimpulan

Apa yang pasti, masalah-masalah dalaman yang telah dikesan pada akhir dekad 70-an itu bukan sahaja menjelaskan perluasan pengaruhnya, tetapi ia mengundang masyarakat dan pihak berkuasa untuk mempersoalkan beberapa keutamaan di dalam jamaah ini, misalnya seperti soal poligami yang tidak seutuhnya mengikut sunnah Rasulullah. Keadaan menjadi bertambah rumit pada akhir dekad 80-an dan 90-an apabila mereka mencabar kewibawaan kerajaan seperti hasratnya untuk mengendalikan Pusat Islam¹⁹³, meskipun pemimpin utamanya pernah menegaskan bahawa Al-Arqam tidak berniat untuk mencampuri soal-soal politik atau merampas kuasa sesiapa.¹⁹⁴

Cabaran-cabaran Al-Arqam dan suasana tegang yang berbangkit itu telah menyebabkan pihak 'establishment' di Malaysia mengambil tindakan keras seperti melarang aktiviti penerbitan dan penglibatan mereka dalam sebarang institusi pemerintah. Pada 5 Ogos 1994, bersamaan dengan 27 Safar 1415 Hijrah, Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam telah mengharamkan ajaran Dar al-Arqam.¹⁹⁵ Ini diikuti dengan langkah pihak berkuasa menangkap para pemimpin dan pengikut yang dianggap boleh membahayakan keselamatan Malaysia. Kemuncaknya ialah apabila Ashaari Muhammad ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dan Akta Pertubuhan 1966.¹⁹⁶ Apa yang boleh disimpulkan bahawa Aurad Muhammadiyah telah menghancurkan Dar al-Arqam sebagai sebuah pergerakan Islam di negara ini.

¹⁹³ *Utusan Malaysia*, 7 September 1988.

¹⁹⁴ Abu Saifullah Ramadhan, *Arqam Militant*, Kuala Lumpur : Tinta Merah, 1991, hal. 56

¹⁹⁵ Kenyataan penuh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia*, 6 Ogos 1994.

¹⁹⁶ *Berita Harian*, 6 September 1994.

3.4. Jamaat Tabligh Dalam Penghayatan Islam di Malaysia

3.4.1. Sejarah Perkembangannya.

Jamaat Tabligh adalah sebuah pergerakan Islam di Malaysia yang berorientasikan '*penyedaran dan bimbingan*' yang bertujuan membersihkan jiwa (*Tazkiyah al-nafs*), memperkentalkan iman dan meningkatkan amal ibadat kepada Allah. *Tabligh* adalah istilah dalam bahasa Arab yang berasal dari akar kata '*Iblaghun*' (ابلاغ) yang bererti '*menyampaikan*' atau '*persampaian*'.¹⁹⁷ Menurut Kamus Dewan,¹⁹⁸ *tabligh* bermakna penyiaran ajaran Islam di mana orang-orang yang menyediakan bahan-bahan pengajaran itu atau individu serta kumpulan yang menyampaikan pengajaran tersebut dinamakan sebagai '*mubaligh*'.

Gerakan ini berasal dari Mewat di bahagian selatan Kota Delhi, India. Pengasasnya adalah Malulana Ilyas yang dilahirkan pada tahun 1885. Pada awalnya gerakan ini dinamakan '*Tahrik-I-Iman*', iaitu suatu wadah yang berorientasikan pemulihan agama untuk mengembalikan semula penduduk Mewat kepada ajaran Islam yang sebenar. Ini kerana masyarakat di daerahnya pada waktu itu hanya Islam pada nama sahaja, tetapi jahil dalam hal ehwal keislaman dan masih menghayati sistem kepercayaan dan cara hidup Hindu. Beliau dikatakan lebih cenderung menggunakan nama ini dari Jamaat Tabligh kerana konsep jamaah Islam wujud dalam masyarakat Islam sejak dahulu lagi. Ini dapat dilihat apabila Al-Qur'an dijadikan perlumbagaan, masjid sebagai tempat menjalarikan aktiviti dan Mekah dan Madinah adalah pusatnya.¹⁹⁹

¹⁹⁷ Muhd Idris Abdul Rauf Al Marbawi, *Kamus Idris Marbawi*, Singapura : Pustaka Nasional, t.t, hal. 60.

¹⁹⁸ Teuku Iskandar , *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : DBP, 1970, hal.1153

¹⁹⁹ Muhammad Anuar ul-Haq, *The Faith Movement of Maulana Ilyas*, London : George Allen and Unwin Ltd.,1987, hal. 45.

Maulana Ilyas dikatakan sejak kecil lagi telah melakukan perkara-perkara yang lebih dewasa dari umurnya.²⁰⁰ Di samping beliau, beberapa orang tokoh agama lainnya yang dikaitkan sebagai ketua gerakan ini ialah In'amul Hasan, Muhammad Manzur Nu'mani, S. Abul Hasan Ali Nadwi dan Iftekhar Faridi.²⁰¹ Keistimewaan jamaah ini ialah kerana aktivitinya yang memberi tumpuan semata-mata kepada amal ibadat tanpa mencampurkannya dengan aktiviti-aktiviti lain. Pusat kegiatan jamaah ini adalah di Nizamuddin, kira-kira 5 kilometer dari bandar New Delhi.

Ada beberapa tujuan *Jamaat Tabligh* ini, antaranya,

- i. Mengembangkan ajaran dan amalan-amalan Islam di kalangan orang-orang yang beragama Islam.
- ii. Untuk merealisasikan praktik-praktik dan amalan-amalan Islam di dalam kehidupan seharian berlandaskan Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW.
- iii. Untuk menghidupkan cara-cara berdakwah sebagaimana yang dijalankan oleh Rasulullah SAW dan sahabat-sahabatnya,
- iv. Untuk menguatkan iman dan pegangan orang-orang Islam terhadap agama mereka.²⁰²

Maulana Muhammad Ilyas pada mulanya menyebarluaskan gerakan ini di kalangan orang-orang Meo atau dikenali juga dengan gelaran orang-orang Mewat yang tinggal di selatan New Delhi . Asalnya mereka penganut Hindu dan kemudian ramai yang memeluk Islam atas usahanya dan juga atas kegigihan beberapa orang tokoh sebelum

²⁰⁰ Abul Hassan Ali Nadwi, *Riwayat dan Perjuangan Maulana Mohamad Ilyas : Pengasas Gerakan Tabligh sedunia* (terjemahan), Kuala Lumpur : Kas Al-Alami Publications, 1991, hal. 10.

²⁰¹ Op. cit., hal. 12

²⁰² Abdullah Fahim Hj. Abd. Rahman, "Kumpulan Jemaah Tabligh" dalam *MASA (Jurnal Pusat Penyelidikan Islam Malaysia)*, Tahun 4, Bil. 4., Kuala Lumpur : BAHEIS, JPM ,1983, hal. 11.

beliau yang antara sumbangan mereka dapat dilihat dalam bentuk mendirikan institusi-institusi pendidikan Islam.

Perlu dijelaskan bahawa anak-anak orang Mewat ini telah didedahkan dengan pendidikan cara Islam , tetapi hasilnya masih kurang memuaskan. Apabila Maulana Ilyas mengambil alih tugas tersebut, orang-orang Mewat telah datang kepadanya supaya beliau selalu datang menzairahi mereka untuk menguatkan lagi komitmen anggota masyarakat itu terhadap ajaran Islam. Di sinilah Maulana Ilyas membuat kesimpulan bahawa tidak cukup kalau masyarakat itu hanya diberi syarahan sahaja berhubung perkara yang berkaitan dengan ajaran Islam. Lebih penting, yakni membimbang mereka agar menghayati Syariat Islam dan mengamalkan ajarannya dalam kehidupan sehari-hari.

Maulana Ilyas juga menyedari bahawa cara persekolahan atau membuka madrasah tidak banyak memberi kesan, kerana orang-orang Meo tidak suka memisahkan diri daripada anak-anak mereka melalui sekolah. Di samping itu, sistem sekolah ini hanya boleh menarik kanak-kanak atau orang-orang muda, tetapi tidak dapat menarik kumpulan masyarakat Islam di semua peringkat umur. Dengan itu, selepas satu mesyuarat yang diadakan di Muhi, Mewat, persetujuan telah dicapai untuk menujuhkan satu kumpulan bagi melawat kampung-kampung tertentu selama 8 hari dan kemudian mereka berkumpul di Masjid Sobnay untuk mendirikan solat Jumaat.

Dari kumpulan pertama itulah akhirnya ditubuhkan kumpulan-kumpulan lain untuk melawat kawasan-kawasan dan kampung-kampung dan berkumpul di masjid lain pula. Begitulah bermulanya pergerakan jamaah ini dan didapati kesannya cukup besar untuk masyarakat Mewat, dan cara hidup Islam dapat direalisasikan. Sejajar dengan

keberkesanannya itu, pendekatan tersebut akhirnya digunakan untuk berdakwah di kawasan-kawasan lain, termasuk sehingga ke peringkat antarabangsa.²⁰³

Mengikut hemat Maulana Ilyas, gerakan ini boleh dijayakan melalui proses *ta'alim* (mengajar) dan *ta'alum* (belajar) yang berakhir dengan wujudnya kumpulan-kumpulan orang yang sanggup mengorbankan waktu untuk keluar dan berjihad bagi menyampaikan seruan Islam kepada setiap lapisan masyarakat. Untuk itu, setiap orang Islam hendaklah meninggalkan rumahnya dan berhijrah ke pusat pengajian, iaitu masjid selama tiga 'chillah' atau empat bulan sekali dalam hidup di bawah pengawasan institusi agama dan tunjuk ajar ulamak²⁰⁴.

3.4.2. Prinsip, Susunan Organisasi dan Pentadbiran Jamaat Tabligh

Organisasi ini berpusat di Nizamuddin, New Delhi, India dengan amirnya Maulana In'amil Hasan yang bergelar Hadrat Ji. Keadaan dan bentuk organisasi jamaah ini adalah longgar, di mana tidak ada perlantikan secara rasmi terhadap satu-satu jawatan, umpamanya jawatan *amir* (ketua) dan jawatan ahli syura. Terdapat beberapa unsur di dalam organisasi Jamaat Tabligh ini:-

1. Ahli biasa

Ahli biasa adalah ahli-ahli yang hanya mengikuti perjalanan Jamaat Tabligh India. Mereka umumnya tidak memegang apa-apa jawatan di dalam jamaah ini.

2. Amir

Konsep *Amir* pada asalnya diambil dari konsep *Amir al-Mukminin*, iaitu gelaran bagi *khalifah* yang empat, tetapi jamaah ini mengakui *Amir* seperti itu tidak lagi wujud

²⁰³ Maklumat ini disampaikan oleh Maulana Muhammad Shafiq, Ketua Markaz Jamaat Tabligh Pakistan di Lahore, ketika penulis dan rombongan belia Islam antarabangsa melawat markaz tersebut sesudah mengikuti "Training for Da'i and Imams" di Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, pada tahun 1986.

sekarang. Walau bagaimanapun, istilah *Amir* digunakan juga untuk menunjukkan ketua yang berazam mengamalkan sifat-sifat yang harus ada pada seseorang *Amir* itu. Antara sifat-sifat yang harus ada pada seseorang *Amir Jamaat Tabligh* ini ialah :-

- i. Adil
- ii. Ahli fikir
- iii. Mempunyai sifat sufi (taqwa, wara', sabar dan lain-lain)
- iv. Mempunyai sifat-sifat *da'i*
- v. *Mahabbah* (kasih sayang).

Amir terbahagi kepada dua jenis , iaitu:-

- a. *Amir tetap*, atau *Amir Khidmat*, iaitu *Amir* yang dilantik atau dipilih untuk memberi khidmat dalam tugas-tugas seperti:-
 - I. Menguruskan soal perhubungan antara pusat-pusat Jamaat Tabligh, India dalam kerja-kerja dakwah yang dilakukan, umpamanya untuk mengetahui siapakah yang akan datang memberi syarahan di masjid-masjid di dalam kawasannya dan menguruskan soal kemudahan mereka itu.
 - ii. Mengurus tetamu-tetamu *Tabligh* dari dalam dan luar negeri.
 - iii. Mengumpulkan aduan-aduan dan masalah Jamaat Tabligh India tempatan untuk disampaikan kepada mesyuarat Ahli Syura.

b. *Amir Rombongan*.

Amir rombongan ialah orang yang mengetuai satu-satu rombongan tabligh yang akan keluar bertabligh dalam tempoh masa tertentu sama ada di dalam negeri atau di luar negeri. Tempoh keluar berdakwah adalah berperingkat-peringkat, iaitu:

²⁰⁴ Muhammad Anuar ul-Haq, op. cit., 1987, hal. 142.

- i. Satu hari satu malam
- ii. Tiga hari tiga malam
- iii. Tujuh hari tujuh malam
- iv. Empat belas hari empat belas malam.
- v. Empat puluh hari empat puluh malam
- vi. Empat bulan.

Selama tempoh keluar itu, *Amir* berkenaan adalah bertanggungjawab ke atas keadaan ahli-ahlinya . Antara tugas-tugas seorang amir rombongan untuk mengembangkan Islam ialah:

- i. Ia mesti memberi keselesaan kepada ahlinya
- ii. Ia tidak boleh berkasar terhadap ahlinya dan tidak boleh berbahasa sebagai memerintah.
- iii. Jika seorang ahlinya boleh bercakap/bersyarah, ia hendaklah memberi peluang kepadanya.
- iv. Ia hendaklah berkelakuan yang sesuai mengikut keadaan (status) ahlinya.
- v. Ia hendaklah menasihatkan ahlinya dengan lembut.

Satu-satu rombongan tabligh boleh sahaja terdiri daripada beberapa orang yang munasabah, paling sedikit ialah tiga orang. Tugas dan jawatan *Amir* ini akan tamat apabila selesai saja perjalanan tabligh itu.

Kedua-dua *Amir* di atas adalah dilantik di dalam setiap kali mesyuarat Ahli Syura tempatan. Jawatannya dengan sendiri akan gugur apabila diadakan mesyuarat ahli syura kemudiannya, kecuali jika dipilih semula. Tiap-tiap satu kawasan mempunyai seorang *Amir*. Mesyuarat ahli syura boleh diadakan

sekerap mungkin mengikut keperluan umpamanya sebulan sekali. Pada prinsipnya *Amir* dipilih daripada kalangan ahli syura.

Perbezaan antara *Amir Tetap* (khidmat) dengan *Amir Rombongan* ialah dari segi tugas dan kewibawaan pengetahuan agama masing-masing dan juga dalam beberapa segi yang lain. *Amir Tetap* adalah dipilih dari orang yang lebih alim dan lebih berpengalaman di dalam jamaah itu. Ia juga dari orang yang lebih dikenali dan disegani di kalangan mereka sedangkan *Amir Rombongan* adalah orang yang hanya lebih baik dan disegani dari kalangan ahli rombongan sahaja. Ia tidak semestinya dari orang yang alim dan pandai, malah ada ahli rombongan biasa yang lebih alim dari *Amir* tersebut.

3. Syura

Syura adalah satu majlis yang dilantik dari orang-orang alim dan berpengalaman luas di dalam Jamaat Tabligh India ini. Terdapat juga *amir-amir* yang dilantik menduduki *Majlis Syura* ini. Majlis *Syura* inilah yang memberi keputusan dalam satu-satu masalah yang berat yang timbul di dalam perjalanan Jamaat Tabligh India ini. Ahli *syura* boleh terdiri sekurang-kurangnya daripada 4 orang. Pada prinsipnya, *Majlis Syura* ini terdapat di setiap kawasan.

Fungsi *Majlis Syura* (*Syura Jamaah*) antaranya ialah:

- a. Untuk menyelesaikan masalah dan aduan-aduan yang perlu diselesaikan yang timbul dalam kegiatan Jamaat Tabligh ini.
- b. Memilih *amir-amir* yang akan bertugas untuk satu-satu kawasan dan yang akan mengetuai rombongan Tabligh yang akan berjalan.
- c. Memutuskan apa-apa yang perlu dalam soal pengendalian *ijtima'* dan yang berkaitan dengan kegiatan tabligh.

4. *Ijtima'*.

Ijtima' ialah perhimpunan besar yang diadakan oleh Jamaah ini yang sekurang-kurangnya akan disertai oleh 10,000 orang. *Ijtima'* antarabangsa yang diadakan memakan masa selama tiga hari dan diadakan setahun sekali. Ia dihadiri oleh beratus ribu peminat Jamaah ini dari seluruh dunia. Antara tempat-tempat yang pernah diadakan *Ijtima'* antarabangsa selain dari India, Pakistan dan Bangladesh ialah Jordan, England dan Perancis. Antara tujuan *ijtima'* ialah untuk:-

- a. Membincangkan soal-soal kemajuan yang dicapai oleh Jamaah ini.
- b. Membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh Jamaah ini dan ahli-ahlinya dan mencari jalan penyelesaian.
- c. Memberi nasihat-nasihat terhadap ahli-ahli Jamaah ini dan menambahkan pengetahuan mereka.
- d. Menguatkan lagi semangat dan perpaduan ahli-ahli Jamaah ini.
- e. Mengatur perjalanan dakwah bagi ahli-ahli Tabligh yang berkesanggupan.

5. Zon.

Bagi memudahkan perjalanan kegiatan tabligh ini, mereka membahagikan sesebuah negara itu kepada beberapa bahagian tertentu yang dipanggil zon. Zon adalah satu kawasan besar yang meliputi beberapa kawasan kecil yang telah ditentukan oleh jamaah ini. Amir-amir di tiap-tiap kawasan akan berkumpul di satu zon untuk menyampaikan apa-apa masalah tabligh untuk diselesaikan bersama. Jika perkara itu menyentuh perkara-perkara mengenai dasar dalam hukum, ia akan dirujuk ke Majlis Ahli Syura kawasan masing-masing. Antara peranan zon itu ialah:

- a. Menguruskan soal kestabilan Jamaat Tabligh di kawasan-kawasan zon tersebut.
- b. Untuk menyelesaikan kesulitan-kesulitan yang timbul mengenai pentadbiran dan cara-cara bertabligh.

Keputusan zon akan diamalkan sendiri oleh kawasan-kawasan di dalam zon tersebut tanpa dirujuk kepada zon-zon yang lain, kecuali jika ia terlibat dengan soal hukum, maka ia dirujuk kepada Majlis Ahli Syura.

Jamaat Tabligh mengutamakan beberapa prinsip tertentu, antaranya ialah:-

1. Mengucapkan *Kalimah Tayyibah (Syahadah)*.

Dengan pengucapan ini ia mengaku bahawa Allah yang memang menolong sekalian manusia. Dengan demikian, ia akan taat kepadaNya dengan meninggalkan segala larangan dan amalan yang bertentangan dengan perintahNya. Dengan syahadah ini juga ia akan mengaku bahawa Nabi Muhammad sebagai Pesuruh Allah itulah yang memandu manusia ke jalan yang benar. Taat kepada Rasulullah bererti taat kepada Allah.

2. Berkaitan dengan menuaikan sembahyang.

Tabligh amat mengutamakan sembahyang berjemaah dan mereka juga amat perihatin serta memberi penekanan tentang cara sembahyang yang betul seperti cara-cara yang betul melakukan rukuk dan sujud.

3. Perihal pengetahuan dan zikir

Setiap orang Islam mesti mencuba seboleh-bolehnya mencapai setinggi-tinggi taraf ilmu dan zikir. Tumpuan pengajaran dalam Jamaat Tabligh ini adalah untuk memperolehi pengetahuan yang lengkap dan sesuai dengan Islam dan untuk menyebarkan perkara-perkara tersebut kepada orang-orang Islam yang lain. Dengan itu, mereka akan meminati Islam. Lebih daripada itu, ahli-ahli Jamaah ini mesti mengetahui janji-janji dan perintah-perintah Allah dan mesti mengamalkannya.

4. Menghormati orang Islam;

Setiap orang Islam mesti menyedari hak orang Islam yang lain. Mereka hendaklah melayan mereka itu mengikut golongan dan martabat seseorang secara Islam. Islam telah menyuruh semua penganutnya supaya hidup sebagai satu masyarakat yang bersatu padu antara mereka. Mereka mesti hidup dengan aman dan saling bantu membantu antara satu sama lain.

5. Ikhlas

Istilah ini juga dipanggil '*membetulkan niat*'. Segala perbuatan hendaklah dilakukan kerana Allah, untuk mendapat balasanNya di akhirat.

6. Meluangkan masa

Seseorang mukmin itu mestilah meluangkan masa sebanyak mungkin untuk menyebarluaskan suruhan Allah sekalipun terpaksa meninggalkan rumah tangga dan keluarganya untuk tujuan yang agung itu. Di masa ini seseorang hendaklah melatihkan dirinya untuk mengamalkan perkara-perkara yang lima yang disebutkan sebelum ini. Ini kerana dengan cara itu ia dapat mengamalkan kebudayaan Islam yang sebenar.²⁰⁵

7. Meninggalkan perbuatan dan percakapan yang sia-sia.

Perbuatan ini menghuraikan betapa pentingnya keperluan sikap warak (*piety*). Seseorang Islam hendaklah pada setiap saat hidupnya menyuruh orang lain mengerjakan kebajikan untuk akhiratnya. Ia dikehendaki tidak hanya mengelakkan daripada dosa, malah juga daripada sebarang perkara yang sia-sia dan adat-adat yang boleh merosakkan hidupnya dan memberi kesan kepada asas-asas agama serta iman. Sekalipun terdapat perbuatan dan kegemaran yang tidak berdosa, tetapi semuanya

²⁰⁵ Lihat Maulana Ashiq Ilahi, "Six Lessons of Islamic Tabligh". Pakistan : Lahore, 1976.

hanya membuang masa dan tenaga sedangkan pada masa itu kita dapat melakukan kerja lain yang lebih berfaedah.

Dalam perjalanan tabligh, sembahyang-sebahyang sunat amat ditekankan dan semua jenis sembahyang sunat perlu dilakukan dengan cermat. Namun demikian, ditegaskan bahawa berdakwah adalah lebih penting daripada melakukan sembahyang sunat. Tumpuan-tumpuan dakwah bagi kumpulan tabligh ini adalah tempat-tempat yang terdapat ramai orang dan kesibukan perniagaan seperti bazar, lorong-lorong, dan sebagainya. Mereka selalunya mengingati orang ramai supaya ingatkan Allah dan sentiasa berzikir. Mereka juga menemui sasaran dakwah mereka itu dari pintu ke pintu. Mereka digalakkan menyeru dan memberi syarahan dakwah mereka dengan cara dan bahasa yang mudah difahami tanpa meniru ahli-ahli syarahan yang lain. Dalam syarahan mereka, biasanya mereka menasihatkan para pendengar agar mengamalkan apa yang mereka tahu mengenai Islam.

Di samping itu juga, setiap kumpulan tabligh mesti mematuhi arahan ketua kumpulan selagi beliau tidak menyuruh melakukan dosa. Mereka mesti mentaatinya sekalipun arahan tersebut berlawanan dengan pendirian mereka dan sekalipun pengetahuan ketua itu tidak setinggi pengetahuan ahli kumpulan.

3.4.3. Amalan-amalan Jamaat Tabligh

Jamaat Tabligh amat menekankan sunnah Nabi dalam amalan harian mereka.

Berikut adalah contoh-contohnya:-

- a. Cara makan
 - i. Jangan mulakan makan dari pertengahan hidangan kerana rahmat Allah adalah turun ditengah-tengah tempat itu.

- ii. Habiskan semua makanan di dalam bekas itu, jangan ditinggalkan untuk 'hantu'.
Jika selesai memakan semua makanan itu, bekas makan itu akan berdoa kepada Allah supaya anda terlepas dari neraka.
- iii. Makanlah dengan menggunakan tiga jari tangan kanan.
- iv. Jilatlah tangan sebelum membasuh tangan.
- v. Jika ada makanan yang jatuh ke baju , pungutlah dan makan, jangan dibiarkan untuk 'Syaitan'.
- vi. Hendaklah makan secara berkumpulan dan janganlah makan secara berasingan.
- vii. Basuh mulut anda selepas minum susu dan bacalah doa ini,

اللهم بارك لనافيه وزدنامنه

- b. Cara tidur
 - i. Jangan tidur tanpa *wudhu'*
 - ii. Cucikan (sapukan) katil tiga kali sebelum tidur
 - iii. Rebahkan badan sebelah kanan ke bawah, letakkan tangan kanan di bawah kepala dan bacakan,

اللهم باسمك امون واحيا

- iv. Sebelum tidur baca tiga puluh kali doa berikut;

اَنَّ الَّذِينَ امْنَوْا الْآيَةُ (سُورَةُ الْكَهْف)
- v. Baca juga semua empat surah; mula dengan 'قُل' dan tepukkan tangan anda , dan lurutkannya ke seluruh badan. Lakukan tiga kali.
- vi. Baca surah

تَبَارَكَ اللَّذِي بَيْدَهُ الْمَلَكُ (سُجْدَةُ الْمَ)

 hingga akhir sebelum tidur.
- vii. Gunakan '*collyrium*' (celak) kepada mata tiga kali sebelum tidur.

viii. Jika ingin bangun sembahyang *tahajjud*, bacalah

انالذين امنوا الایه (سورة الكهف)

- c. Wudhu' dan sembahyang
 - i. Apabila waktu sembahyang sudah hampir ambillah wudhu' sebelum bergerak (meneruskan perjalanan).
 - ii. Sembahyang Maghrib boleh dilakukan sehingga 1 1/2 jam selepas jatuh matahari. Adalah salah jika dikatakan ia tidak boleh dilakukan selepas beberapa minit setelah matahari jatuh.
 - iii. Jika jarak perjalanan itu 48 batu atau lebih, boleh dilakukan qasar.
 - iv. Jika dalam kesibukan, boleh ditinggalkan sembahyang sunat, taqdim atau taakhir bagi lain-lain sembahyang kecuali subuh. Jika tidak sibuk, digalakkan melakukan semua sembahyang sunat.
4. Rampaian (*Miscellaneous*)
- i. Setiap ahli Jamaat Tabligh adalah bertanggungjawab sendiri ke atas bekalan dan peralatan semasa perjalanan.
 - ii. Apabila sampai di satu-satu bandar, pekan atau kampung, jangan tinggal di tempat lain kecuali di masjid sahaja.
 - iii. Segala peraturan dan adab-adab semasa perjalanan dan semua doa-doa yang dilakukan hendaklah terus diamalkan semasa dirumah. Ini kerana semasa perjalanan itu adalah masa melatih melakukan amalan-amalan yang baik dan dengan betul.

- iv. Sembahyang berjamaah hendaklah diamalkan, bukan sahaja semasa perjalanan mengikut jamaah ini, malah semasa perjalanan biasa yang lain.²⁰⁶

3.4.4. Kegiatan Jamaah Tabligh di Malaysia

Kegiatan Jamaat Tabligh India ini dipercayai dibawa masuk ke Malaysia pada tahun 50-an. Bagaimanapun, kegiatannya yang agak menonjol dapat dikesan di Pulau Pinang pada awal tahun 1973, yang dibawa oleh orang-orang India Muslim secara kumpulan. Di Pulau Pinang, kegiatannya berpusat di Seberang Prai Tengah, Balik Pulau dan bandar Georgetown. Tempat-tempat yang menjadi tumpuannya, iaitu Masjid Benggali, Leith Street, Masjid Kapitan Kling di Georgetown dan di Madrasah Manabi al-Ulum di Penanti, Bukit Mertajam. Di Kuala Lumpur, pusat kegiatannya yang utama ialah di Masjid India dan Masjid Sri Kembangan dekat Universiti Pertanian Malaysia(UPM).

Ahli-ahli dan pengikut Jamaah ini agak mudah dikenali dari pakaian mereka. Kebanyakannya berbaju kemeja panjang sampai ke lutut, bersongkok atau kopiah ala India, berkain sarung atau berseluar longgar dan memelihara janggut dan jambang. Ahli-ahli ini juga sering kelihatan berjalan kaki dan singgah dari sebuah masjid ke masjid lain. Ketika keluar berdakwah, mereka akan membawa beg-beg galas untuk pakaian, kerana sambil memberi ceramah, mereka menjadikan kawasan masjid sebagai tempat penginapan sekali.

Dalam dasawarsa 60-an dan 70-an , aktiviti tabligh ini berjalan baik, walaupun sambutannya masih agak kecil. Tetapi pada dekad 80-an ke atas, sambutan sudah mulai menggalakkan dan perkembangan ini sekaligus mengundang pelbagai tanggapan. Antara yang banyak dipersoalkan , iaitu pendekatannya yang memencarkan para

²⁰⁶ Maulana Ashiq Ilahi, op. cit., 1976, hal. 5-26

pengikutnya daripada arus pergolakan majoriti ummah, terlalu menumpukan perhatian kepada kepentingan akhirat sahaja, dan pengembalaan yang lama dengan meninggalkan pekerjaan dan keluarga. Polemik ini akhirnya menimbulkan pandangan yang agak 'nakal' dengan menganggap Jamaah ini mengabaikan kepentingan dunia.

Seperti yang telah disebutkan, Jamaat Tabligh bergerak berdasarkan tujuh prinsip umum. Dalam hal ini, semua gerak kerja itu biasanya diterapkan ke dalam gerak kerja berikut:

1. Beramallah di dalam masjid. Ini merangkumi kegiatan membesar dan mengagungkan zat Allah, membicarakan tuntutan iman dan tentang alam akhirat, menceritakan kepentingan amal yang menguntungkan dunia dan akhirat, mengadakan majlis ilmu (*halaqat ta'alim*) dan berzikir, membentuk (*tasykiif*) kumpulan untuk mentablichkan iman dan amalan soleh ke negara dan daerah berjauhan, mementingkan tolong menolong dan simpati antara satu dengan lain dan berkorban untuk agama.²⁰⁷
2. Keluar ke jalan Allah selama tiga hari dalam sebulan ke kampung berdekatan, iaitu kawasan di sekitar lima kilometer.²⁰⁸
3. Mengadakan ziarah dua kali seminggu.
4. Menghubungi pusat Tabligh (biasnya masjid) sekali dalam seminggu bagi memikirkan usaha dakwah tempatan.
5. Solat jamaah bagi setiap waktu
6. Keluar ke jalan Allah selama 4 bulan sekali seumur hidup dan 40 hari dalam setahun.

²⁰⁷ Furqan Ahmad Ansaari, *Bagaimana Kita Bertabligh*, (terjemahan), Pulau Pinang : H. M. Yaqoob Ansaari, 1979, hal. 42.

²⁰⁸ Muhammad Anuarul Haq, op. cit., 1987, hal. 116.

Berdasarkan kepada prinsip dan garis panduan gerak kerja di atas, pengikut Tabligh biasanya menjalankan aktiviti *ijtima'* (perhimpunan) mingguan di masjid, terutamanya pada malam minggu selepas solat Maghrib dan berlarutan hingga ke Subuh esoknya. Perhimpunan ini mengikut ramai atau sedikitnya pengikut Tabligh di sesuatu kawasan. Biasanya ia dihadiri di antara 10 hingga 20 pengikut Tabligh dengan diketuai oleh seorang Amir. Acara *ijtima'* tersebut bermula dengan amalan-amalan di masjid, seperti solat sunat *Tahiyat al-masjid*, solat-solat sunat lain dan diikuti dengan mendirikan solat wajib secara berjemaah. Rombongan-rombongan yang mewakili sesuatu kawasan biasanya akan tiba menjelang waktu Asar.

Ahli-ahli Jamaat Tabligh dari daerah-daerah atau pusat-pusat kegiatan mereka, misalnya dari asrama atau kampus biasanya telah menyusun strategi dan membuat persiapan yang perlu untuk mengikuti *ijtima'* yang telah ditetapkan di sesuatu pusat. Persiapan tersebut termasuklah mencari ahli-ahli baru atau peminat gerakan dakwah agar kumpulan yang akan mengambil bahagian dalam *ijtima'* pada hujung minggu yang telah ditetapkan, bukan hanya terdiri daripada ahli atau pengikut yang sama, yang telah mengikuti acara yang sama pada waktu sebelumnya. Cara mereka mencari ahli baru ialah sama ada dengan membuat pelawaan langsung atau dengan menggunakan pengaruh ahli-ahli yang berwibawa. Misalnya, individu yang mengambil bahagian dalam solat wajib berjamaah di surau-surau kampus dan dikenalpasti sebagai 'kaki surau', adalah orang yang pertama yang menjadi sasaran mereka. Biasanya, selepas saja berakhirnya solat berjamaah dan 'zikir lazim', salah seorang dari ahli atau pemimpin mereka akan mengumumkan agar selepas mengerjakan solat sunat, para jamaah tidak terus bersurai kerana akan diadakan majlis ilmu.

Selepas solat Maghrib adalah waktu yang dianggapkan paling sesuai untuk mengadakan aktiviti tersebut, memandangkan jumlah pelajar yang turun untuk

mendirikan solat secara berjamaah biasanya lebih ramai dari waktu-waktu lain. Acara ini akan dimulai dengan membaca bahagian tertentu dari antara 9 buah buku teks sebagai bacaan tetap untuk pengikut-pengikutnya. Buku-buku itu adalah karangan ulama-ulama kumpulan ini di India dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.²⁰⁹ Semasa membacakan kandungan kitab yang dirujuk pada ketika itu, pembacanya biasanya akan menokok tambah apa yang dirasakan perlu dan berkaitan dengan persoalan yang dibicarakannya. Tambahan dan ulasan yang diberikannya sudah tentu sesuai dengan tingkat pengetahuan agama orang tersebut. Sesudah itu barulah diumumkan berhubung dengan *ijtima'* yang akan diadakan pula pada hujung minggu itu. Di sinilah pelawaan akan disampaikan dan ada kalanya diselitkan dengan unsur-unsur 'provokasi' seperti menyebut akan kemampuan orang yang dipelawa tersebut sejajar dengan kemampuan seperti yang mereka nilai. Biasanya, hanya beberapa orang sahaja dari yang menghadiri majlis itu bersetuju untuk mengikuti *ijtima'* tersebut dan tidak mustahil ada di antaranya yang bersetuju atas sebab-sebab 'tertentu' atau 'terpaksa'.

Kesungguhan itu dapat dinilai apabila tibanya hari yang ditetapkan untuk menghadiri *ijtima'* tersebut. Boleh dikatakan tidak semua yang telah memberi nama akan hadir. Bagaimanapun, rombongan yang ada akan tetap pergi pada waktu yang ditetapkan sama ada dengan menggunakan kenderaan khas atau menaiki bas biasa.

²⁰⁹ Buku-buku yang dimaksudkan ialah:

- a) Maulana Ashiq Ilahi, *Enam Prinsip Tabligh*, Ganesh Printing Works.
- b) Raisul Muaddisin Allama et.al., *Kisah-kisah Para Sahabat Jilid I dan II*, Pulau Pinang : H.M. Yaacob Ansari, t.t.
- c) _____, *Asli Fadzilat Tabligh*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.
- d) _____, *Asli Fadzilat Salat*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.
- e) _____, *Asli Fadzilat Zikir*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.
- f) _____, *Asli Fadzilat Quran*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.
- g) _____, *Asli Fadzilat Ramadhan*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.
- h) _____, *Asli Fadzilat Shalawat*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.
- i) Furqan Ahmad Ansari, *Doa dan Zikir Rasulullah SAW*, Pulau Pinang : H. M. Yaacob Ansari, t.t.

Menjelang waktu solat Asar, rombongan ini telah tiba di tempat *ijtima'* seperti Masjid India untuk perhimpunan di sekitar wilayah Persekutuan itu. Program pertama, iaitu solat Asar berjamaah, diikuti dengan majlis *ta'alim* dan *bayan*. Majlis *ta'alim* diisi dengan ceramah ringkas mengulas kandungan salah satu kitab di atas, sementara *bayan*, iaitu penerangan tentang gerak kerja dan tanggungjawab setiap ahli. Acara ini biasanya akan berakhir sesudah solat Maghrib dan waktu yang terluang menunggu tibanya waktu solat Isyak akan digunakan untuk makan malam sama ada disediakan di bahagian bawah masjid atau pergi ke gerai-gerai yang berhampiran. Ahli-ahli ini akan berhimpun semula bila mendengar azan Isyak dikumandangkan.

Selepas solat Isyak, program ceramah khas akan diadakan dan sebelum tidur, ahli-ahli digalakkan untuk mengerjakan solat-solat sunat dan berzikir sebanyak-banyaknya. Begitu juga mereka disarankan agar bangkit lebih awal supaya dapat melakukan '*Qiyam al-Lail*' dan seterusnya mendirikan solat Subuh berjamaah dan mendengar kuliah subuh. *Ijtima'* ini biasanya akan berakhir sebelum tengah hari untuk membolehkan kumpulan-kumpulan yang telah dibentuk pergi berdakwah ke kampung-kampung yang disenaraikan. Biasanya menjelang waktu Zohor, kumpulan yang mengunjungi sesebuah kampung telah berada di masjid yang dipilih untuk menjadi pusat kegiatan mereka selama beberapa hari yang ditentukan.

Selepas solat Zohor, biasanya anggota rombongan diarahkan agar beristirehat (tidur) hingga menjelang masuknya waktu solat Asar. Tujuannya supaya ahli-ahli tetap cergas, walaupun hingga larut malam. Selepas solat Asar akan diadakan *ta'alim* dan kemudiannya ahli-ahli rombongan akan dibahagaiakan kepada beberapa kumpulan kecil oleh Amir rombongan yang dilantik di dalam setiap kali mesyuarat ahli syura tempatan. Kumpulan-kumpulan tersebut diarahkan agar pergi ke rumah-rumah

penduduk kampung itu untuk mengajak mereka supaya datang berjamaah pada waktu Maghrib dan kemudian mengikuti program khas yang mereka atur.

Salah satu dari kumpulan kecil itu biasanya akan mengunjungi rumah ketua kampung atau penghulu ataupun pengurus masjid untuk meminta kebenaran dan memaklumkan tentang program yang mereka jalankan. Ini dianggap perlu supaya kehadiran mereka diketahui dan tidak menimbulkan fitnah, apatah lagi kerana mereka akan bermastautin di situ dalam tempoh berdakwah.

Program pertama bersama masyarakat kampung dimulakan selepas solat sunat yakni sesudah Maghrib. Seperti biasa mesej yang ditekankan tentang pentingnya mengutamakan peningkatan ibadat dan kekuatan iman dan amalan zikir sebagai salah satu cara mendekatkan diri kepada Allah. Aktiviti seperti ini akan diadakan setiap hari sepanjang mereka bermastautin di daerah itu. Bagi rombongan yang keluar untuk tempoh tiga hari, maka pada waktu sebelah pagi pada hari terakhir itu, mereka akan meninggalkan kampung tersebut untuk membolehkan mereka membuat persiapan bagi menjalankan tugas biasa esoknya.²¹⁰

Untuk yang pertama kali mengikuti program ini, tentu mereka akan mendapat beberapa pengalaman baru. Antaranya makan secara berkumpulan dengan menggunakan talam, menjilat jari dan tapak tangan sebelum tangan dibasuh sesudah makan dan tidur dalam suasana yang tidak selesa. Bagi yang sebatи dengan kegiatan ini, mereka biasanya akan merasa bahagia hingga ada yang sanggup meninggalkan anak isteri dalam waktu yang lama dan malah ada yang sanggup terus berhenti kerja

²¹⁰ Pengalaman penulis mengikuti ijtimā' mingguan di Masjid India Kuala Lumpur pada tahun 1984 ketika menjadi pelajar dan tinggal di Kampung Siswa D (Kamsis Burhanuddin al-Helmy), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

untuk menjadi pendakwah sepenuh masa. Hakikat seperti inilah antara sebab kenapa jamaah ini, akhirnya dikenakan tindakan, termasuk mengharamkan aktiviti-aktivitinya mengambil tindakan keras oleh pihak kerajaan.²¹¹

Tentang penglibatan wanita dalam Jamaat ini, tidak banyak penilaian yang boleh dikatakan. Ini mungkin kerana sifatnya sendiri yang lebih berbentuk khusus kepada lelaki dan tidak ada hasil penerbitannya sendiri yang menhuraikan tentang isu wanita. Namun, isteri-isteri para pengikutnya digalakkan untuk mengadakan usrah di rumah mereka dengan teman sealiran pemikiran. Mereka dinasihatkan supaya jangan menghalang suami daripada melibatkan diri dengan kegiatan dakwah yang perlu meninggalkan rumah tangga. Justeru itu, mereka tidak digalakkan bergiat atau bekerja di luar rumah. Tetapi, hubungan dan kerjasama yang rapat digalakkan di antara ahli-ahli supaya para anggota Tabligh yang keluar berdakwah mendapat bantuan daripada mereka yang tidak keluar atau yang belum pergi. Mereka dituntut memakai pakaian menutup aurat sepenuhnya dan digalakkan berkomunikasi dengan lelaki bukan mahram melalui perantaraan. Ahli-ahli pergerakan ini berbeza pendapat mengenai penguasaan lelaki terhadap wanita, ada yang bersetuju dan tidak kurang pula yang menentang.²¹²

3.4.5. Kesimpulan

Perlu diakui, kegiatan Jamaat Tabligh di Malaysia diterima dengan berbagai persepsi. Ini mungkin disebabkan oleh kegiatan yang dijalankannya lebih bersifat gerak kerja '*dakwah ke dalam*', sementara '*dakwah keluar*' tidak disentuh langsung oleh gerakan ini. Kerana itu kebanyakan pengikut Jamaat ini terdiri dari mereka yang

²¹¹ Misalnya kerajaan Negeri Melaka telah mengharamkan perkampungan Jamaat Tabligh ini pada 11 Mac 1992.

²¹² Temu bual dengan Puan Nurlela binti Ahmad, isteri seorang pengikut setia Jamaah Tabligh, di Yayasan Anda, Kuala Lumpur, pada 13 Mei 1989.

memang sudah kembali ke jalan Islam dan ingin menguatkan iman dan amalannya dan kegiatannya lebih tertumpu ke kawasan yang majoriti penduduknya terdiri dari orang beragama Islam sahaja.

Aktiviti-aktiviti Jamaat ini yang tidak melibatkan diri secara nyata dalam kegiatan politik memang telah menyelamatkannya dari pengaruh-pengaruh luar dari matlamat perjuangannya. Tetapi, dasar seperti ini dari segi yang lain sedikit sebanyak mengundang polemik sehingga ada kalangan anggota masyarakat yang membuat kenyataan lebih pedas, menganggapkan Jamaat ini 'sekular' kerana sikapnya yang tidak prihatin terhadap perkara-perkara politik.²¹³

Sebagai sebuah gerakan Islam yang bergerak di peringkat antarabangsa, Jamaat Tabligh adalah antara yang mempunyai ahli hampir di seluruh penjuru dunia. Walaupun, pusat kegiatan antarabangsa tertumpu di benua kecil India, seperti di Mewat, India; Lahore, Pakistan dan Dhaka, Bangladesh, tetapi *ijtima'* tahunan Jamaat ini turut diadakan di beberapa tempat yang lain, termasuk di Barat. Ini juga adalah pendekatan yang wajar dalam usaha penyebaran dakwah untuk kumpulan sasaran di kalangan bukan Islam dan untuk menjalinkan hubungan *silat al-rahim* antara ahli-ahli dari berbagai negara. Bagi pemimpin Tabligh, apa yang diharapkan dari pengikutnya ialah semangat berdikari sebagai suatu pengorbanan ke jalan Allah. Justeru itu, siapa yang menjadi pengikut Jamaah ini diminta agar mengorbankan separuh dari masa dan pendapatannya untuk jalan Allah dan sebahagian lagi untuk urusan rumah tangga dan yang lain-lain.

²¹³ Wawancara dengan Sulaiman Yassir, Ketua Jamaah Tabligh Australia di Islamabad pada tahun 1986 ketika kami yang mewakili negara masing-masing mengikuti "Training For Da'I and Imams", anjuran Universiti Islam Antarabangsa, Islamabad, Pakistan.

3.5. Penutup

Bab ini telah menyusuri perkembangan, kelahiran, pergolakan dan sumbangan pergerakan-pergerakan Islam yang dominan di Malaysia, iaitu PAS yang berkecimpung dalam medan politik, PKPIM dalam arena pelajar, ABIM dalam medan sosial dan *tarbiyah* di kalangan belia serta Al-Arqam dan Tabligh dengan kumpulan sasaran belia dan orang awam, dalam jangka waktu 1975 -1985. Dengan tidak menafikan kelemahan dan kekurangan masing-masing, jamaah-jamaah Islam ini sebenarnya menuju matlamat yang sama, iaitu untuk melaksanakan 'Amar Ma'ruf' dan 'Nahi Mungkar' dan membantu pembentukan anggota sosial yang seimbang antara nilai '*duniawi*' dan '*ukhrawi*' mereka.

Bagaimanapun, '*uslub*' atau cara dan kaedah yang mereka gunakan tidak sama untuk mencapai matlamat tersebut. Walaupun perbezaan itu ada unsur positifnya, tetapi ini juga telah dijadikan alat oleh kumpulan tertentu untuk membendung kekuatan Islam yang akan terhasil dari penyatuan tenaga gerakan-gerakan Islam itu. Keadaan menjadi bertambah rumit kerana adanya ahli-ahlinya yang begitu '*ta'asub*' dengan jamaah masing-masing dan beranggapan kumpulan mereka sahaja yang betul.

Sebagai gerakan Islam yang meyakini bahawa politik adalah cara yang paling berkesan bagi merealisasikan cita-cita di atas dengan kemuncak penubuhan negara Islam, PAS kelihatan menggunakan sarana yang mereka miliki untuk memantapkan dominasinya di semua negeri (kecuali Sarawak), terutamanya di Kelantan dan Terengganu. Dalam hal ini, kekuatan dan fungsi mereka dalam arus politik kebangsaan diakui, terutamanya oleh musuh tradisinya UMNO. Walaupun PAS dan UMNO pernah berkerjasama di bawah panji-panji Barisan Nasional pada tahun 1974 - 1977, terutamanya untuk kepentingan umat Islam di negara ini, tetapi ini tidak kekal kerana landasan penyatuannya terlalu rapuh. Permusuhan yang wujud berterusan antara

mereka adalah sebab penting mengapa wujudnya apa yang biasa disebut sebagai '*perpecahan ummah*' di negara ini.

Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai punca gagalnya PAS menawan hati para penyokong pergerakan-pergerakan Islam lain, orang awam dan juga yang bukan Islam agar menyokong seluruh perjuangan mereka. Antaranya, sikap dan keperibadian pemimpin-pemimpinnya termasuk sikap anti orang yang bukan Islam dan trend *radikalisme*. Dengan tidak menafikan adanya usaha-usaha pihak tertentu untuk memomok-momokkan perjuangannya, PAS juga akan terus melakukan kesalahan sekiranya ia tidak mengiktirafkan projek Islamisasi yang dipelopori, terutamanya oleh jamaah-jamaah Islam lain dan kerajaan.

Khususnya antara tahun 1975 - 1985, kegagalan PAS adalah banyak berpunca dari jurang generasi dan kegagalan pucuk pimpinan PAS untuk menguasai parti sepenuhnya. Ini paling ketara ketika Datuk Asri memimpin parti ini, sehingga beliau terpaksa meletakkan jawatan menjelang Muktamar Parti pada tahun 1982. 'Young Turk' di bawah barisan kepimpinan ulama yang menguasai PAS selepas Muktamar 1982, diiringi dengan trend radikal yang cukup deras arusnya ketika itu, menimbulkan keresahan baru di kalangan setengah pihak. Misalnya, Allahyarham Abu Bakar Hamzah, bekas seorang pemimpin tinggi parti yang dipecat dari menganggotai barisan jawatankuasa agung PAS pada tahun 1985, menyifatkan pucuk pimpinan '*ala ulama*' PAS ketika itu seolah-olah politik '*ala Sami Brahman* di India yang menganggapkan diri mereka tinggi dan tidak patut berbicara dengan orang bawahan. Kenyataan kontroversinya itu dibuat sehari sebelum Muktamar Agung bermula di mana beliau bertanding untuk jawatan Naib Presiden. Ia juga menyimpulkan bahawa 'PAS ketika itu telah terselamat daripada pimpinan politik rejim buta Qur'an, tetapi terjerumus dalam perangkap politik era baru pimpinan ulama '*jenis tok guru kampung*' yang tidak

memainkan peranan sewajarnya.²¹⁴ Kesan paling ketara dari hakikat di atas ialah pengaruh parti ini merosot dalam pilihanraya kebangsaan pada tahun 1982 dan 1986.

Bagaimanapun, dengan kecenderungan dan sikap yang lebih 'moderat' selepas itu, PAS boleh dianggap memasuki era baru dan akan berperanan lebih berkesan sebagai sebuah pergerakan Islam dan parti politik, bukan sahaja untuk menyediakan pendekatan dan kerajaan alternatif, tetapi juga menjadi '*watch dog*' dan penyelesai masalah sosial dalam rangka meningkatkan martabat Islam sebagai agama rasmi di Persekutuan Malaysia.

PKPIM, ABIM, Al-Arqam dan Tabligh juga mempunyai saham dan peranan yang sama besarnya untuk dijayakan. Kehadiran pergerakan-pergerakan Islam ini bukan sekadar mengisi ketandusan aktiviti yang berorientasikan kefahaman, kesedaran Islam dan penjurusan ke arah penghayatan Islam yang *syumul*, tetapi mereka juga merupakan kuasa yang memperjuangkan kebenaran dan keadilan berasaskan cita-cita Islamiyyah. Tetapi, untuk merealisasikannya sudah tentu tidak mudah, kerana setiap jamaah itu mempunyai pendekatan, pengikut, landasan perjuangan dan malah kadang-kadang berbeza kumpulan sasarannya.

Seperti yang telah disentuh, pergerakan-pergerakan Islam ini mempunyai keutamaan yang berbeza dalam merealisasikan cita-cita perjuangan mereka. Sama ada disedari atau tidak, ini sebenarnya merupakan keadaan yang '*cukup baik*' kerana disamping untuk kepentingan sendiri, keutamaan dan pendekatan itu boleh digunakan oleh jamaah masing-masing untuk saling lengkap melengkapi ke arah memenuhi semua keperluan ummah sejajar dengan aspirasi Islam. PAS, misalnya boleh memberi perhatian lebih kepada aspek politik kerana bidang-bidang lain seperti ekonomi, sosial,

²¹⁴ *Utusan Malaysia*, 19 Mei 1993.

kebudayaan dan masalah pelajar menjadi keutamaan jamaah-jamah lain. Kalau hakikat ini diberi perhatian sewajarnya, umat Islam di negara ini akan lebih dominan dan boleh menjadi model. Kalau potensi ini diabaikan, bererti kita membawa ummah ke arah kemunduran. Antara ciri-cirinya menurut Dr. Nu'man Abdurrazaq As-Samara'i dalam kitabnya '*Ainal Khalaif*'²¹⁵ ialah daripada persatuan menjadi perpecahan, dan daripada persaudaraan menjadi perselisihan dan daripada perkasa menjadi lemah.

²¹⁵ Nu'man Abdurrazaq, *Pasang Surut Gerakan Islam: Suatu Studi Ke Arah Perbandingan*, Jakarta : Pustaka Syuhada, 1987, hal. 1